

**TAHAP PENGUASAAN BAHASA MELAYU PELAJAR
CINA DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH
PERSENDIRIAN CINA KLANG**

NUR FATIN BINTI ZULKIFLI

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITY OF MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**TAHAP PENGUASAAN BAHASA MELAYU PELAJAR
CINA DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH
PERSENDIRIAN CINA KLANG**

NUR FATIN BINTI ZULKIFLI

**KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN KEPADA
AKADEMI PENGAJIAN MELAYU,
UNIVERSITY MALAYA
SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
KEPERLUAN UNTUK
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN MELAYU**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITY OF MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : **Nur Fatin Binti Zulkifli**

No. Matrik : **JGA 160004**

Nama Ijazah : **SARJANA PENGAJIAN MELAYU**

Tajuk Kertas Projek (“Hasil Kerja ini”) :

“TAHAP PENGUASAAN BAHASA MELAYU PELAJAR CINA DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN CINA DI KLANG”

Bidang Penyelidikan : **Penguasaan Bahasa**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini ;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

.....
Tandatangan Calon

Tarikh : 29 Disember 2017

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

.....
Tandatangan Saksi

Tarikh : 29 Disember 2017

Nama:
Jawatan :

**MALAY LANGUAGE PROFICIENCY OF THE CHINESE STUDENTS IN A
PRIVATE CHINESE SECONDARY SCHOOL IN KLANG**

ABSTRACT

The objective of this study is to identify the level of Malay Language through the analysis of Malay language errors in their essay among Chinese students in a Chinese Private Secondary School in Klang, categorizing the types of Malay language errors in their essay made by Chinese students in a secondary school (private) and identify the correlation between teaching techniques as a second language. This study uses an error analysis approach in essay writing done by Chinese students. The sample of this study is 30 Chinese students as respondents from Junior 3 who speak in their native language as their mother tongue. A few methods were used for this study by the researcher such as observation, interview and questionnaire. The theory used in the analysis of error analysis is the Language Acquisition Theory by Corder (1973) which uses the concept of error analysis. Theory of Monitors by Krashen (1981) was also applied in the study of language proficiency and these two theories resulted in a new concept in this language study of Chinese students learning the second language of Malay. The problem faced by the researcher is mechanical errors, morphological errors and syntactic errors. The results showed the highest morphological error followed by mechanical error and syntactic error. A questionnaire involving 100 teachers in Chinese Private Secondary School Kwang Hua was used to identify the correlation between teaching techniques among Chinese students. The researchers use SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) version 20. The findings show that all variables are significant and the results show that teaching techniques are very important in teaching and learning in the classroom.

Keywords : Malay Language, Chinese Students, Error Analysis, Teaching Technique

**TAHAP PENGUASAAN BAHASA MELAYU PELAJAR CINA DI SEBUAH
SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN CINA DI KLANG**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar Cina di sebuah Sekolah Menengah Persendirian Cina di Klang. Antara objektif kajian ini ialah pengkaji akan mengenal pasti tahap penguasaan bahasa Melayu melalui pendekatan analisis kesilapan bahasa Melayu dalam karangan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina di sebuah sekolah menengah (persendirian), mengkategorikan jenis-jenis kesilapan bahasa Melayu dalam karangan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina di sebuah sekolah menengah (persendirian) dan mengenal pasti hubungan teknik pengajaran dalam penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kesilapan dalam karangan pelajar Cina. Subjek kajian ialah seramai 30 orang pelajar tingkatan 3 dan bertutur dalam bahasa ibunda. Penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan soal selidik untuk mendapatkan data. Teori yang digunakan dalam kajian analisis kesilapan ialah Teori Pemerolehan Bahasa oleh Corder (1973) iaitu menggunakan konsep analisis kesilapan. Teori Monitor oleh Krashen (1981) turut diaplikasikan dalam kajian penguasaan bahasa dan kedua-dua teori ini menghasilkan satu konsep yang baru dalam penguasaan bahasa pelajar-pelajar Cina yang mempelajari bahasa kedua iaitu bahasa Melayu. Aspek kesilapan yang dikaji oleh pengkaji ialah kesilapan mekanikal, kesilapan morfologi dan kesilapan sintaksis. Hasil kajian menunjukkan kesilapan morfologi paling tinggi diikuti dengan kesilapan mekanikal dan seterusnya kesilapan sintaksis. Kaedah soal selidik yang melibatkan 100 orang guru di Sekolah Menengah Persendirian Cina Kwang Hua digunakan untuk mengenal pasti hubungan teknik pengajaran dengan tahap penguasaan pelajar-pelajar Cina. Pengkaji menggunakan SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) versi 20. Hasil kajian

membuktikan kesemua pembolehubah mempunyai kesignifikanan dan terbukti bahawa teknik pengajaran sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Kata kunci : Bahasa Melayu, Pelajar Cina, Analisis Kesilapan, Teknik Pengajaran

University of Malaya

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, pertama sekali pengkaji ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah izin-Nya, maka dapatlah pengkaji menyiapkan kertas penyelidikan ini bagi menyempurnakan syarat Sarjana Pengajian Melayu dalam tempoh yang ditetapkan.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih pengkaji ucapkan kepada semua yang terlibat dalam penulisan ini, terutama kepada penyelia, iaitu Dr Muhammad Saiful Haq Hussin kerana sudi menyelia, memberi tunjuk ajar dan cadangan sepanjang pengkaji berada di bawah seliaan beliau. Pengkaji pastinya tidak akan melupakan jasa semua pensyarah, iaitu Prof Profesor Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid, Profesor Madya Dr Awang Azman Awang Pawi, Dr Salinah Jaafar, Dr Azlin Hamidon, Dr Yulita dan lain-lain kerana sudi mencurahkan ilmu dan memberi tunjuk ajar kepada pengkaji sepanjang pengajian di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Penghargaan tidak terhingga juga pengkaji tujukan kepada kedua ibu bapa tercinta iaitu Zulkifli bin Seman dan Norhayati binti Muhd Nur yang sentiasa memberikan kata-kata perangsang dan sokongan serta mendoakan kejayaan pengkaji serta adik-beradik yang saya kasihi Muhamad Zaim Zulkifli, Zakiran Zulkifli dan Muhamad Zakwan Zulkifli. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada suami tercinta Mohd Ashakiran bin Dolah serta keluarga suami yang memberikan sokongan dan kata-kata semangat kepada saya untuk menyiapkan kertas projek ini pada masa yang ditetapkan. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada ahli keluarga lain iaitu Nor Atiqah Sharif dan Nurul Fariha Rasdi yang banyak memberikan dorongan untuk saya meneruskan tanggungjawab saya sebagai pengkaji.

Penghargaan untuk teman-teman seperjuangan tidak pasti saya lupakan terutama Umi Atikah Mohd Kamil, Huraizah Abdul Sani, Nadzirah Ramlee, Mogana A/P Mariappan dan rakan-rakan lain yang telah banyak membantu saya tidak kira senang atau susah. Budi baik kalian sangat saya hargai.

Bunga pandan jauh ke tengah,

Pulau Sari bercabang dua,

Buruk badan dikandung tanah,

Budi baik dikenang juga.

Akhir kata, saya berharap dan berdoa ke hadrat Allah S.W.T agar segala ilmu dan usaha yang dilakukan ini diberkati oleh-Nya dan memberi manfaat kepada semua dan mendatangkan kebaikan dan rahmat kepada semua pembaca.

Nur Fatin Binti Zulkifli
Jabatan Bahasa Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
Sesi 2016/2017
Disember 2017

ISI KANDUNGAN

Abstract	iii
Abstrak	ivv
Penghargaan	vi
Isi Kandungan	vError! Bookmark not defined.
Senarai Rajah	xiii
Senarai Jadual.....	xiv
Senarai Singkatan dan Simbol	Error! Bookmark not defined.
Senarai Lampiran.....	xvi
BAB 1 : PENGENALAN	1
1.0 Pendahuluan.....	1
1.1 Latar belakang Kajian.....	5
1.2 Permasalahan Kajian.....	8
1.3 Persoalan Kajian.....	11
1.4 Objektif Kajian.....	12
1.5 Bidang Kajian.....	12
1.6 Kepentingan Kajian.....	13
1.7 Definisi Operasional.....	14
1.7.1 Penguasaan Bahasa.....	15
1.7.2 Bahasa Melayu.....	15
1.7.3 Pelajar-pelajar Cina.....	16
1.7.4 Pemerolehan Bahasa.....	16
1.7.5 Pembelajaran Bahasa Kedua.....	17
1.7.6 Perbezaan Kesilapan dan Kesalahan Bahasa.....	18
1.7.7 Analisis Kesilapan.....	19

1.7.8	Tatabahasa.....	22
1.7.9	Karangan.....	22
1.7.10	Kesilapan Mekanikal.....	23
1.7.11	Morfologi.....	24
1.7.12	Sintaksis.....	24
1.8	Kesimpulan Tajuk.....	25
1.9	Rumusan.....	25
BAB 2 : SOROTAN KAJIAN.....		26
2.0	Pendahuluan.....	26
2.1	Kajian Lepas tentang Penguasaan Bahasa.....	27
2.1.1	Kajian di Luar Negara.....	27
2.1.2	Rumusan Kajian di Luar Negara.....	28
2.1.3	Kajian di Dalam Negara.....	28
2.1.4	Rumusan Kajian di Dalam Negara.....	29
2.2	Kajian Lepas tentang Analisis Kesilapan.....	30
2.2.1	Kajian di Luar Negara.....	30
2.2.2	Rumusan Kajian di Luar Negara.....	31
2.2.3	Kajian di Dalam Negara.....	31
2.2.4	Rumusan Kajian di Dalam Negara.....	39
2.3	Kesimpulan Sorotan Kajian.....	40
2.4	Rumusan.....	41

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN.....	42
3.0	Pendahuluan.....42
3.1	Konsep dan Teori Kajian.....43
3.1.1	Teori Pemerolehan Bahasa Corder.....43
3.1.2	Teori Monitor.....44
3.2	Kerangka Teoritis Kajian.....45
3.2.1	Kerangka Teoritis Analisis Kesilapan.....45
3.2.2	Kerangka Teoritis Teori Monitor.....49
3.2.3	Kerangka Konsepsi.....51
3.3	Metodologi Kajian.....52
3.3.1	Kaedah Kepustakaan.....52
3.3.2	Kaedah Kerja Lapangan.....53
3.3.2.1	Kaedah Temubual.....53
3.3.2.2	Kaedah Soal Selidik.....54
3.3.2.3	Responden.....54
3.3.2.4	Borang Soal Selidik.....54
3.3.2.5	Perincian Maklumat Borang Soal Selidik.....55
3.3.3	Kaedah Pemerhatian Turut Serta.....56
3.3.4	Kerangka Konseptual.....57
3.3.4.1	Prosedur Kajian.....60
3.3.5	Tempat Kajian.....61
3.3.6	Subjek Kajian.....61
3.3.7	Proses Analisis Data.....61
3.4	Kesimpulan.....63

BAB 4 : TAHAP PENGUASAAN BAHASA MELAYU.....	64
4.0	Pendahuluan.....64
4.1	Kesilapan Mekanikal.....64
4.1.1	Kesilapan Ejaan.....65
4.1.2	Kesilapan Penggunaan Huruf besar dan Huruf Kecil.....68
4.1.3	Kesilapan Tanda Baca.....70
4.1.4	Rumusan Kesilapan Mekanikal.....71
4.2	Kesilapan Morfologi.....72
4.2.1	Kesilapan Imbuhan.....74
4.2.2	Kesilapan Kata Ganti Nama Diri.....78
4.2.3	Kesilapan Kata Hubung.....81
4.2.4	Kesilapan Kata Sendi Nama.....82
4.2.5	Kesilapan Pemilihan Perkataan.....85
4.2.6	Kesilapan Penjodoh Bilangan.....91
4.2.7	Rumusan Kesilapan Morfologi.....93
4.3	Kesilapan Sintaksis.....95
4.3.1	Rumusan Kesilapan Sintaksis.....100
4.4	Kesimpulan100
BAB 5 : HUBUNGAN TEKNIK PENGAJARAN DENGAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU PELAJAR.....	101
5.0	Pendahuluan.....101
5.1	Frekuensi Demografi Responden dan Soalan Kaji Selidik.....105
5.2	Analisis Data.....113
5.3	Hasil Kajian.....117
5.4	Perbincangan.....121
5.5	Rumusan124

BAB 6 : RUMUSAN DAN CADANGAN.....	125
6.0	Pendahuluan.....125
6.1	Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar-Pelajar Cina126
6.2	Hubungan Teknik Pengajaran Dengan Tahap Penguasaan Pelajar.....126
6.3	Cadangan Mengatasi Kelemahan Penguasaan Pelajar.....127
6.3.1	Peranan dan Sikap Pelajar.....127
6.3.2	Peranan Guru-guru.....129
6.3.3	Peranan Pihak Sekolah.....131
6.3.4	Peranan Pihak Kementerian132
6.4	Cadangan Kajian Selanjutnya133
6.5	Kesimpulan135
BIBLIOGRAFI.....	136
LAMPIRAN.....	143

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1	:	Model Teori Pemerolehan Bahasa Kedua Krashen.....	44
Rajah 3.2	:	Konsep Analisis Kesilapan.....	46
Rajah 3.3	:	Kerangka Konsepsi.....	51
Rajah 3.4	:	Kerangka Konseptual.....	59
Rajah 4.3.1	:	Rajah Pohon 1.....	97
Rajah 4.3.2	:	Rajah Pohon 2.....	98
Rajah 4.3.3	:	Rajah Pohon 3.....	99
Rajah 5.0	:	Framework.....	104
Rajah 5.3	:	Hubungan Teknik Pengajaran dengan Pembolehubah.....	120

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1	:	Jenis, Jumlah dan Peratus Kesilapan Aspek Mekanikal.....	65
Jadual 4.2	:	Kesilapan Ejaan.....	66
Jadual 4.3	:	Kesilapan Penggunaan Huruf Besar dan Huruf Kecil.....	69
Jadual 4.4	:	Kesilapan Tanda Baca.....	70
Jadual 4.5	:	Jenis, Jumlah dan Peratus Kesilapan Aspek Morfologi.....	73
Jadual 4.6	:	Kesilapan Imbuhan.....	74
Jadual 4.7	:	Kesilapan Kata Ganti Nama Diri.....	79
Jadual 4.8	:	Kesilapan Kata Hubung.....	81
Jadual 4.9	:	Kesilapan Kata Sendi Nama.....	82
Jadual 4.10	:	Kesilapan Pemilihan Perkataa.....	86
Jadual 4.11	:	Kesilapan Penjodoh Bilangan.....	92
Jadual 4.12	:	Kesilapan Sintaksis.....	95
Jadual 5.1	:	Frekuensi Demografi Responden.....	105
Jadual 40	:	Min, Sisihan Piawai dan Kolerasi.....	116
Jadual 41	:	Takfsiran Nilai Pekali r	117

SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

SMPC	:	Sekolah Menengah Persendirian Cina
SMPKH	:	Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua
UEC	:	Unified Examination Certificate
J3Y	:	Junior 3 Loyalty
B2	:	Bahasa Kedua
SPSS	:	Statistical Package for the Social Sciences
SPM	:	Sijil Peperiksaan Malaysia
P&P	:	Pengajaran dan Pembelajaran
%	:	Peratus
H	:	Hipotesis

University of Malaya

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Skema Pemarkahan Junior 3 (Tingkatan 3).....	145
Lampiran 2 : Analisis UEC 2012 hingga 2016.....	148
Lampiran 3 : Skrip Peperiksaan Akhir Semester Kedua Bahasa Melayu.....	149
Lampiran 4 : Jadual keputusan Peperiksaan Akhir Semester Kedua.....	150
Lampiran 5 : Borang Soal Selidik.....	151
Lampiran 6 : Surat Permohonan Kebenaran Pihak Sekolah.....	155
Lampiran 7 : Surat Permohonan Kebenaran Pihak Akademi.....	157
Lampiran 8 : Peta Lokasi.....	158
Lampiran 9 : Gambar-gambar.....	159

BAB 1 : PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Malaysia merupakan negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk yang berbilang kaum. Masyarakat yang berbilang kaum ini mempunyai bahasa ibundanya sendiri. Selama ini, pelbagai dasar pendidikan yang telah digubal, dibentuk dan dipinda sejajar dengan perkembangan pendidikan negara. Justeru, terdapat kewujudan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) yang sudah sekian lama ini sebenarnya telah diusahakan oleh masyarakat Cina sendiri yang berteraskan pendidikan Cina. Sekolah Menengah Cina (SMC) atau huawen zhongxue merupakan sekolah yang terawal di negara ini. Kemudian selepas perubahan dasar kerajaan melalui Akta Pelajaran 1961, SMC terbahagi kepada dua iaitu Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJKC) dan SMPC. SMJKC ialah sekolah yang mendapat bantuan kewangan kerajaan dan menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar manakala SMPC ialah sekolah yang enggan menerima bantuan kewangan kerajaan dan mengekalkan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar.

Perkara 152 Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan bahawa bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Kebangsaan ini hendaklah digunakan di dalam urusan rasmi dalam semua bidang. Sesuai dengan statusnya sebagai bahasa rasmi Malaysia yang mendokong peranan sebagai bahasa ilmu pengetahuan (Akta Pendidikan, 1996), bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama bagi mata-mata pelajaran di sekolah kebangsaan kecuali Matematik dan Sains mulai 2004 (Sharifah Maimunah, 2004) serta sebagai satu mata pelajaran wajib, termasuklah di sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina dan Tamil).

Sejarah pendidikan di sekolah persendirian Cina bermula dengan pendidikan vernakular yang menggunakan bahasa ibunda kaum masing-masing sebagai bahasa pengantar iaitu berorientasikan pendidikan mengikut kaum, buku teks dan guru dibawa dari negara asal. Sekolah-sekolah ini dibiayai oleh pengusah-pengusaha Cina yang mempunyai lombong dan mereka menggunakan dialek sebagai bahasa pengantar dan guru, buku serta sukatan pelajaran dibawa berasaskan dari negara asal.

Tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar Cina di sekolah persendirian Cina didapati masih lemah dan perlu diperbaiki dengan lebih giat dan berefisien. Salah satu faktor yang menjadi penghalang utama adalah disebabkan bahasa Melayu bukan bahasa pertuturan di sekolah tersebut. Walaupun terdapat guru-guru berbangsa Melayu dan segelintir pelajar Melayu yang belajar di sekolah persendirian Cina, tetapi hal ini tidak dapat membantu untuk memartabatkan bahasa kebangsaan kerana segelintir mereka fasih bertutur dalam bahasa Cina walaupun bahasa Melayu bahasa ibunda mereka. Walau bagaimanapun, kajian terhadap pemerolehan bahasa terhadap pelajar-pelajar Cina ini boleh dilakukan untuk mengenal pasti tahap penguasaan mereka terhadap bahasa sasaran yang dipelajari.

Sistem pendidikan di SMPC berteraskan pendidikan vernakular yang menggunakan bahasa ibundanya sebagai bahasa pengantar iaitu Bahasa Cina (Mandarin). Justeru, mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran keperluan yang diajar di SMPC seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Di samping itu, mata pelajaran Bahasa Melayu di SMPC bukanlah mata pelajaran teras yang terkandung dalam kurikulum persendirian SMPC misalnya mata pelajaran Sejarah yang dijadikan sebagai mata pelajaran yang wajib. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan terhadap penguasaan Bahasa Melayu dalam penulisan karangan yang kurang diberi

perhatian terutama murid-murid Cina di Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua (SMPKH), Klang, Selangor.

Secara umumnya, kemahiran Bahasa Melayu murid Cina di SMPKH mempunyai tahap yang kurang memuaskan atau lemah. Awang Sariyan (2001) menyatakan bahawa ramai pelajar yang tidak bersedia dalam membuat persediaan untuk merangka ayat dan membentuk plot atau melatih kecekapan tatabahasa. Selama ini, mereka tidak pernah membuat latihan karangan. Pelajar seharusnya melakukan persediaan yang rapi seperti kerap mengarang. Daripada usaha ini, dapatlah mereka menggilap bakat mengarang, membaiki tatabahasa dan memelihara struktur ayat.

Pandangan beliau jelas membuktikan bahawa kemerosotan pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan murid adalah disebabkan oleh faktor kesilapan bahasa. Semakin banyak kesilapan bahasa, khususnya dari segi morfologi, sintaksis dan mekanikal semakin rendahlah markah yang diperoleh oleh mereka dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Berkenaan dengan jenis kesilapan bahasa yang dilakukan, Awang Sariyan (1980) berpendapat bahawa masih terdapat banyak kesilapan bahasa pada peringkat tulisan daripada kesilapan ejaan hinggalah kepada kesilapan morfologi dan sintaksis. Juriah Long, et al., (1994) menyatakan bahawa selain kesilapan kata, kesilapan bahasa juga disebabkan oleh faktor gangguan daripada bahasa ibunda.

Menurut Awang Sariyan (1984), beliau mengenal pasti beberapa punca utama kemerosotan pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Antaranya ialah faktor gangguan dialek, contohnya bahasa Foochou, Hokkien dan Hakka. Menurut Lado di dalam Farid M. Onn (1983), kesilapan yang dilakukan oleh pelajar mungkin berpunca daripada aspek luaran ataupun dalaman. Hal luaran ini berpunca daripada pengaruh media massa dan masyarakat sekeliling manakala hal dalaman pula berpunca daripada pelajar. Contohnya, gangguan bahasa ibunda, kekeliruan yang berpunca daripada

kecuaian dan kekurangan pengetahuan tentang bentuk yang betul, kegagalan menyatakan sesuatu yang menyebabkan seseorang itu terpaksa menggunakan bahasa pertama dan sebagainya.

Berdasarkan penjelasan di atas, jelaslah bahawa kesilapan bahasa yang dilakukan oleh murid mempengaruhi penguasaan mereka dari segi bahasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kandungan sukatan pelajaran Bahasa Melayu berpandukan Dasar Pendidikan Kebangsaan meletakkan beberapa kecekapan berbahasa dan aspek-aspek bahasa yang perlu diajarkan di dalam bilik darjah yang meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Dalam kemahiran menulis, pelajar digalakkan menghasilkan penulisan kreatif dengan pemikiran yang kritis dan analitis. Namun, kegagalan yang dinyatakan oleh pandangan-pandangan di atas ternyata perhatian terhadap penguasaan Bahasa Melayu kurang ditekankan di SMPKH.

Menurut Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah 1988 yang diterbitkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (sekarang Kementerian Pendidikan Malaysia), karangan ialah kombinasi penulisan yang dapat membina kemahiran dalam melahirkan perasaan, fikiran, pendapat dan menggalakkan pengalaman melalui penulisan. Di SMPKH, karangan menduduki tempat yang sangat penting dalam peperiksaan yang terbahagi kepada dua kategori peperiksaan iaitu peperiksaan pertengahan semester pertama dan peperiksaan akhir semester kedua mata pelajaran Bahasa Melayu. Justeru, 40 peratus daripada markah keseluruhan diperuntukkan untuk menilai pengiraan markah ialah kemahiran penulisan karangan pelajar bagi mata pelajaran Bahasa Melayu (Rujuk Skema Pemarkahan dalam Lampiran 1). Oleh hal yang demikian, penulisan karangan yang baik memainkan peranan yang amat penting untuk memperoleh keputusan atau gred yang baik dalam peperiksaan pelajar.

Namun, penguasaan Bahasa Melayu di SMPKH dapat dilihat melalui prestasi murid berdasarkan penulisan. Tahap penguasaan karangan dalam peperiksaan bagi setiap murid pada tahap yang kurang memuaskan atau lemah. Mereka sukar membina ayat dengan sempurna lalu melakukan banyak kesilapan tatabahasa sama ada secara sedar atau tanpa sedar. Menurut Richard (1992), dalam sesuatu proses, membina ayat dalam Bahasa Melayu, khususnya mengarang penulisan karangan, pelajar terikut-ikut dengan sistem bahasa ibundanya. Mereka kerap melakukan kesilapan tatabahasa disebabkan perbezaan yang agak ketara antara kedua-dua sistem bahasa tersebut. Oleh hal yang demikian, kekerapan kesilapan bahasa yang sering dilakukan oleh murid SMPKH dalam penulisan karangan ialah kesilapan mekanikal atau lebih tepat lagi ialah kesilapan ejaan.

Walaupun banyak kursus profesionalisme dianjurkan oleh SMPKH yang ditadbir oleh Dong Jiao Zong yang merupakan sebuah “Gabungan Persekutuan Pertubuhan Lembaga Sekolah-Sekolah Cina Malaysia” kepada guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu namun penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina masih di tahap yang kurang memuaskan atau lemah, khususnya dalam kemahiran penulisan. Memandangkan status Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran keperluan sahaja dan bukan mata pelajaran yang wajib lulus, maka usaha-usaha untuk memantapkan penulisan karangan perlu diambil dengan kadar segera.

1.1 Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan kebangsaan negara ini adalah berasaskan Penyata Razak 1956 dan Penyata Rahman Talib 1960. Setelah sepuluh tahun negara mencapai kemerdekaan, bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang menjadi bahasa pengantar utama, dalam dasar pendidikan kebangsaan. Sejak itu, Penyata Pendidikan dan Bahasa Kebangsaan terus menjadi landasan dalam pelaksanaan sistem pendidikan

kebangsaan sehingga ke hari ini. Namun begitu, dalam masa yang sama wujud satu sistem pendidikan di luar sistem pendidikan kebangsaan iaitu pendidikan SMPC yang berlandaskan penggunaan bahasa ibunda etnik Cina, iaitu bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar di sekolah.

Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) merupakan sejenis sekolah tinggi persendirian di Malaysia yang diasaskan oleh etnik Cina di Malaysia semenjak awal abad ke-19. Sekolah ini terbuka kepada semua bangsa dan latar belakang. Sekolah-sekolah ini dibina untuk memberikan pendidikan di dalam bahasa Cina. Oleh sebab itu, kebanyakan pelajarinya terdiri daripada masyarakat Cina sehingga ke hari ini. Setakat ini terdapat 60 sekolah tinggi persendirian Cina di dalam Malaysia dan mewakili sebahagian kecil daripada sekolah-sekolah tinggi di Malaysia. Sekolah-sekolah ini diuruskan oleh ibu pejabat yang bertempat di tengah bandar Kajang, Selangor dan dikenali sebagai Gabungan Persekutuan Pertubuhan Lembaga Sekolah-Sekolah Cina Malaysia atau di dalam bahasa Inggeris sebagai United Chinese School Committees Association of Malaysia (UCSAM), manakala dalam bahasa Cina ialah Dong Jiao Zong.

Pelajar di Sekolah Menengah Persendirian Cina mendapat pendidikan dari tiga tahap rendah (Junior) sehingga ke tahap tinggi (Senior). Setiap tahap mengambil masa selama satu tahun. Pelajar yang gagal tidak dibenarkan untuk memasuki tahap seterusnya tetapi dikehendaki mengulang dan sekiranya mereka gagal lagi selama tiga tahun pada tahap yang sama, maka pelajar tersebut akan disingkir. Hal yang demikian menyebabkan pelajar mengambil masa yang lama iaitu lebih dari 6 tahun untuk menamatkan pengajian di Sekolah Menengah Persendirian Cina. Di sekolah ini, pelajar akan menduduki peperiksaan piawai yang dikenali sebagai Sijil Peperiksaan Bersama

(Unified Examination Certificate/UEC)¹. Seseengah pelajar di sekolah ini juga mengambil peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) sebagai calon persendirian. UEC (Unified Examination Certificate) diadakan oleh Dong Jiao Zong (Persatuan Guru dan Pengarah Sekolah Cina) sejak tahun 1975.

Kajian ini menumpukan kepada aspek penguasaan pelajar Cina dalam bahasa Melayu melalui analisis kesilapan terhadap karangan pelajar yang dijadikan sebagai kaedah pengukuran untuk menentukan tahap penguasaan pelajar bahasa kedua iatu pelajar Cina. Kesilapan bahasa merupakan kombinasi dua perkataan “kesilapan” dan “bahasa”. Kesilapan merujuk perbuatan salah atau kesilapan. Perkataan bahasa pula, bermakna sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia. Menurut seorang sarjana Jerman, Wilhem Von Humboldt, bahasa ialah satu sintesis daripada bunyi yang dibentuk oleh “lautform” bentuk luaran dan fikiran yang dibentuk oleh “idenform” bentuk dalaman. Hasilnya, tidak terbatas jumlahnya dapat diterbitkan berdasarkan pelbagai ragam ujaran. Bahasa dapat dirumuskan sebagai satu struktur yang unik daripada bunyi ucapan. Bunyi yang dipilih dan disusun secara sewenang-wenangnya untuk digunakan oleh sesuatu masyarakat.

Oleh itu, bahasa Melayu merupakan platform dalam memupuk agenda ini dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia meskipun wujud sifat kepelbagaian budaya dan kaum. Seirama dengan pemakaiannya yang semakin meluas, kesilapan-kesilapan penggunaan bahasa oleh pelbagai bangsa di Malaysia merupakan fakta yang menonjol. Kesilapan yang dianggap pencemaran bahasa akan serta-merta mengingatkan semua pihak kepada pencemaran udara dan alam sekitar yang menjadi fenomena zaman moden

¹ Pay See Tiang. (2008). Politik Pendidikan Sekolah Menengah Persendirian Cina (Smpc), 1962-2002: Satu Kajian Tentang Perkembangan Smpc Di Ipoh, Perak. : Universiti Sains Malaysia

yang menakutkan. Bangsa Malaysia terdiri daripada berbilang kaum yang masing-masing mempunyai bahasa ibunda yang berlainan. Rakyat berbilang kaum ini telah mengalami sistem persekolahan dan bahasa penghantar yang berlainan.

1.2 Permasalahan Kajian

Tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar Cina masih lemah di SMPKH. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan analisis Sijil Peperiksaan Bersama (Unified Examination Certificate) yang diduduki pelajar Junior 3 (Tingkatan 3) dalam subjek bahasa Melayu selama empat tahun dari 2012 hingga 2016 (Lampiran 2). Kesilapan membuktikan pelajar memang belum memahami sistem linguistik bahasa yang digunakan. Kesilapan juga berlaku secara konsisten dan sistematik serta menggambarkan pemahaman pelajar tentang Bahasa Kedua (B2). Sekiranya pemahaman B2 rendah, maka lebih banyak kesilapan itu berlaku. Kekekapan kesilapan yang tinggi dalam pembelajaran bahasa Melayu bukan saja berlaku dalam kalangan pelajar Malaysia, malahan dalam kalangan pelajar asing. Fenomena ini telah menjejaskan prestasi pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa sasaran.

Dalam proses mempelajari bahasa Melayu baku, terdapat pelbagai masalah yang timbul dalam kalangan pelajar-pelajar Cina terutamanya dapat dilihat dari segi kesukaran mereka untuk memahami bahasa Melayu dengan baik. Kesan daripada itu mereka sering melakukan kesalahan dalam pelbagai aspek bahasa terutamanya dari segi ejaan yang meliputi sistem keselarasan huruf vokal, pengejaan dan penggunaan imbuhan, partikel, kata gabungan, kata pinjaman, nama tempat, nama orang dan istilah khusus (Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Melayu, 1982: 117). Walaupun, sebelum ini telah ditunjuk dan diajar oleh guru cara mengejanya dengan betul.

Selain itu, masalah pembelajaran lain yang dihadapi oleh murid-murid Cina ialah aspek penulisan terutama dari segi tatabahasa, seperti imbuhan, golongan kata, struktur ayat, penjodoh bilangan, dan tanda bacaan. Kesalahan imbuhan, golongan kata dan struktur ayat merupakan kesalahan yang sering ditemui dalam kalangan murid-murid bukan Melayu, khususnya murid-murid Cina (Nuraini Yusoff, 2005; Tengku Nor Faizul Tengku Embong, 2006).

Terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan sebelum ini untuk mengenal pasti faktor-faktor utama yang menyebabkan masalah kesalahan ejaan sering berlaku dalam penulisan para pelajar terutamanya dalam kalangan para pelajar bukan Melayu. Menurut kajian Sharma (1981), Lufti Abas (1987), Abdul Hamid Mahmood (1993), Yap (1973), Azman Wan Chik (1989) dan Dahnil Ahdani (1989) mereka berpendapat kesalahan ejaan berpunca daripada beberapa faktor luaran seperti gangguan emosi, pengaruh bahasa ibunda dan dialek, keliru bentuk dan aturan sistem ejaan bahasa semasa, ketidakseragaman ejaan, sikap pengguna bahasa dan masalah peribadi pengguna bahasa (Muhamaad Slaebing, 2004: 25-29).

Berdasarkan kajian ini faktor utama yang dilihat menyumbang kepada permasalahan pelajar-pelajar Cina adalah disebabkan oleh kurangnya pendedahan terhadap bahan bacaan bahasa Melayu. Hal ini, merupakan punca mereka gagal menguasai bahasa Melayu dengan baik terutamanya dalam aspek ejaan yang boleh memberikan kesan yang besar terhadap keseluruhan penulisan mereka.

Seterusnya, faktor terlalu mementingkan bahasa Inggeris berbanding bahasa kebangsaan dalam kehidupan harian dilihat merupakan salah satu sebab mereka sering melakukan kesalahan ejaan dalam penulisan bahasa Melayu. Dalam bahasa Melayu terdapat beberapa perkataan yang dipinjam dan dimelayukan daripada bahasa Inggeris. Misalnya, perkataan “komputer”, “tuisyen” dan “telefon”. Disebabkan oleh, terlalu

mementingkan bahasa Inggeris sehingga mereka tidak tahu wujud perkataan tersebut dalam bahasa Melayu. Sebaliknya, terdapat juga sesetengah pelajar yang tahu dan biasa mendengar dan menggunakan perkataan tersebut dalam kedua-dua bahasa, namun kebanyakan mereka hanya tahu mengeja perkataan itu dalam bahasa Inggeris iaitu “computer”, “tuition” dan “telephone”. Keadaan ini menunjukkan betapa kuatnya pengaruh ejaan bahasa Inggeris tersebut dalam diri mereka sehingga terbawa-bawa dalam penulisan bahasa Melayu dan akhirnya menyebabkan mereka telah melakukan kesalahan ejaan.

Selain itu, pelajar-pelajar Cina ini juga sering menggunakan intonasi bahasa Melayu-Cina dalam menyebut sesuatu perkataan bahasa Melayu baku. Hal ini menyebabkan punca berlakunya kesalahan ejaan dalam penulisan bahasa Melayu. Buktinya, dalam kajian Azman (1989) mendapati pelajar-pelajar Cina cenderung mengeja perkataan-perkataan bahasa Melayu mengikut sebutan Melayu Cina selain terpengaruh dengan ejaan bahasa Inggeris dalam penulisan bahasa Melayu seperti saya pensan... [sepatutnya ditulis...saya pengsan], ...setelah programe tamat... [sepatutnya ditulis...setelah program tamat...].

Justeru, berdasarkan masalah-masalah ini, secara tidak langsung dilihat boleh menyumbang kepada kemerosotan markah bahasa Melayu seseorang pelajar, terutamanya dari segi pemarkahan ejaan kerana berpandukan skema pemarkahan karangan sekolah-sekolah persendirian Cina sebanyak 10 peratus daripada 40 peratus markah karangan diperuntukkan untuk markah bahasa. Walaupun 10 peratus itu dianggap sebagai satu nilai yang kecil tetapi mampu memberikan impak besar kepada keseluruhan markah dan gred seseorang pelajar.

Maka, bertitik tolak daripada faktor-faktor tersebut perlulah ada kajian seperti ini yang membincangkan kesalahan bahasa Melayu dalam penulisan pelajar Cina

supaya dapat merungkai persoalan-persoalan masalah penguasaan bahasa Melayu di peringkat sekolah agar permasalahan ini dapat ditangani oleh pelbagai pihak untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar Cina di sekolah persendirian khususnya.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian dilakukan terhadap penguasaan bahasa Melayu melalui pendekatan analisis kesilapan dalam karangan bahasa Melayu. Persoalan-persoalan yang didapati kajian ini antaranya ialah :

- 1.3.1 Adakah terdapat kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina dalam penguasaan bahasa Melayu di sebuah sekolah menengah (persendirian),
- 1.3.2 Apakah jenis-jenis kesilapan bahasa Melayu dalam karangan yang pelajar-pelajar Cina di sebuah sekolah menengah (persendirian),
- 1.3.3 Adakah hubungan teknik pengajaran guru mendorong pelajar-pelajar Cina melakukan kesilapan dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut :

- 1.4.1 Menenal pasti tahap penguasaan bahasa Melayu melalui pendekatan analisis kesilapan bahasa Melayu dalam karangan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina di sebuah sekolah menengah (persendirian),
- 1.4.2 Mengkategorikan jenis-jenis kesilapan bahasa Melayu dalam karangan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar cina di sebuah sekolah menengah (persendirian),
- 1.4.3 Menenal pasti hubungan teknik pengajaran dalam penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

1.5 Bidang Kajian

Kajian ini tertumpu kepada penguasaan bahasa Melayu yang dilihat berdasarkan pelbagai kesilapan bahasa Melayu yang ditulis oleh pelajar dalam penulisan karangan murid Tingkatan Tiga atau dikenali sebagai Junior Tiga Loyalty (seterusnya digunakan J3Y) di SMPKH, Klang, Selangor.

Sebanyak 30 buah skrip jawapan karangan (Lihat lampiran 3) yang digunakan dalam kajian ini untuk dianalisis oleh pengkaji. Karangan tersebut dikaji untuk menentukan kesilapan bahasa Melayu dalam aspek mekanikal, morfologi, dan sintaksis sebagai tahap pemahaman yang kurang dititikberatkan oleh murid kerana secara bahasa antara atau interlanguage mengikut pemahaman berdasarkan kepada bahasa ibunda mereka. Selain itu, pembatasan kajian ini juga meneliti kekerapan kesilapan bahasa Melayu yang dikumpulkan daripada ujian karangan sebanyak 30 buah karangan. Hal ini

disebabkan kesilapan bahasa Melayu yang dilakukan oleh pelajar Cina dalam karangan tersebut telah membentuk ayat yang salah dan menjejaskan maksudnya.

Skop kajian ini juga terbatas kepada sebuah SMPC iaitu SMPKH, Klang Selangor. Seramai 30 orang murid dari satu kelas iaitu melibatkan kelas J3Y sahaja. Kelas ini merupakan kelas yang agak baik. Namun, pemilihan kelas J3Y kerana tahap penguasaan semua kelas yang ada adalah sama sahaja dengan dua kelas lain meliputi tahap cemerlang, sederhana dan lemah yang berdasarkan jadual keputusan peperiksaan akhir semester 2 (Lihat Lampiran 4). Kajian ini tertumpu kepada analisis kemahiran menulis karangan dalam Bahasa Melayu. Murid dikehendaki menulis sebuah karangan yang memerlukan sebanyak lebih daripada 180 patah perkataan yang ditetapkan oleh Standard Pelajaran oleh Guru Bahasa Melayu Dong Jiao Zong. Sampel kajian yang terdiri daripada 30 skrip karangan pelajar Cina. Subjek kajian telah mengikuti pelajaran bahasa Melayu di Sekolah Menengah Kwang Hua Persendirian Cina. Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua subjek kajian selepas bahasa ibunda iaitu bahasa Cina.

1.6 Kepentingan Kajian

Masalah kesilapan morfologi, ejaan dan sintaksis yang terdapat dalam karangan pelajar yang menduduki peperiksaan di sekolah-sekolah bukanlah perkara baharu. Kajian ini dapat memberi manfaat untuk menyediakan bahan bagi membantu guru mata pelajaran Bahasa Melayu merangka dan merancang strategi pengajaran yang lebih berkesan. Di samping itu, guru-guru boleh menjadikan kajian ini sebagai panduan dalam menyediakan bahan-bahan pengajaran dan menentukan pendekatan, kaedah serta teknik pengajaran yang sesuai bagi kelas-kelas yang diajar oleh mereka.

Selain itu, kepentingan kajian ini dapat menyediakan bahan bagi membantu pegawai-pegawai yang terlibat dalam perancangan dan pembinaan kurikulum Bahasa

Melayu di sekolah-sekolah yang berkenaan. Pegawai tersebut boleh menjadikan jenis-jenis kesilapan penggunaan tatabahasa Bahasa Melayu sebagai maklumat untuk membaiki sistem pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu agar lebih berkesan.

Kajian ini boleh menjadikan bahan rujukan kepada para penyelidik yang berminat dalam pengajaran bahasa, sama ada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris atau bahasa asing di semua peringkat. Semua pihak dapat meninjau keupayaan penggunaan bahasa Melayu oleh pelajar-pelajar dan dengan itu dapat mengetahui masalah psikologi dan linguistik yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tersebut.

Tambahan juga, kepentingan lain yang dapat dimanfaatkan oleh pihak tertentu. Pihak-pihak ini dapat memikirkan sesuatu strategi pengajaran yang lebih mantap. Pihak tersebut tentu dapat memilih, menghasilkan serta menerbitkan bahan-bahan pengajaran serta buku teks yang lebih sesuai untuk pelajar-pelajar yang berkenaan.

Kajian ini juga bermanfaat kepada pelajar –pelajar termasuklah subjek kajian supaya memperbaiki penguasaan bahasa Melayu dengan lebih baik. Pelajar perlu sedar akan kepentingan bahasa Melayu dan menggunakan bahasa melayu dengan lebih kerap dalam percakapan harian.

1.7 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian tahap penguasaan bahasa Melayu supaya konsepnya menjadi lebih jelas. Berikut dijelaskan istilah-istilah yang berkaitan dengan kajian analisis kesilapan bahasa Melayu.

1.7.1 Penguasaan bahasa

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, penguasaan membawa maksud perihal menguasai atau menguasai. Perkataan akar daripada penguasaan iaitu kuasa pula membawa maksud daya atau kemampuan untuk melakukan atau mengerjakan sesuatu. Lufti Abas (1975) mendefinisikan bahasa ialah data yang dianalisis dalam linguistik. Asmah Omar (1983) mengatakan bahasa hanyalah bunyi yang dihasilkan oleh alat ujaran yang terdapat dalam rongga mulut dan rongga tekak manusia. Oleh itu, penguasaan bahasa yang terdapat dalam kajian pengkaji menfokuskan kepada penguasaan bahasa Melayu pelajar Cina di sebuah SMPC di Klang melalui pendekatan analisis kesilapan dalam karangan bahasa Melayu.

1.7.2 Bahasa Melayu

Menurut Normaizam Hamid (2002), bahasa Melayu ialah bahasa ibunda etnik Melayu. Nama bahasa Melayu ditukarkan kepada Bahasa Malaysia iaitu suatu nama yang timbul selepas 13 Mei 1969. Perubahan nama bertujuan untuk menghilangkan konotasi bahawa bahasa Melayu itu kepunyaan orang Melayu sahaja. Kini (1992) nama bahasa Malaysia yang digunakan sejak tahun 1969 itu ditukarkan kepada bahasa Melayu semula.

Selain di Malaysia, bahasa Melayu juga dituturkan di Indonesia, Brunei Darulsalam, Selatan Thailand, Selatan Filipina dan Singapura. Daripada segi status, bahasa Melayu merupakan bahasa yang kelima terpenting di dunia kerana mempunyai penutur kira-kira 200 juta orang (Mangantar Simanjuntak, 1990). Di Malaysia, bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan seperti termaktub dalam perenggan 152, para satu Perlembagaan Tanah Melayu (kini Malaysia).

1.7.3 Pelajar-pelajar Cina

Pelajar-pelajar Cina merupakan satu kumpulan etnik yang terdapat di Malaysia. Pelajar ini menggunakan bahasa ibunda dalam kehidupan seharian. Bahasa yang digunakan pelajar-pelajar Cina ialah bahasa Mandarin. Selain itu, bahasa Cina juga terdiri daripada dialek seperti Hokkien, Kantonis, Hakka, Teochew dan Hailam. Berdasarkan kajian, pelajar-pelajar Cina yang dipilih ialah pelajar-pelajar Cina yang bersekolah di Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua Klang iaitu di daerah Klang, Selangor. Pelajar-pelajar Cina ini berumur 15 tahun dan belajar dalam Junior 3 (Tingkatan 3).

1.7.4 Pemerolehan Bahasa

Kajian pemerolehan bahasa merupakan satu bidang ilmu bahasa yang merujuk kepada cara manusia memperoleh pengetahuan tentang tatabahasa yang merangkumi fonologi, sintaksis, morfologi, dan semantik. Proses pemerolehan bahasa bermula daripada satu tahap mental kanak-kanak yang tidak memiliki pengetahuan bahasa dalam sesuatu bahasa sasaran sehinggalah pengetahuan kanak-kanak tersebut meningkat sesuai dengan tahap mental mereka.

Teori Monitor yang diperkenalkan oleh Krashen pada akhir tahun 1970-an mengatakan bahawa terdapat dua cara yang digunakan oleh orang dewasa untuk memupuk kecekapan bahasa kedua, iaitu pemerolehan dan pembelajaran. Pembelajaran merupakan pengetahuan secara sedar berkaitan peraturan bahasa serta berpunca daripada satu bentuk pengajaran secara formal manakala pemerolehan bahasa pula wujud secara sedar dan spontan serta dapat melancarkan perbualan dan muncul daripada penggunaan bahasa secara semulajadi (Krashen, 1982).

1.7.5 Pembelajaran Bahasa Kedua

Lazimnya kita mengetahui bahawa penguasaan bahasa pertama berlaku secara semula jadi semenjak kecil lagi. Pada tahap ini, pengetahuan bahasa diperolehi secara tidak langsung atau tidak formal. Menurut Kamarudin Husin (1998) :

“Mereka dapat menguasai bahasa itu dengan cara ‘memperoleh’ bukan melalui proses pembelajaran. Mereka hanya perlu didedahkan kepada bahasa ibunda mereka dan secara tidak disedari mereka akan pandai dengan sendirinya menggunakan bahasa itu.”

Hal ini berbeza dengan pembelajaran bahasa kedua. Bahasa mesti dipelajari secara formal dan hanya berkembang melalui latihan dan pengukuhan. Oleh itu, dorongan (rangsangan) dan sikap positif adalah perlu. Dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama kepada pelajar Melayu tidak banyak masalah yang timbul. Sebaliknya, mengajar bahasa kedua kepada bukan penutur jati (orang Melayu misalnya) memerlukan lebih perhatian. Pelajar perlu melalui rancangan-rancangan dan aktiviti-aktiviti yang tersusun dengan kaedah-kaedah tertentu.

Abdullah Hassan (1980) menghuraikan masalah pembelajaran bahasa kedua adalah mungkin salah satu masalah yang besar ialah bahasa Melayu yang diajar itu amat formal dan tidak ada kegunaan atau persamaannya dengan bahasa yang digunakan hari-hari, sehingga murid-murid terpaksa mempelajari suatu dialek yang berlainan yang tidak boleh mereka tuturkan di luar kelas.

Hal ini jelas bahawa mempelajari bahasa kedua merupakan satu proses mempelajari perlakuan baru. Justeru, dalam proses pembelajaran, gangguan daripada bahasa ibunda sering terjadi. Lingkungan kebudayaan dan bahasa ibunda pelajar sering mempengaruhi proses pembelajaran bahasa kedua mereka. Oleh itu, pengajaran bahasa kedua hendaklah dirancang dan dilaksanakan secara bersistem dan formal.

Menurut Kamarudin Hj. Husin (1998) maksud bahasa kedua adalah bahasa yang kedua dipelajari oleh seseorang itu di samping bahasa kandung yang dia peroleh. Bahasa kedua ini adalah bahasa asing yang dipelajari untuk tujuan-tujuan tertentu. Pengajaran bahasa kedua berbeza dengan penguasaan bahasa pertama. Bahasa kedua diperoleh dan dikuasai melalui pembelajaran. Pembelajarannya bersifat formal, menekankan banyak latihan dan pengulangan hingga membentuk satu tabiat.

Rivers W. M (1964) menyatakan pembelajaran bahasa asing pada dasarnya adalah merupakan satu proses mekanikal yang membentuk tabiat. Oleh itu, cara penguasaannya adalah sama dengan proses pembentukan tabiat yang lain seperti belajar menaip, berenang, memandu, dan lain-lain. Proses pembelajaran menetapkan jika sekali berjaya dilakukan dengan baik maka ia akan dapat diulangkan untuk seterusnya secara automatik. Proses penguasaan bahasa kedua pada peringkat awal kanak-kanak berkemungkinan sama dengan proses penguasaan bahasa pertama. Namun, proses penguasaan bahasa kedua selepas peringkat awal kanak-kanak akan mengalami cara yang berbeza dengan proses pemerolehan pengetahuan bahasa pertama. Hal ini ditegaskan oleh Brown (1980) :

“Adult, more cognitively secure, appear to operate from the solid foundation of the first language and thus manifest more interference.”

1.7.6 Perbezaan Kesilapan dengan Kesalahan

Corder membezakan kesalahan dan kesilapan (mistakes and errors). Kesilapan disebabkan oleh proses pembelajaran bahasa dan kesalahan merupakan hasil daripada psikologi seperti keletihan dan sistematik.

Seseorang pengajar mahupun pengkaji bahasa mestilah mengenal pasti perbezaan antara kesilapan dengan kesalahan dalam konteks pengajaran dan

pembelajaran bahasa pelajar asing. Berdasarkan Richards. et. al. (1992), kesilapan dilakukan oleh pelajar bahasa semasa menulis atau bertutur disebabkan kurang penumpuan, keletihan, kecuaiian atau kerana aspek-aspek kelakuan lain. Kesalahan pula ialah apa-apa jua penggunaan bentuk bahasa yang dianggap salah oleh penutur jati atau penutur yang fasih dalam sesuatu bahasa disebabkan pembelajaran yang salah atau belum sempurna.

Untuk membezakan antara kesilapan dengan kesalahan, Ellis (1997) mencadangkan dua cara. Cara pertama adalah dengan memeriksa prestasi pelajar secara berterusan. Jika pelajar kadang-kadang menggunakan bentuk bahasa yang salah dan kadang-kadang menggunakan bentuk bahasa yang betul, dia sebenarnya melakukan kesilapan. Walau bagaimanapun, jika pelajar sering menggunakan bentuk bahasa yang salah, dia sebenarnya melakukan kesalahan. Cara kedua adalah dengan meminta pelajar membetulkan kesalahan bahasanya sendiri. Jika dia berjaya membetulkan kesalahan tersebut, dia sebenarnya melakukan kesilapan. Sebaliknya jika gagal, dia sebenarnya melakukan kesalahan.

Kajian yang boleh dilakukan untuk mengukur tahap pemerolehan bahasa seseorang itu adalah melalui analisis kesilapan. Pengkaji menfokuskan kajian terhadap analisis kesilapan terhadap karangan pelajar Cina yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

1.7.7 Analisis Kesilapan

Edge (1989) mendefinisikan kesilapan (error) sebagai orang-orang yang mempengaruhi makna dan komunikasi serta membahagikannya kepada tiga kategori, iaitu:

- i. Tersilap atau 'tergelincir' yang pelajar dapat mengenal pasti dan membetulkan diri sendiri

- ii. Kesilapan yang pelajar tidak dapat membetulkan diri sendiri kerana mereka tidak tahu bagaimana walaupun bahasa telah diajar
- iii. Percubaan yang pelajar tidak dapat mengenal pasti atau tidak betul kerana mereka tidak mempelajari bahasa yang diperlukan untuk menyatakan apa yang ingin mereka katakan.

Menurut Brown (2007), “Error analysis is students make some errors and the errors are able to be observed, analyzed, and classified to explain something about the system operating within the student, particularly a study of students’ error”. Grass and Selinker (2008) juga bersetuju dengan menyatakan “a kind of linguistic analysis tends to pay attention to the errors students make is known as error analysis.” Pernyataan-pernyataan ini menunjukkan bahawa analisis kesilapan adalah menuju kepada kesilapan tatabahasa yang dilakukan oleh murid yang dapat dikesan, dianalisis, diklasifikasi serta dapat dijelas mengikut hukum tatabahasa.

Menurut James (1998), “error analysis is the process of determining the incidence, nature, causes and consequences of unsuccessful language.” Di samping itu, Dulay (1982) berpendapat bahawa “Errors are the flawed side of learner speech or writing, they are those parts of conversation and composition that deviate from some selected norm of mature language performance.” Dengan wujudnya analisis kesilapan ini, punca kesilapan dapat dikesan dan seterusnya mendapatkan penyelesaian. Hal ini menunjukkan pertuturan harian juga mengganggu penulisan.

Analisis kesilapan merupakan satu proses yang berdasarkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar itu sendiri (Richard, 1974). Dalam mempelajari sesuatu bahasa yang lain daripada bahasa ibunda, seseorang pelajar itu pasti membuat

kesilapan. Kesilapan-kesilapan dalam tempoh belajar ini memang tidak dapat dielakkan kerana kita tidak akan belajar tanpa membuat kesilapan.

Seorang kanak-kanak yang mempelajari bahasa pertama sering melakukan kesilapan yang sama dalam bahasa ibundanya. Dalam hal yang sama juga seorang dewasa yang belajar bahasa kedua akan melakukan kesilapan yang sistematik kerana dia tidak mempelajari bentuk yang betul sehingga dia ditegur atau dia mendengar penutur jati menutur bentuk yang betul, barulah dia akan membetulkan kesilapannya manakala penyimpangan yang tidak tekal pula dikatakan kesalahan. Kadangkala dia melakukannya dengan betul tetapi kadangkala dia terlepas perhatian.

Kesilapan (error) ialah penyimpangan sistematik apabila pelajar tidak mempelajari bentuk yang betul dan sering kali melakukan kesilapan tersebut secara tekal. Kesilapan tidak seharusnya dilihat sebagai tanda kawalan diri tetapi sebagai strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar untuk menguji hipotesis mengenai keadaan bahasa yang dipelajari. Pembelajaran sesuatu bahasa asing merupakan penyusunan semula bahan linguistik bahasa tersebut. Kita boleh mengenal pasti sistem bahasa antara ini dengan bahasa sasaran.

Sikap baru terhadap kesilapan dan faedah kegunaan kesilapan pelajar mempunyai hubungan yang rapat dengan konsep bahawa pelajar mempunyai satu bahasa antara. Istilah ini digunakan oleh Selinker pada tahun 1969. Cook menamai bahasa ini sebagai tatabahasa interim atau interim grammar. Corder pula menamakannya kecekapan transisional (transitional grammar) atau dialek idiosinkratik (idiosyncratic dialek) dan Nemser pula sistem aproksimatif (approximative system). Bentuk bahasa asing yang digunakan oleh pelajar walau apa pun hubungan dengan bahasa sasaran dan bentuk ini dianggap sistematik dan dapat dihuraikan walaupun bentuk ini sentiasa berubah dalam proses pembelajaran. Sistem bahasa antara ini

merupakan sesuatu yang spontan, bermakna, dan sistematik serta mempunyai peraturannya tersendiri, iaitu tatabahasa yang tersendiri. Oleh itu, analisis kesilapan ditakrifkan sebagai kajian sistem bahasa pelajar yang mempelajari sesuatu bahasa asing.

Kesilapan yang berpunca daripada kekacauan atau kekeliruan disebabkan wujudnya faktor-faktor kelainan bentuk dalam penggunaan sesuatu bahasa. Misalnya penggunaan bahasa formal, bahasa persuratan, bahasa ilmiah, bahasa penulisan sastera dengan bahasa tidak formal seperti dialek dan bahasa pasar. Faktor-faktor kepelbagaian ini meresap masuk dalam ingatan pelajar melalui pelbagai cara juga seperti pergaulan dalam masyarakat, media massa baik media cetak atau media elektronik, bahan bacaan ringan atau daripada guru sendiri yang tidak peka dalam penggunaan bahasa mereka.

1.7.8 Tatabahasa

Tatabahasa ialah bidang yang menumpukan perhatian terhadap pembentukan kata dan proses pembinaan ayat sesuatu bahasa. Mengikut Nik Safiah Karim (2002) bahasa terdiri daripada kumpulan ayat yang tidak terbilang jumlahnya. Ayat pula terdiri daripada rentetan perkataan yang bermakna. Perkataan dibina daripada gabungan bunyi-bunyi dalam sesuatu bahasa yang bermakna menjadi suku kata dan perkataan.

1.7.9 Karangan

Za'ba (1952) pula telah menegaskan bahawa "Karangan adalah hasil daripada kepandaian atau kemahiran mengubah atau menyusun kata-kata untuk dijadikan rangkai kata atau frasa dan seterusnya untuk dijadikan ayat." Tambahan beliau, ayat tersebut disimpulkan bahawa menjadi sebuah karangan untuk dijadikan cerita, laporan, penerangan dan sebagainya. Menurut Amizan Adnan (2011), karangan merupakan susunan ayat daripada cetusan idea yang diolah dalam pemerenggan. Murid perlu

menulis karangan mengikut topik yang diajarkan dan perbincangan diadakan bagi memperloeh isi-isi karangan serta mempelbagai lagi kosa kata.

1.7.10 Kesilapan Mekanikal

Kesilapan aspek mekanikal merangkumi hal-hal seperti ejaan, penggunaan huruf besar, dan juga penggunaan tanda baca. Aspek-aspek tersebut dianggap satu kebiasaan bagi pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Kebanyakan pelajar yang melakukan kesilapan ejaan dan kesalahan huruf besar dalam menulis kata nama khas disebabkan mereka tidak tahu ejaan yang sebenar ataupun cuai dalam penulisan. Selain itu, kesilapan tanda baca turut dilakukan oleh para pelajar, namun begitu kesalahan tersebut tidak banyak dilakukan berbanding kesalahan ejaan.

Contoh tanda baca yang terdapat dalam bahasa Melayu ialah tanda sempang (-), tanda elipsis (...), tanda titik bertindih (:), tanda koma bertitik (;), tanda soal (?), tanda seru (!) dan sebagainya. Tanda baca yang kerap digunakan oleh para pelajar ialah tanda koma (,), dan tanda noktah (.).

Para pelajar juga didapati masih belum menguasai tanda baca bahasa Melayu sepenuhnya. Selain tanda bacaan yang menjadi masalah, pengkai juga mendapati pelajar kerap melakukan kesalahan ejaan. Kelihatan seperti pelajar-pelajar hanya menghafal perkataan-perkataan yang digunakan, ada kemungkinan juga mereka sendiri tidak faham makna perkataan-perkataan tersebut dan menulis ejaan mengikut kefahaman dan pengaruh sebutan bahasa ibunda mereka sendiri.

1.7.11 Morfologi

Morfologi merupakan bidang yang menjelaskan tentang pembentukan kata. Selain itu, morfologi bahasa Melayu merupakan bidang yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongankata dalam bahasa Melayu (Nik Safiah Karim et.al, 2009 : 43). Oleh itu, morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji perkataan dari segi struktur, bentuk dan penggolongan kata. Morfologi juga merupakan bidang linguistik yang mempelajari morfem dan kombinasinya (Harimurti Kridalaksana, 1982 : 111). Morfologi ialah bidang berkaitan dengan bentuk kata dan golongan kata (Arpan Shahbudin Latip, 1998 : 23).

1.7.12 Sintaksis

Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan atau konstruksi ayat (Nik Safiah Karim et.al, 2009 :339). Ayat (sintaksis) merupakan unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasaan megandungi maknalengkap, yang pengucapannya dimulai dan diakhiri dengan kesenyapan serta mengandungi intonasi yang sempurna (Nik Safiah Karim et.al, 2009:432).

Ayat (sintaksis) sebagai unit yang paling tinggi dalam skala tatatingkat nahu. Ayat terdiri daripada klausa yang disertai dengan intonasi ayat yang lengkap yakni dimulai dengan kesenyapan dan diakhiri dengan kesenyapan intonasinya menyatakan ayat itu ayat sempurna (Asmah Haji Omar, 1989:329). Malah, sintaksis juga mengkaji tentang prinsip dan proses pembinaan ayat dalam sesuatu baahasa. Komponen sintaksis merupakan komponen yang paling penting dalam tatabahasa.

1.8 Kesimpulan Tajuk

Pengkaji mengkaji tahap penguasaan bahasa Melayu dalam karangan pelajar Cina di Klang. Tahap penguasaan yang dikaji pengkaji merujuk kepada tahap penguasaan dalam karangan yang merangkumi tiga aspek yang dilihat iaitu aspek mekanikal, morfologi dan sintaksis. Berdasarkan 30 skrip karangan pelajar, pengkaji dapat mengenal pasti kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Tahap penguasaan pelajar dapat dilihat melalui pendekatan analisis kesilapan dalam karangan yang dilakukan pengkaji.

1.9 Rumusan

Secara keseluruhannya, dapatlah dirumuskan bahawa dalam bahagian ini menerangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, kepentingan kajian, objektif kajian dan batasan kajian. Secara keseluruhannya, kajian ini melihat tahap penguasaan bahasa Melayu melalui analisis kesilapan dalam sesebuah karangan murid di SMPC, khususnya dalam aspek mekanikal, morfologi dan sintaksis yang dilakukan oleh penutur bahasa kedua. Hal ini perlulah dilakukan kerana bertujuan untuk menjamin murid supaya mahir untuk membina sebuah karangan yang lengkap khasnya dalam karangan supaya keaslian, kejatian dan keutuhan bahasa dapat dipelihara.

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN

2.0 Pendahuluan

Abdullah Hassan (1987) menyatakan bahawa demi mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, pelbagai usaha telahpun dilakukan dengan pesatnya berkaitan dengan perancangan bahasa yang menjurus kepada dua aspek. Aspek-aspek yang dimaksudkan adalah dari segi taraf dan bahan. Perancangan taraf ialah pendaulatan bahasa manakala perancangan bahan pula ialah pembinaan bahasa.

Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu yang telah termaktub dalam perlembagaan Malaysia. Bahasa Melayu sedang berkembang dan semakin mantap. Dalam proses pembakuan bahasa Melayu ini, beberapa hal turut berlaku malah kadang kala menyebabkan kerosakan kepada bahasa. Menurut Abdullah (1987) lagi, bahasa Inggeris telah dikenal pasti sebagai pengaruh pertama yang kerap kali menrosakkan bahasa kebangsaan.

Penutur bahasa Melayu sering menggunakan struktur ayat Inggeris dalam bahasa Melayu. Perkara ini kerap kali menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kacau-bilau. Demikian juga halnya dalam proses pembelajaran bahasa Melayu, kesilapan-kesilapan yang berlaku ini sama ada di sekolah mahupun di rumah, baik sebagai bahasa pertama mahupun sebagai bahasa kedua. Tahap penguasaan pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Melayu bergantung kepada kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh mereka.

Oleh hal yang demikian banyak kajian tentang kesilapan bahasa telah dijalankan, baik di luar negara mahupun di dalam negara. Kajian-kajian yang dilakukan menggunakan beberapa kaedah yang mengkaji kesilapan bahasa oleh pelajar khususnya dalam bahasa kedua. Penggunaan bahasa pelajar dipengaruhi oleh beberapa faktor,

antaranya pemindahan bahasa, gangguan intralingual, kesan-kesan situasi yang berbentuk sosiolinguistik dan sistem linguistik pelajar yang tidak stabil.

Dalam bab ini, kajian yang menggunakan analisis kesilapan bahasa ditinjau secara terperinci. Hal ini relevan kerana kaedah inilah yang akan digunakan dalam kajian yang dijalankan oleh penulis.

2.1 Kajian Lepas tentang Penguasaan Bahasa

Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan penguasaan bahasa banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sama ada di dalam atau luar negara. Penguasaan bahasa yang dikaji oleh pengkaji-pengkaji dapat membantu pengkaji-pengkaji baru dalam mengenal pasti masalah yang timbul tentang penguasaan bahasa khususnya pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

2.1.1 Kajian-kajian di Luar Negara

Corder, S.Pit (1975) dalam kajiannya “Applied Linguistic and Language Teaching”, language teaching is an art rather than a scientific process and proceeds to some extent by trial and error. Menurut Corder (1975, satu perkara yang sukar bagi guru untuk menyampaikan bahasa asing kepada pelajar dalam keadaan bilik darjah yang jauh terpisah dengan alam penggunaan bahasa itu sendiri. Malah, guru bahasa menghidupkan penggunaan bahasa dalam keadaan buatan atau dibuat-buat.

W.M Rivers (1964) dalam kajiannya “The Psycholinguistics and the Foreign Language Teacher” membuat andaian pembentukan prinsip pengajaran bahasa asing antaranya ialah pembelajaran bahasa asing pada dasarnya merupakan satu proses mekanikal iaitu pembentukan tabiat. Hal ini sangat berkait rapat dengan kesilapan ejaan

yang dilakukan oleh pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa kedua iaitu bahasa Melayu juga dipengaruhi dengan faktor tabiat.

Ward, Bochner & Furnham (2001) dalam kajiannya “The Psychology Of Culture Shock” menyatakan program-program tertentu juga dapat memainkan peranan dalam membantu pelajar-pelajar antarabangsa berkenalan dan berkawan dengan orang-orang tempatan. Melalui suatu penyelidikan ke atas 96 orang pelajar antarabangsa dari 12 buah negara untuk meninjau kesan aktiviti ekskursi dengan menaiki bas selama empat bulan, dibuktikan bahawa peserta-peserta antarabangsa dapat berkenalan dengan lebih ramai kawan terutamanya orang tempatan (Australia) melalui program ini.

2.1.2 Rumusan Kajian Luar Negara

Kajian di luar negara banyak membantu pengkaji dalam mendapatkan sumber rujukan yang berkesan. Pengkaji dapat mengenal pasti masalah yang boleh dikaitkan dengan tahap penguasaan pelajar di luar negara dengan dalam negara. Pengkaji juga mendapat pengetahuan tentang pemerolehan dan pembelajaran yang berlaku terhadap pelajar antarabangsa. Pengkaji merujuk kajian Corder (1975), W.M Rivers (1964) dan Ward, Bochner & Furnham (2001) untuk mendapatkan sumber yang jelas dalam kajian pengkaji dalam bidang bahasa.

2.1.3 Kajian-kajian di Dalam Negara

Muhammad Saiful Haq Bin Hussin (2001) dalam kajiannya “Masalah Penguasaan Kosa Kata Asas di Kalangan Pelajar Tahun 1”, terdapat masalah penguasaan bahasa pada peringkat asas bacaan. Permasalahan berlaku setelah pelajar dikehendaki menguasai kemahiran yang banyak dan bahan pengajaran yang digunakan adalah tidak sistematik. Tambahan pula masalah guru yang mengajar bahasa Melayu pada tahap tersebut tidak dapat menguasai pendekatan, kaedah, dan teknik dengan baik.

Muhammad Saiful Haq Bin Hussin (2006) dalam kajiannya “Amalan Psikolinguistik dalam Penguasaan Asas Bacaan Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Muda” juga menyatakan bahawa perlunya pembinaan bahan pengajaran yang menarik, tersusun secara sistematik yakni dari mudah ke susah dan dari maujud ke abstrak. Pada masa yang sama guru-guru yang mengajar pada tahap tersebut juga perlu menguasai pendekatan, kaedah dan teknik yang baik (bersifat eklektik) bagi memberikan kesan yang baik terhadap pencapaian penguasaan asas bacaan pelajar melalui P&P yang tersusun dan pelbagai. Kesimpulannya guru perlulah mempunyai daya kreativiti yang tinggi bagi membolehkan penguasaan bahasa Melayu pada peringkat tersebut dikuasai oleh murid.

Fathiyah Chapakia Bt. Omar Chapakia (2008) dalam kajiannya “Amalan Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Agama Rakyat Selatan Thailand : Kajian Kes di Sekolah Muslim Phatanasad” mendapati bahawa kaedah dan teknik pengajaran yang digunakan oleh guru memainkan peranan penting dalam penguasaan bahasa Melayu. Kepelbagaian aktiviti dalam proses P&P bahasa Melayu juga perlu diambil kira oleh guru semasa mengajar. Demikian juga hal nya dengan keperluan alat bantu mengajar yang dilihat turut memainkan peranan penting dalam proses P&P untuk tujuan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar agar mereka berjaya meningkatkan tahap pencapaian penguasaan bahasa Melayu.

2.1.4 Rumusan Kajian di Dalam Negara

Kajian dalam negara sangat membantu pengkaji dalam mendapatkan rujukan tentang penguasaan bahasa. Kajian pengkaji-pengkaji lepas banyak melakukan kajian terhadap masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru ketika mengajar di dalam bilik darjah. Hal ini membuktikan tahap penguasaan pelajar dapat dikenal pasti melalui

kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji iaitu Muhammad Saiful Haq Bin Hussin (2001) dan Fathiyah Chapakia Bt. Omar Chapakia (2008).

2.2 Kajian Lepas tentang Analisis Kesilapan Bahasa

Kajian analisis kesilapan bahasa dilakukan orang ramai pengkaji dalam membuktikan kesilapan bahasa yang kerap dilakukan oleh pelajar-pelajar. Kajian luar negara merupakan kajian yang terawal yang dapat mengenal pasti masalah yang wujud ketika pelajar mempelajari bahasa sasaran atau bahasa kedua.

2.2.1 Kajian-kajian di Luar Negara

Corder S.P (1973) merupakan tokoh paling awal yang membincangkan kajian tentang analisis kesilapan. Berdasarkan kajiannya bertajuk “Introducing Applied Linguistics” menerangkan punca yang menyebabkan berlakunya kesilapan bahasa. Beliau menyatakan terlalu banyak peraturan dalam bahasa tersebut samada formal atau tidak formal. Seterusnya, pelajar tidak berhati-hati menggunakan bahasa dan yang terakhir pelajar mencampuradukkan bahasa dengan dialek.

Corder (1974) dalam artikelnya bertajuk “Perspective on Second Language Acquisition” juga menjelaskan salah satu tujuan pembelajaran bahasa bertujuan untuk menguasainya sebaik mungkin. Namun, semasa melalui proses penguasaan yang baik, kita tidak akan terlepas daripada melakukan kesilapan. Proses penguasaan bahasa akan melibatkan usaha untuk mengurangkan kesilapan dan bebas daripada melakukan apa-apa kesilapan.

Bhatia (1974) dalam jurnalnya yang bertajuk “An Error Analysis of Students Composition” telah melakukan analisis terhadap karangan yang ditulis oleh penuntut-penuntut sebuah Universiti di India. Berdasarkan kajiannya, karangan yang ditulis

dalam bahasa Inggeris itu berbentuk deskriptif dan naratif. Beliau juga menyatakan bahasa analisis kesilapan yang berbentuk kata kerja, urutan kala dan 'article' merupakan aspek kesilapan yang tinggi kekerapannya dalam kalangan penuntut berkenaan.

Tsan Sui Huang (1974) dalam tesisnya yang Bertajuk "A Constructive Analysis Of The Syntactic Errors In English Made By Chinese Students And Its Implications For The Teaching Of English Syntax To Chinese" telah melakukan analisis kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina yang mempelajari bahasa Inggeris. Kajiannya telah membuktikan bahawa 75 peratus kesilapan yang dilakukan oleh subjek kajian ialah kesilapan penggunaan kata kerja, artikel, kata nama, dan kata sendi nama. Kesilapan ini berlaku kerana perbezaan struktur bahasa Inggeris dengan bahasa ibunda subjek kajian.

2.2.2 Rumusan Kajian di Luar Negara

Kajian luar negara yang diambil sebagai rujukan pengkaji antaranya ialah Corder S.P (1973), Corder (1974), Bhatia (1974) dan Tsan Sui Huang (1974). Kajian-kajian ini sangat membantu pengkaji dalam mengenal pasti masalah yang terdapat dalam kajian serta menfokuskan objektif serta masalah yang boleh diketengahkan oleh pengkaji selain daripada aspek yang telah dikaji oleh pengkaji yang lalu.

2.2.3 Kajian-kajian di Dalam Negara

Awang Sariyan dan Sahari Nordin (1990) dalam kajian yang bertajuk Kajian tentang Penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar Ilmu di Kalangan Guru Pelatih Sebuah Universiti di Malaysia telah menjalankan kajian tentang kelemahan dalam aspek sintaksis dalam kalangan siswazah yang mengambil Diploma Pendidikan di Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Contohan kajian terdiri daripada guru-guru pelatih program Diploma Pendidikan UIA Sesi 1989/90 semasa menjalani latihan

mengajar di sekolah. Sebanyak 87.2 peratus memiliki ijazah daripada universiti tempatan, 4.5 peratus daripada universiti di Indonesia dan 8.3 peratus lagi daripada universiti luar negara. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa 4.5 peratus daripada contohan masih melakukan kesalahan bahasa yang berkaitan dengan morfologi dan 77.8 peratus contohan pula melakukan kesilapan yang berkaitan dengan sintaksis. Kesimpulan kajian ini membuktikan bahawa guru pelatih UIA masih melakukan kesalahan bahasa, baik dalam persediaan mengajar di bilik darjah mahupun dalam penyampaian pelajaran secara praktikal. Secara tidak langsung, kajian ini memberi gambaran bahawa penguasaan sintaksis dalam kalangan siswazah masih belum mencapai tahap yang memuaskan.

Muhammed Salehuoin Aman (1993) dalam kajiannya yang bertajuk Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama cuba mendapatkan data tentang kesalahan tatabahasa bahasa Melayu yang dilakukan oleh pelajar Melayu di Tingkatan Empat di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di negeri Melaka. Tujuannya ialah untuk mengenal pasti jenis-jenis dan kekerapan kesalahan tatabahasa bahasa Melayu yang dilakukan oleh mereka. Data kajian dikumpul dengan menggunakan dua kaedah, iaitu ujian menulis dua buah karangan bagi tujuan untuk mengenal pasti kesalahan kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam aspek kata dan ayat. Soal selidik untuk mendapatkan maklumat tentang pembelajaran bahasa Melayu pelajar.

Daripada 300 buah karangan yang jumlah perkataannya tidak kurang daripada 45,000 patah, didapati pelajar melakukan sebanyak 2,402 kesalahan. Purata kesalahan bagi setiap pelajar ialah 32.4 kali, yakni 18.8 peratus kesalahan dalam aspek kata dan 13.6 kali dalam aspek ayat purata kesalahan bagi setiap orang pelajar dalam setiap karangan ialah 16.2 kali. Daripada jumlah keseluruhan 2,402 kesalahan tatabahasa bahasa Melayu, kesalahan dalam aspek kata berjumlah 1,946, yakni 81.0 peratus

manakala dalam aspek ayat pula, jumlah kesalahan ialah 456 atau 19.0 peratus. Kumpulan pelajar lelaki membuat 1,319, iaitu 54.9 peratus kesalahan sementara kesalahan yang dilakukan oleh kumpulan pelajar perempuan ialah 1,083, iaitu 45.1 peratus.

Pelajar lelaki juga melakukan sebanyak 1,063 kesalahan dalam aspek kata, dan sebanyak 256 dalam aspek ayat. Kumpulan pelajar perempuan membuat sebanyak 883 kesalahan dalam aspek kata dan sejumlah 200 kesalahan dalam aspek ayat. Hasil perkuiraan ujian-t memperlihatkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tentang kesalahan tatabahasa bahasa Melayu antara kedua-dua kumpulan tersebut. Kumpulan Status Sosioekonomi (SSE) rendah paling tinggi kekerapan kesalahan, iaitu 1,213.

Walau bagaimanapun, keputusan ANOVA tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi kesalahan antara kumpulan SSE tersebut. Kumpulan Pencapaian BM (PBM) yang paling tinggi kekerapannya ialah kumpulan PBM tinggi, iaitu sebanyak 1,320 kekerapan. Keputusan ANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesalahan TB di kalangan tiga kumpulan PBM. Dalam aspek kesalahan kata, didapati bahawa pelajar lemah menggunakan lima jenis kata, iaitu imbuhan, kata depan/sendi nama, kata ganti diri, kata tugas dan kata ganda.

Manakala dalam aspek ayat, pelajar lemah dalam kemahiran membina struktur-struktur ayat majmuk gabungan, majmuk relatif, majmuk keterangan dan majmuk campuran xiii Oaripada segi pembelajaran BM pula, didapati ramai pelajar (79%) belajar di kelas persediaan selama antara 3-5 jam sehari. Baki 21% lagi belajar kurang daripada 3 jam sehari. Sebanyak 87% pelajar belajar sendiri antara 1-5 jam seminggu atau kira-kira 42 minit sehari selain belajar di kelas persediaan. Seterusnya, kajian ini juga mendapati kebanyakan pelajar membuat latihan-latihan TB dengan kekerapan 'kadang-kala', yakni kekerapan antara 1-2 kali sebulan. Adalah terbukti bahawa pelajar

masih lemah penguasaan TB BM. Keputusan kajian mempunyai implikasi kepada strategi pengajaran dan pembelajaran BM di sekolah-sekolah.

Supian Mohammad Noor (1994) dalam kajiannya yang bertajuk Analisis Kesilapan Penggunaan Frasa Kerja Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat KBSM: Satu Kajian Kes telah menganalisis kesilapan frasa kerja bahasa Melayu baku dalam kalangan pelajar Cina di Sekolah Menengah Yu Rua, Kajang. Subjek kajian ini semuanya berbangsa Cina dan berjumlah 249 orang pelajar tingkatan empat. Dalam proses pembelajaran secara formal, pengkaji melakukan analisis kesilapan frasa kerja terhadap karangan para pelajar. Dalam proses pembelajaran secara tidak formal, tinjauan berdasarkan soal selidik telah dijalankan. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa pelajar-pelajar melakukan kesalahan Frasa Kerja Transitif, Frasa Kerja Tak Transitif, Frasa Kerja Pasif Pelaku Diri Pertama atau Kedua, dan Frasa Kerja Pasif Pelaku Diri Ketiga.

Kumpulan subjek lelaki didapati melakukan kesilapan frasa kerja yang lebih besar jumlahnya daripada kumpulan subjek perempuan. Selain itu, kumpulan subjek aliran sains kemasyarakatan pula melakukan kesilapan frasa kerja yang lebih besar jumlahnya daripada kumpulan subjek sains tulen. Seterusnya, dapatan membuktikan bahawa kesalahan frasa kerja transitif merupakan kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh para pelajar yang menjadi subjek dalam kajian ini. Hal ini diikuti oleh kesilapan frasa kerja pasif diri ketiga, frasa kerja pasif pelaku diri pertama atau pelaku diri kedua dan yang paling sedikit jumlahnya ialah kesilapan frasa kerja tak transitif.

Sementara itu, dapatan daripada proses pembelajaran secara tidak formal berdasarkan soal selidik menunjukkan bahawa para pelajar mempunyai sikap yang berbeza-beza terhadap bahasa Melayu baku. Antara cadangan yang boleh dilakukan ialah mendedahkan rumus-rumus frasa kerja secara terancang dalam sistem pengajaran pembelajaran. Guru-guru juga mestilah mempraktikkan hukum tatabahasa yang baku

dalam pengajarannya. Selain itu, penyeragaman tentang hukum tatabahasa perlulah dilaksanakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum. Seterusnya, pelajar-pelajar digalakkan memanfaatkan buku teks yang digunakan dalam sistem pendidikan bahasa Melayu di peringkat tingkatan empat.

Chew Fong Peng (2016) dalam kajian tentang Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah melihat persepsi murid-murid Cina terhadap bacaan buku dan sebutan dalam bahasa Melayu. Seramai 400 orang sampel dipilih daripada

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Kebangsaan (SK). Murid-murid Cina di SJKC dan SK mempunyai masalah sebutan kerana kurang membaca buku atau bahan bacaan bahasa Melayu. Murid-murid Cina kurang gemar membaca bahan bacaan atau buku bahasa Melayu kerana faktor kebudayaan, pengaruh rakan dan keluarga.

Selain itu, murid-murid Cina sering melakukan kesalahan sebutan fonem ('m', 'n', 'l', dan 'r') dan konsonan bergabung ('sy', 'ny' dan 'ng'). Ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi murid-murid SK dengan SJKC dalam pencapaian bahasa Melayu. Hasil ujian korelasi Pearson menunjukkan tidak terdapat hubungan antara kemahiran pemahaman dengan pertuturan murid-murid Cina dalam bahasa Melayu. Hasil kajian ini mendapati pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah rendah perlu diperbaiki agar dapat membantu murid-murid mempelajari bahasa Melayu dengan baik. Selain itu, guru-guru bahasa Melayu perlu memainkan peranan yang sangat penting untuk memupuk minat membaca di samping membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh murid-murid Cina kerana Bahasa Melayu ialah bahasa kedua mereka. Tambahan pula, ibu bapa memainkan peranan penting di samping sikap dan minat murid-murid terhadap bahasa Melayu itu sendiri.

Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016) dalam kajian yang bertajuk Kesilapan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademik Pengajian Melayu mengkaji tentang kesilapan bahasa Melayu pelajar-pelajar Akademi Pengajian Melayu yang merupakan antara fakulti yang banyak menerima kemasukan pelajar asing dari negara China yang ingin mempelajari bahasa Melayu dan mendapatkan ijazah dalam bidang Pengajian Melayu. Pendaftaran pelajar-pelajar China bagi kursus bahasa Melayu dan kursus-kursus lain di Akademi Pengajian Melayu (APM) telah menjadi satu fenomena yang tidak asing lagi di Universiti Malaya dan di Malaysia. Melalui perjanjian MoA dan MoU yang ditandatangani oleh Universiti Malaya dan universiti-universiti yang terlibat dari negara China, jumlah pelajar yang dihantar ke Akademi Pengajian Melayu semakin meningkat setiap tahun. Pelajar-pelajar ini hanya mempunyai kelayakan asas dalam bahasa Melayu dan hal ini menjadi satu cabaran kepada tenaga pengajar dan struktur kursus yang ditawarkan. Penguasaan bahasa Melayu yang asas sering menjadi masalah dalam proses pembelajaran dan pengajaran dalam kalangan pelajar. Kajian ini akan meneliti aspek kesilapan bahasa dalam kalangan pelajar-pelajar Yunnan University of Nationalities (YUN), China, khususnya dari aspek morfologi, sintaksis dan mekanikal. Sehubungan itu, kajian ini memanfaatkan skrip jawapan peperiksaan akhir para pelajar YUN sebagai bahan kajian. Makalah ini turut mengemukakan saranan dan cadangan untuk membantu pelajar asing mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua agar dapat meningkatkan penguasaan bahasa mereka.

Ahmad Zulfadhli Nokman, Azman Che Mat, Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar, Nor Shaifura Musilehat dan Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub (2017) dalam kajiannya yang bertajuk Kesilapan Sebutan Bahasa Arab dalam Kalangan Bukan Penutur Jati yang melihat kemahiran pertuturan yang merupakan salah satu kemahiran penting

dalam pembelajaran bahasa. Hal ini kerana bahasa merupakan alat komunikasi untuk menyampaikan sesuatu maksud kepada orang lain. Oleh sebab itu, kemahiran ini mesti dikuasai dengan sebaiknya supaya maksud yang ingin disampaikan mencapai matlamatnya. Salah satu aspek yang penting dalam kemahiran ini ialah sebutan perkataan bagi sesuatu bahasa. Secara umumnya, setiap bahasa mempunyai keunikan sebutan yang tersendiri. Malah, aspek sebutan inilah yang paling jelas membezakan antara satu bahasa dengan bahasa yang lain termasuk bahasa Arab. Bahasa Arab mempunyai beberapa sebutan yang berbeza dengan bahasa Melayu.

Jadi, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesilapan dalam sebutan bahasa Arab dalam kalangan penutur bahasa Melayu. Metodologi yang digunakan ialah pendekatan kualitatif untuk tujuan mengumpul, menganalisis dan menilai data yang diperolehi. Dua orang peserta kajian telah dipilih untuk mencapai maksud tersebut dengan mengadakan ujian sebutan berasaskan instrumen senarai semak yang berpandukan teori pengajaran ilmu Tajwid Abdul Qadir Leong Al-Azhari. Dapatan kajian menunjukkan memang wujud kesilapan pada sebutan bahasa Arab akibat daripada pengaruh bahasa pertama bagi sebutan tertentu. Kajian yang lebih menyeluruh perlu dijalankan untuk mendapatkan gambaran yang lebih persis dan jitu pada masa akan datang.

Zaidi Mohd Zin dan Mohd Salleh Wasik (2015) dalam kajiannya yang bertajuk Analisis Kesilapan Penggunaan Kata Sendi Nama “ni” dan “de” Bahasa Jepun dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesilapan pengurangan yang kerap berlaku di kalangan murid Tahun Tiga. Kaedah deskriptif kualitatif digunakan dalam kajian ini. Seramai 30 orang murid Tahun Tiga dipilih sebagai sampel kajian. 30 orang murid ini diberi gambar-gambar tunggal untuk membina ayat. Ayat-ayat yang dikumpul itu diklasifikasi dan dianalisis berdasarkan Surface Strategy Taxonomy yang diperkenal oleh Dulay. Pelajar juga diwawancara

untuk mendapatkan input bagi punca murid melakukan kesilapan tersebut. Hasil kajian menunjukkan kesilapan pengurangan yang dilaku oleh murid Tahun Tiga adalah sebanyak 30 peratus. Pengurangan sesuatu perkataan dalam ayat menyebabkan maksud ayat berbeza, maka informasi yang sebenar gagal disampaikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kecuaiian dan pembelajaran yang tidak lengkap merupakan faktor utama pengurangan berlaku dalam penggunaan bahasa pelajar yang berumur kecil.

Ang Lay Hoon (2015) dalam kajiannya yang bertajuk Analisis Kesilapan Pengurangan dalam Struktur Ayat Bahasa Cina di Kalangan Murid Tahun 3 mengkaji tentang pelajar-pelajar bukan Cina yang mempelajari bahasa Cina sebagai bahasa kedua lazimnya melakukan kesilapan sintaksis dalam membina ayat bahasa Cina. Penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti kesilapan urutan kata dalam ayat dwikata kerja/frasa kerja dan ayat dwiobjek yang dibina oleh pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Cina. Seramai 40 orang pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Cina sebagai bahasa kedua di Universiti Malaya (UM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian ini. Data yang dikaji secara kualitatif ini adalah ayat yang salah dari segi urutan kata. Ayat tersebut diperoleh dari sampel penulisan pelajar. Pelajar Melayu bukan sahaja menyalahletakkan kata kerja dan objek dalam kedua-dua jenis ayat bahasa Cina tersebut, malahan menyisipkan perkataan yang tidak sepatutnya digunakan ke dalam ayat tersebut. Didapati bahawa kesilapan-kesilapan urutan kata tersebut mempunyai pola yang tertentu, misalnya “Subjek + kata kerja (KK) + qu (ke) + tempat”, “Subjek + qu (pergi) + KK + zai (di) + tempat” dan “Subjek + KK/FK + yong (menggunakan) + kata nama”. Selain itu, objek tepat dan objek sipi juga lazim diterbalikkan dalam ayat mereka. Gangguan bahasa ibunda (bahasa Melayu) merupakan salah satu faktor yang mengakibatkan pelajar-pelajar Melayu cenderung membina ayat dwikata kerja/frasa kerja dan ayat dwiobjek bahasa Cina berdasarkan urutan kata bahasa Melayu.

Ang Lay Hoon (2015) dalam kajiannya yang bertajuk Analisis Kesilapan Urutan Kata dalam Ayat Dwikata Kerja dan Dwiobjek Bahasa Cina oleh Pelajar Melayu IPTA. Kajian ini membincangkan tentang perbezaan strategi linguistik yang digunakan oleh orang Melayu dan Sepanyol dalam melaksanakan lakuan tutur penolakan (speech act of refusal). Seramai 40 orang pelajar siswazah Melayu dan 40 orang pelajar siswazah Sepanyol terlibat dalam kajian ini. Data dikutip menerusi kaedah DCT (Discourse Completion Test) atau Ujian Melengkapkan Wacana yang diperkenalkan oleh Blum-Kulka (1982). Data dianalisis berdasarkan kepada model penolakan Beebe, et al. (1990). Beebe (1990) membahagikan penolakan kepada tiga kategori iaitu penolakan langsung (direct refusals), penolakan tidak langsung (indirect refusals) dan penolakan ajung (adjunct to refusals). Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya orang Sepanyol menggunakan lebih banyak strategi berbanding orang Melayu tetapi mereka lebih langsung (direct) ketika menolak berbanding orang Melayu. Didapati bahawa kedua-dua bangsa, Melayu dan Sepanyol, menggunakan strategi yang sama ketika membuat penolakan tetapi berbeza dari segi kekerapan dan kecenderungan.

2.2.4 Rumusan Kajian Dalam Negara

Kajian analisis kesilapan bahasa yang dirujuk pengkaji ialah Awang Sariyan dan Sahari Nordin (1990), Muhammed Salehuoin Aman (1993), Supian Mohammad Noor (1994), Chew Fong Peng (2016), Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016), Ahmad Zulfadli Nokman et. al (2017), Zaidi Mohd Zin dan Mohd Salleh Wasik (2015) dan Ang Lay Hoon (2015). Kajian-kajian ini banyak memberi sumber ilmu dan rujukan kepada pengkaji untuk mendapatkan hasil kajian yang terbaik.

2.3 Kesimpulan Sorotan Kajian

Berdasarkan kajian-kajian di atas, kajian yang dijalankan terhadap murid SMPC masih kurang dilaksanakan oleh mana-mana pengkaji. Kajian ini merupakan kajian awal tentang kesilapan bahasa di SMPC. Kebanyakannya pengkaji terdahulu mengkaji kesilapan dan kesalahan bahasa yang melibatkan sekolah-sekolah kerajaan dan universiti awam. Oleh itu, pengkaji mengambil peluang ini untuk mengkaji kesilapan bahasa di SMPC yang merupakan pendidikan bahasa Melayu memerlukan pengajaran secara berdikari.

Secara umumnya, masa pembelajaran dan pengajaran di SMPC melibatkan satu waktu diperuntukkan selama 35 minit serta seminggu diajar enam waktu dalam seminggu. Pengkaji melihat berlakunya kesilapan bahasa akibat daripada kekurangan waktu pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas sehingga murid-murid tidak dapat menguasai bahasa Melayu. Kesannya adalah kepada penulisan karangan akibat kekurangan pengetahuan ilmu bahasa Melayu.

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan sebagai suatu tinjauan awal berkaitan dengan kesilapan bahasa Melayu di SMPC. Kajian di SMPC terutamanya terhadap murid-murid Cina masih kurang dijalankan berbanding sekolah dan universiti awam. Pengetahuan bahasa Melayu yang dikuasai oleh murid-murid di SMPC juga merupakan kajian yang mendedahkan kelemahan mereka menggunakan kata atau morfologi yang betul kerana permorkahan penulisan karangan sebahagian daripada markah keputusan peperiksaan.

2.4 Rumusan

Kajian lepas menjelaskan bahawa menulis adalah suatu kemahiran yang hari dikuasai oleh setiap murid. Kemahiran menulis dalam penggunaan pelbagai jenis ayat adalah sangat penting kerana membantu seseorang menghasilkan karangan yang berkualiti. Kajian-kajian lepas menegaskan beberapa perkara harus diberi perhatian dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan. Selain itu, kebolehan pelajar juga dapat meningkat dan menguasai kemahiran menulis serta penggunaan pelbagai jenis ayat dari peringkat demi peringkat. Input-input yang dijelaskan oleh kajian lepas tentang murid-murid penutur asal dan penutur bukan asal sebenarnya sesuai untuk digunakan sebagai bahan mahupun penerangan dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan bahasa Melayu.

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Pengkaji menggunakan pendekatan analisis kesilapan dalam karangan yang ditulis oleh 30 orang pelajar J3Y untuk mengenal pasti tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar-pelajar Cina di SMPKH dengan lebih jelas. Hal ini kerana analisis kesilapan merangkumi proses pembelajaran bahasa yang akan melibatkan pelbagai jenis kesilapan termasuklah mekanikal, morfologi dan sintaksis. Kritikan-kritikan terhadap analisis kontrastif bermula pada tahun 60-an dan memuncak pada tahun 70-an. Hal ini disebabkan kerana keinginan ahli teoritis yang mengehendkan objektif analisis kontrastif kepada pengajaran bahasa sahaja. Kekurangan analisis ini ialah kajian hanya boleh meramalkan sebahagian masalah dan kebanyakan masalah disebabkan oleh faktor lain. Faktor bahasa pertama bukanlah faktor utama untuk kesilapan berlaku dalam pembelajaran bahasa.

Pengkaji-pengkaji membuat kajian semula terhadap kesilapan pelajar bahasa. Salah seorang pengkaji ialah Corder (1967). Corder mengatakan bahawa kesilapan merupakan tangga strategi pembelajaran seorang pelajar. Kesilapan tidak boleh dianggap sebagai tanda kawalan diri tetap sebagai bukti strategi pembelajaran. Corder (1971) dan Selinker (1972) juga menyatakan bahawa analisis kontrastif kurang memberikan perhatian kepada sumbangan yang diberikan oleh pelajar dalam proses pembelajaran bahasa kedua tersebut. Oleh itu, penggunaan analisis kesilapan yang didakwa mereka dapat membuktikan bahawa pengetahuan aktif pembelajaran berlaku dalam proses pembelajaran bahasa kedua.

3.1 Konsep dan Teori Kajian

Konsep dan teori sangat penting dalam sesebuah kajian. Setiap penyelidikan memerlukan konsep dan teori yang bersesuaian dengan kajian yang dikaji. Pengkaji telah memilih dua teori dalam mengenal pasti tahap penguasaan pelajar Cina dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua iaitu Teori Pemerolehan Bahasa yang merujuk kepada analisis kesilapan dan Teori Monitor yang merangkumi pemerolehan bahasa kedua.

3.1.1 Teori Pemerolehan Bahasa Corder

Teori Corder dijadikan sebagai pegangan dan panduan utama dalam proses menghasilkan kajian ini. Teori tersebut ialah Teori Pemerolehan Bahasa oleh Corder (1973). Dalam pembelajaran bahasa kedua, Corder (1973) mengkategorikan empat kesalahan yang dilakukan oleh pelajar iaitu pengguguran unsur-unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu atau tidak tepat, pemilihan unsur yang tidak tepat dan penyusunan unsur yang salah. Walau bagaimanapun, menurut Corder, kategori-kategori tersebut belum mencukupi untuk menjelaskan kesalahan, lalu beliau menyertakan kesalahan bagi peringkat-peringkat linguistik seperti morfologi, sintaksis dan leksikon.


Menurut Corder (1974), kesilapan sebagai 'significant' iaitu sesuatu yang mempunyai makna tertentu bukan sahaja untuk pelajar tetapi juga untuk pengkaji dan pengajar. Jadi, kajian ini dijalankan khas untuk menyelidik dan mengenal pasti kesilapan leksikal iaitu mengklasifikasikan jenis kesilapan dalam aspek ejaan yang dilakukan oleh pelajar Cina dalam mempelajari bahasa Melayu. Penganalisan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar Cina semasa pembelajaran bahasa sasaran iaitu bahasa Melayu boleh mencerminkan kesulitan yang dihadapi mereka. Kesulitan yang ditemui inilah merupakan fokus pengajaran guru-guru bahasa asing terhadap pelajar

mereka. Daerah-daerah kesilapan pelajar bukan Melayu dalam proses pembelajaran dapat dielakkan serta membantu mereka memperoleh keputusan yang cemerlang. Justeru, analisis kesilapan penting dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu terutamanya bagi golongan yang bukan penutur natif.

3.1.2 Teori Monitor

Teori kedua yang digunakan oleh pengkaji ialah Teori Monitor oleh Stephen D. Krashen. Teori ini terhasil daripada kajian-kajian beliau berkaitan pemerolehan bahasa kedua. Pengkaji menggunakan teori ini untuk digandingkan dengan teori pemerolehan bahasa oleh Corder (1973). Kedua-dua teori ini saling melengkapi kerana kedua-duanya membawa kepada pemerolehan bahasa kedua dan mengenal pasti tahap penguasaan pelajar Cina dalam bahasa kedua yang dipelajarinya iaitu bahasa Melayu.

Menurut Ellis (1985 : 261), Teori Monitor merupakan suatu teori komprehensif yang diperkenalkan khusus bagi mengkaji proses yang berlaku semasa pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua. Teori Monitor terbahagi kepada lima hipotesis (prinsip) antaranya ialah ‘The Acquisition-Learning Hypothesis’, ‘The Monitor Hypothesis’, ‘The Natural Order Hypothesis’, ‘The Input Hypothesis’ dan ‘The Affective Filter Hypothesis’. Kelima-lima hipotesis ini akan dijelaskan dalam kerangka teoritis teori monitor oleh pengkaji.



Rajah 3.1 : Model Teori Pemerolehan Bahasa Kedua oleh Krashen

3.2 Kerangka Teoritis Kajian


Kerangka teori berperanan sebagai asas dan panduan bagi setiap penyelidikan yang dilakukan oleh pelajar. Kerangka teoritis analisis kesilapan dan monitor telah dihuraikan oleh pengkaji dan dirujuk sebagai asas dalam menghasilkan kerangka konsepsi yang berkaitan dengan kajian tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar Cina di SPMKH.

3.2.1 Kerangka Teoritis Analisis Kesilapan

Corder (1981) mendefinisikan kesilapan bahasa (mistake) sebagai bentuk-bentuk pertuturan yang menyimpang atau yang menyalahi bentuk-bentuk pertuturan penutur jati. Analisis kesilapan dapat memberikan maklumat tentang daerah-daerah dan punca-punca kesulitan pelajar yang perlu diberikan tumpuan dan melaluinya dapat dicadangkan langkah-langkah pembaikannya, (Corder, 1981). Kesilapan bahasa adalah sesuatu bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai baku oleh penutur bahasa dan kesilapan itu meliputi semua aspek bahasa seperti tatabahasa, ejaan, sebutan, penggunaan perkataan dan istilah.

Corder (1973) menyatakan kesilapan merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan dalam proses pembelajaran bahasa dan bukan kesalahan atau sesuatu yang berunsur negatif. Setiap proses pembelajaran akan berlaku kesilapan sama ada ketika mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa pertama atau bahasa kedua.

Terdapat enam konsep Analisis Kesilapan yang dikemukakan oleh Corder (1973). Konsep tersebut boleh dilihat pada rajah 1.0 konsep Analisis kesilapan berikut :



Rajah 3.2 Konsep Analisis Kesilapan

Konsep analisis kesilapan sangat penting dalam mengukur tahap penguasaan pelajar bahasa kedua khususnya dalam mempelajari bahasa Melayu. Pengkaji menggunakan konsep dan teori Corder ini untuk menganalisis penulisan karangan pelajar dan mengenal pasti kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam menulis karangan.

Konsep pertama dalam analisis kesilapan merujuk kepada pemerolehan bahasa kedua sebagai pengaruh daripada perkembangan bahasa ibunda iaitu bahasa pertama. Proses pemerolehan bahasa kedua ini berlaku ketika mempelajari bahasa sasaran dan terpengaruh dengan bahasa ibunda. Pelajar akan melakukan kesilapan dan wujudnya sistem bahasa yang tersendiri semasa mempelajari bahasa kedua. Gangguan bahasa ibunda dan faktor sosiolinguistik serta pengetahuan yang kurang menjadi punca kepada berlakunya kesilapan ini.

Seterusnya ialah peringkat kecekapan pelajar yang dilihat secara keseluruhannya. Peringkat ini dilihat berdasarkan kajian analisis bahasa yang dilakukan terhadap proses mempelajari bahasa kedua oleh pelajar bukan penutur jati. Namun, peringkat ini tidaklah melihat kesilapan yang dilakukan pelajar semata-mata dalam mengukur tahap kecekapan pelajar mempelajari sesuatu bahasa dalam tempoh yang singkat. Peringkat ini melihat perbandingan antara kecekapan pelajar ketika analisis dijalankan dengan penguasaan yang mampu dicapai oleh pelajar pada kesudahan akhirnya.

Konsep ketiga yang dikemukakan oleh Corder (1973) ialah faktor interlingual dan intralingual. Faktor interlingual merujuk kepada bahasa ibunda pelajar manakala faktor intralingual merujuk kepada bahasa sasaran yang dipelajari pelajar. Richards (1974) juga menyatakan kesilapan-kesilapan intralingual pelajar bahasa kedua adalah disebabkan "partial exposure to the target language". Kajian ini dapat melihat sama ada proses pembelajaran bahasa kedua pelajar dipengaruhi atau terhalang oleh bahasa ibunda.

Faktor interlingual dan intralingual yang dilihat dalam rumus analisis kesilapan ini antaranya ialah pencapaian kanak-kanak serta pelajar yang mempelajari bahasa kedua tidak banyak menggambarkan kesilapan tatabahasa bahasa pertama atau intralingual. Seterusnya, pelajar bahasa kedua sering melakukan kesilapan tatabahasa yang merujuk kepada persamaan antara bahasa pertama dengan bahasa kedua. Kesilapan ini tidak seharusnya berlaku kerana persamaan dalam bahasa pertama dan bahasa kedua memudahkan proses pemerolehan bahasa.

Selain itu, analisis kesilapan ini juga melihat kepada penilaian pelajar bahasa kedua iaitu melihat kepada salah betul dalam tatabahasa bahasa kedua yang lebih menjerus kepada jenis-jenis ayat bahasa kedua daripada ayat bahasa pertama. Perkara

yang terakhir ialah kesilapan fonologi dalam tatabahasa menunjukkan pengaruh bahasa pertama kepada bahasa kedua.

Proses pembinaan kreatif merupakan konsep keempat dalam analisis kesilapan. Proses pembinaan kreatif ini melibatkan pelajar yang aktif dalam pembinaan semula perkara yang diingini ke dalam bahasa sasaran mengikut strategi kognitif yang secepat. Malah, proses pembinaan kreatif juga dapat mengenal pasti keupayaan kekreatifan pelajar-pelajar dalam mempelajari bahasa asing iaitu bahasa sasaran sebagai bahasa kedua.

Corder (1973) juga mengemukakan konsep yang terdapat dalam analisis kesilapan ialah bahasa antara. Pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa kedua akan mengalami gangguan antara bahasa ibunda dengan bahasa sasaran. Bahasa antara atau dalam istilah dalam bahasa Inggeris ialah “interlanguage” merupakan istilah yang sering digunakan dalam kajian pemerolehan bahasa kedua. Selinker (1972) yang mencipta istilah ini untuk merujuk kepada bahasa transisi yang biasa lahir daripada persekitaran pemerolehan bahasa kanak-kanak secara urutan dengan variabel sosiolinguistik. Puteri Roslina Abdul Wahid (2004) mendefinisikan bahasa antara sebagai bahasa yang tidak tergolong dalam bahasa pertama dan tidak juga tergolong dalam bahasa kedua tetapi bahasa ini berada di antara kedua-dua bahasa tersebut.

Konsep analisis kesilapan yang dikemukakan oleh Corder ialah sistem dalam bahasa antara. Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar membuktikan kewujudan sistem bahasa yang digunakan oleh pelajar pada satu tahap tertentu (Corder, 1967). Bahasa antara terbahagi kepada tiga bahagian iaitu prasistematik, sistematik dan pascasistematik. Tahap penguasaan pelajar dalam sesuatu bahasa dapat dikenalpasti melalui peringkat ini.

Peringkat prasistematik merujuk kepada pelajar yang tidak menguasai dan menghayati sesuatu sistem bahasa kedua. Hal ini disebut juga kesilapan yang

disebabkan pemerhatian secara rambang. Peringkat ini juga pelajar tidak dapat menerangkan punca kesilapan yang dilakukan contohnya dalam struktur bahasa ataupun kesalahan bahasa yang dilakukannya.

Seterusnya ialah peringkat sistematik. Peringkat ini melibatkan kesilapan tetap yang dilakukan oleh pelajar. Pelajar-pelajar telah mempelajari sisten dan peraturab bahasa kedua tetapi masih belum menguasai bahasa tersebut. Pelajar tidak dapat membetulkan kesilapan bahasa yang dilakukannya namun dapat menerangkan sedikit sebanyak faktor-faktor menggunakan peraturan tersebut.

Pada peringkat pascasistematik pula, pelajar telah mampu menghasilkan bentuk-bentuk bahasa yang betul walaupun tidak secara konsisten. Pelajar telah menghayati peraturan tatabahasa kedua namun kadangkala melakukan kesilapan akibat lupa dan kurang fokus. Pelajar juga sedikit sebanyak dapat membetulkan kesilapan bahasanya dan menghuraikan peraturan tatabahasa yang digunakannya.

3.2.2 Kerangka Teoritis Teori Monitor

Menurut Krashen (1981 : 1), Hipotesis Pemerolehan-Pembelajaran atau 'The Acquisition-Learning Hypothesis' merangkumi dua sistem yang berlaku semasa pemerolehan bahasa kedua iaitu sistem pemerolehan dan sistem pembelajaran. Pemerolehan bahasa berlaku secara bawah sedar dan tidak dirancang. Proses ini sangat berkesan dan pelajar sering memperoleh bahasa ketika mereka bergaul bersama rakan atau guru. Pembelajaran bahasa pula melibatkan proses yang berlaku secara sedar dan dirancang. Terdapat sukatan pelajaran yang disediakan oleh pihak tertentu seperti Kementerian Pendidikan. Proses pembelajaran ini dilakukan secara formal di dalam kelas atau bilik darjah. Proses pembelajaran ini kurang berkesan kerana pelajar menghadapi kesukaran untuk mempelajari bahasa kedua kecuali jika pelajar memberi tumpuan dan mempunyai motivasi yang tinggi.

Seterusnya ialah Hipotesis Pemantau atau 'The Monitor Hypothesis'. Hipotesis ini menerangkan pembelajaran berfungsi sebagai pemantau (monitor). Secara asasnya, perolehan-perolehan merupakan hasil yang diperolehi melalui komunikasi dan monitor berperanan mengubah suai perolehan-perolehan supaya menepati ciri-ciri sesuatu bahasa sasaran. Komunikasi sangat penting supaya setiap pengajaran itu mudah dicapai oleh kedua-dua pihak. Monitor bertindak sebagai penyunting bahasa yang dikawal secara sedar. Pelajar juga perlu mempunyai masa yang cukup untuk menyemak dan mengulangkaji pelajaran, memberi tumpuan kepada bahan yang dipelajari serta memahami peraturan seperti rumus tatabahasa yang diajar di dalam kelas.


Ellis (1985 : 262) menyatakan Krashen menjelaskan Hipotesis Aturan Semula jadi atau 'The Natural Order Hypothesis' sebagai peraturan iaitu manusia memperoleh peraturan-peraturan bahasa dalam satu susunan yang boleh diramal. Terdapat peraturan yang cepat dan lambat diterbitkan. Susunan ini berbeza daripada peraturan bahasa yang diajar di dalam bilik darjah. Susunan perolehan bahasa yang semula jadi ini sebagai hasil daripada sistem bahasa yang telah diperolehi pelajar dan bebas daripada penggunaan monitor atau tatabahasa secara sedar.

Hipotesis Masukan atau 'The Input Hypothesis' menjelaskan cara seseorang memperoleh bahasa kedua. Mereka yang mempelajari bahasa kedua dianggap mengalami perkembangan daripada tahap i (keupayaan sekarang) menuju ke tahap $i + 1$. Bagi mencapai tahap $i + 1$ ini, mereka perlu mengetahui dan memahami unsur yang dimasukkan dalam kemahiran yang sedia ada untuk menjadikan $i + 1$. Unsur yang dimasukkan mestilah bersesuaian dengan tahap keupayaan mereka dalam penguasaan bahasa kedua. Berdasarkan kajian ini, pelajar Cina yang hanya mengetahui imbuhan $meN-$ secara umum berada pada tahap i . Setelah guru mengajarkan rumus dan cara penulisan imbuhan $meN-$ dengan betul maka baharulah pelajar dapat memahami dan mencapai tahap $i + 1$.

Selanjutnya Krashen menerangkan Hipotesis Saringan Afektif atau ‘The Affective Filter Hypothesis’. Hipotesis ini menjelaskan tentang faktor-faktor afektif yang berperanan penting dalam proses pemerolehan bahasa kedua. Faktor-faktor seperti motivasi, keyakinan diri dan imej diri yang baik dapat mempengaruhi seseorang untuk menguasai bahasa kedua dengan lebih lancar. Keadaan ini menjelaskan pelajar yang mempunyai motivasi diri yang rendah, kurang keyakinan diri dan kurang kemahuan menjadi penghalang untuk menguasai bahasa kedua.

Kelima-lima hipotesis Teori Monitor berkait rapat dengan tahap penguasaan pelajar yang mempelajari bahasa kedua iaitu bahasa Melayu. Gabungan dua teori ini adalah untuk menunjukkan tahap penguasaan melalui pendekatan analisis kesilapan yang dikemukakan oleh Corder serta teori monitor yang dibawa oleh Krashen.

3.2.3 Kerangka Konsepsi



Rajah 3.3 Kerangka Konsepsi

Penyelidik menggabungkan dua teori iaitu teori Corder dan teori Krashen untuk mendapatkan hasil yang bertepatan dengan analisis yang dijalankan. Gabungan kedua-dua teori telah menghasilkan penemuan yang tersendiri oleh pengkaji iaitu pengkaji menggunakan pendekatan analisis kesilapan dalam mengenal pasti tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar Cina yang mempelajari bahasa kedua. Hasil gabungan teori

tersebut jelas membuktikan tahap penguasaan pelajar lebih jelas dan pengkaji dapat mengenal pasti kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina.

3.3 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif sebagai kaedah kajian. Kaedah kualitatif diguna pakai semasa peringkat awal penyelidikan yang memerlukan kefahaman daripada bahan-bahan bacaan seperti buku, jurnal, majalah ilmiah, blog, dan lain-lain bahan bacaan yang berkaitan dengan bidang penyelidikan. Kaedah kuantitatif pula digunakan untuk menganalisis data untuk mengetahui dengan lebih jelas peratus tahap kesilapan ejaan yang dilakukan oleh pelajar Cina di sekolah persendirian (Cina) dan pengkaji menggunakan SPSS untuk mengetahui keberkesanan teknik pengajaran terhadap pengajaran guru dan pelajar.

Dalam bahagian ini, pengkaji menghuraikan dan menjelaskan tentang metodologi kajian dan proses analisis data. Pengkaji menggunakan dua kaedah kajian iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah kerja lapangan. Kaedah-kaedah ini digunakan bagi mendapatkan maklumat, data dan fakta yang berkaitan dengan kajian. Proses analisis data akan menghuraikan proses-proses yang akan dilakukan daripada peringkat awal sehinggalah peringkat akhir.

3.3.1 Kaedah kepustakaan

Kaedah kepustakaan merupakan kaedah yang pertama dan terawal yang dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji telah pun mendapatkan maklumat dan bahan terlebih dahulu. Kaedah ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan data yang penting dan jelas tentang kajian-kajian lepas yang mempunyai perkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji juga membuat penelitian awal terhadap kajian-kajian terdahulu sebelum memulakan kajian. Maklumat kajian didapati melalui disertasi, tesis,

jurnal, majalah, buku dan sebagainya samada dari dalam dan luar negara. Pengkaji mendapatkan bahan tersebut dari Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Za'ba dan Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu. Kaedah ini menjadi sangat penting untuk pengkaji menentukan objektif dan hala tuju kajian ini tercapai.

3.3.2 Kaedah Kerja Lapangan

Pengkaji juga turut menggunakan kaedah kerja lapangan dalam kajian untuk mendapatkan maklumat dan data dengan tepat. Kaedah kajian lapangan ialah kajian yang sering digunakan dalam kajian sains sosial dan pendidikan (Chua, 2006 : 141). Kaedah kerja lapangan begitu sesuai dilakukan kerana kajian ini melibatkan pelajar dan dilakukan di sekolah. Malah, kajian lapangan melibatkan pemerhatian terhadap perkara yang wujud dan berlaku secara spontan dan semulajadi serta tidak dibuat-dibuat. Teknik kajian lapangan menjadi pilihan pengkaji supaya perjalanan kajian berjalan lancar. Pengkaji telah menggunakan kaedah temubual, kaedah soal selidik dan kaedah pemerhatian turut serta. Tiga kaedah yang dinyatakan adalah seperti berikut :

3.3.2.1 Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual yang dirangka dalam kajian antaranya ialah temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Kedua-dua kaedah ini digunakan oleh pengkaji mendapatkan maklumat. Kaedah temubual berstruktur digunakan oleh pengkaji semasa menemubual pelajar. Pengkaji menggunakan soal-selidik dalam menjalankan temubual. Soal selidik ini digunakan untuk mengetahui latar belakang pelajar-pelajar Cina yang terlibat dalam kajian ini.

Pengkaji turut menemubual guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu Junior 3 (Tingkatan 3) bagi mendapatkan maklumat tentang pencapaian mata pelajaran

Bahasa Melayu secara umum, kaedah pengajaran bahasa Melayu dan beberapa maklumat lain yang berkaitan dengan kajian ini.

Selain itu, kaedah temu bual tidak berstruktur digunakan semasa temu bual dengan pihak pentadbir sekolah iaitu Pengetua, Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Guru-guru bahasa Melayu dan Kaunselor Sekolah. Kaedah temubual tidak berstruktur bertujuan mendapatkan maklumat berkaitan seperti latar belakang sekolah, tahap pencapaian sekolah dalam peperiksaan UEC dan perkara-perkara yang berkaitan.

3.3.2.2 Kaedah Soal Selidik

Borang soal selidik (Lampiran 5) telah diedarkan kepada 100 orang guru di Sekolah Menengah Persendirian Cina Kwang Hua. Untuk mendapatkan hasil kajian, pengkaji telah menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) versi 20. Soal selidik ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengenalpasti hubungan teknik pengajaran dengan pencapaian dan prestasi pelajar dalam penguasaan subjek terutama subjek bahasa Melayu terutama pelajar-pelajar Cina yang mengalami kesukaran dalam menguasai bahasa kedua. Borang soal selidik dapat dilihat dalam Lampiran 5.

3.3.2.3 Responden

Responden adalah terdiri daripada 100 orang guru. Responden terdiri daripada 25 orang lelaki dan 75 orang perempuan.

3.3.2.4 Borang Soal Selidik

Borang soal selidik ini mengandungi lima bahagian secara keseluruhannya. Ia terdiri daripada bahagian A, B, C, D dan E.

3.3.2.5 Perincian maklumat borang soal selidik :

Demografi Responden

Bahagian ini mengandungi 5 item soalan yang diolah oleh pengkaji iaitu jantina, umur, status perkahwinan, pendidikan dan bangsa. Koding untuk setiap item adalah seperti berikut ; jantina (1 = lelaki, 2 = perempuan), umur (1 = 21-30 tahun, 2 = 31 - 40 tahun, 3 = 41 - 50 tahun, 4 = 51 - 60 tahun, 5 = 61 tahun ke atas), status perkahwinan (1 = bujang, 2 = berkahwin, 3 = bercerai/duda/janda/balu), pendidikan (1 = sijil/diploma, 2 = sarjana muda, 3 = sarjana, 4 = lain-lain), bangsa (1 = melayu, 2 = cina, 3 = india, 4 = lain-lain).

Bahagian A : Teknik Pengajaran

Pada bahagian A, pengkaji menyentuh tentang aspek teknik pengajaran. Bahagian ini terdiri daripada 9 item soalan yang telah dinilai menggunakan The Swiss Teaching Style Questionnaire (STSQ) oleh Emmanuel Kuntsche, Gerhard Gmel & Jurgen Rehm (2006). Item telah diubah mengikut kesesuaian keadaan dan dinilai daripada perspektif guru. Contohnya adalah seperti “Ibu dan bapa saya memberikan galakan jika markah saya teruk” dan diubah dari perspektif guru seperti “Saya memberikan galakan jika markah mereka teruk”. Pengkaji telah menggunakan skala likert bermula dari 1 (sangat tidak setuju) sehingga 5 (sangat setuju).

Bahagian B : Interaksi Guru

Pada bahagian B pula, pengkaji menyentuh tentang interaksi guru pada pelajar. Bahagian ini terdiri daripada 5 item soalan yang telah dinilai menggunakan The Questionnaire on Teacher-Student Interaction (QTI) yang telah diolah oleh Tisome T. Nugget (2006). Soal selidik ini bagi menentukan tahap interaksi guru terhadap pelajarannya. Pengkaji menggunakan skala likert bermula dari 1 (sangat tidak setuju) sehingga 5 (sangat tidak setuju).

Bahagian C : Penglibatan Pelajar

Pada bahagian C, pengkaji menyentuh tentang penglibatan pelajar daripada sudut pemerhatian guru. Bahagian ini terdiri daripada 5 item soalan yang telah dinilai menggunakan The Student Engagement Instrument (SEI) oleh Appleton & Christenson (2006). Kesemua item dinilai melalui nilai 1 sehingga 5 iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju, dan sangat setuju.

Bahagian D : Kepuasan Bekerja

Di dalam bahagian D, pengkaji menyentuh tentang kepuasan bekerja sebagai seorang guru. Bahagian ini terdiri 6 item daripada Melalui Job Content Questionnaire yang diolah oleh Yawen Cheng, Wei-Ming Luh, & Yue-Liang Guo (2003) mengandungi 26 soalan yang dibahagikan kepada tiga jenis pembahagian iaitu sokongan diri, sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja. Pada bahagian ini, kesemua item dinilai melalui skala 1 hingga 5 iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju, dan sangat setuju.

Bahagian E : Prestasi Guru

Pada bahagian E, pengkaji menyentuh tentang prestasi guru. Bahagian ini terdiri daripada 9 item yang dipilih daripada Utrecht Work Engagement Scale (UWES : Schaufeli & Bakker (2003) yang mengandungi 17 soalan. Kesemua item dinilai melalui nilai 1 sehingga 5 iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju, dan sangat setuju.

3.3.3 Kaedah Pemerhatian Turut Serta

Pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian turut serta yang bertujuan bagi mendapatkan gambaran sebenar dalam kajian ini. Kaedah ini juga digunakan untuk

mendapatkan maklumat lain seperti keadaan kelas, kaedah pengajaran guru di dalam kelas, persekitaran sekolah dan lain-lain yang berkaitan dengan pengkaji.

Selain itu, kaedah ini memerlukan pengkaji berada di kawasan sekolah dan dalam kelas. Pengkaji memperuntukkan masa selama sebulan di sekolah untuk membuat pemerhatian. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat menilai tahap pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Malah, pengkaji juga dapat membuat tafsiran tentang persekitaran sekolahm keadaan guru-guru, pelajar-pelajar dan pihak pentadbiran sekolah.

3.3.4 Kerangka Konseptual

Rajah 3.4 (muka surat 59) menerangkan kerangka konseptual. Kerangka konseptual ini bertujuan menjelaskan metodologi kajian secara menyeluruh. Pada peringkat permulaan, pengkaji telah membuat penelitian dan pembacaan terhadap bahan-bahan bacaan yang berkaitan dengan bidang penyelidikan iaitu bidang pembelajaran dan pemerolehan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Pengkaji memilih tajuk kajian yang bersesuaian. Setelah perbincangan dilakukan bersama penyelia, pengkaji telah dapat menentukan tiga objektif yang akan dicapai dalam kajian ini.

Seterusnya pengkaji meneliti beberapa teori yang bersesuaian dan akhirnya memilih dua teori iaitu teori pemerolehan bahasa Corder dan teori monitor Krashen. Pengkaji juga telah mengenal pasti sampel dan lokasi kajian yang sesuai. Faktor pemilihan sampel dan lokasi telah diterangkan dalam bab 1. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kepustakaan dan kaedah kerja lapangan. Kaedah kerja lapangan terdiri daripada kajian rintis dan kajian sebenar.

Pengkaji telah menyediakan beberapa instrumen kajian sebelum kaedah kerja lapangan dijalankan di lokasi yang dipilih. Instrumen-instrumen ini terdiri daripada soalan ujian karangan untuk 30 orang pelajar dan soal selidik untuk 100 orang guru.

Pengkaji juga melakukan kajian rintis di lokasi yang dipilih. Pengkaji mengambil 10 skrip jawapan karangan pelajar untuk dianalisis dan mengenal pasti permasalahan yang wujud berkaitan dengan penguasaan bahasa pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kemudian pengkaji melakukan kajian sebenar di lokasi yang sama dengan mengambil sampel sebanyak 30 orang pelajar.

Pengkaji juga melakukan beberapa prosedur kajian seperti kaedah temu bual, kaedah pemerhatian turut serta dan kaedah soal selidik. Seterusnya pengkaji mendapatkan data-data untuk mengenal pasti tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar Cina melalui analisis kesilapan yang merangkumi tiga aspek utama iaitu kesilapan mekanikal, kesilapan morfologi dan kesilapan sintaksis. Kemudian, pengkaji melakukan kajian terhadap hubungan teknik pengajaran dengan penguasaan bahasa Melayu pelajar Cina melalui borang soal selidik. Pengkaji telah menggunakan perisian SPSS versi 20. Tujuan dilakukan untuk mendapatkan tahap keesahan dan kebolehpercayaan.

Pengkaji juga telah mengemukakan rumusan dan cadangan terhadap kajian yang dilakukan. Pengkaji merumuskan setiap hasil dapatan yang diperolehi oleh kajian dan menjelaskan tahap penguasaan pelajar berserta cadangan yang patut dilakukan oleh pelbagai pihak dalam meningkatkan tahap penguasaan pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

University of Malaya

3.3.4.1 Prosedur Kajian

Proses pelaksanaan kajian diteruskan oleh pengkaji dengan menjalankan beberapa prosedur kajian terlebih dahulu. Prosedur pertama yang dilakukan pengkaji ialah pengkaji mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada pihak Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua untuk menjalankan kajian (Lihat lampiran 6). Sehubungan dengan itu, pengkaji juga membuat surat (lihat lampiran 7) bagi memohon dan mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian lapangan daripada pihak Akademi Pengajian Melayu.

Kajian ini dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama ialah peringkat kajian rintis di Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua Klang bagi mendapatkan sampel kajian rintis. Seramai 5 orang pelajar telah dipilih untuk dijadikan sampel kajian rintis. Bagi analisis pula, pengkaji hanya mengambil 5 skrip jawapan Peperiksaan Akhir Tahun Semester Pertama pelajar sahaja untuk dianalisis. Kajian rintis di SMPKH telah diadakan selama seminggu iaitu bermula dari 22 Mei 2017 hingga 26 Mei 2017. Kajian rintis ini dilakukan bagi mengenal pasti kaedah kajian yang bersesuaian serta dapat memastikan keberkesanan instrumen yang akan digunakan untuk kajian sebenar. Pengkaji juga akan dapat mengatasi masalah luar jangkaan yang mungkin akan timbul semasa kajian sebenar dilakukan. Kajian rintis ini akan memudahkan kajian sebenar dilaksanakan.

Peringkat kedua ialah kajian sebenar. Pada peringkat ini, pengkaji menggunakan sekolah yang sama dengan kajian rintis, iaitu Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua Klang bagi mendapatkan sampel kajian sebenar. Sebanyak 30 Skrip Jawapan Ujian Semester Kedua Bahasa Melayu (Penulisan) pelajar sahaja dianalisis manakala seramai 100 orang sampel kajian yang melibatkan guru sahaja bagi mendapatkan data soal selidik. Kajian sebenar ini telah diadakan selama lima hari dari 3 Julai 2017 hingga 7 Julai 2017.

3.3.5 Tempat Kajian

Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua Klang terletak di daerah Klang, Selangor (Lihat lampiran 8). Sekolah ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana sekolah ini merupakan sekolah yang paling terawal sekali dibina sebelum sekolah persendirian yang lain. Walaupun terdapat banyak sekolah lain di Klang, namun pengkaji memilih sekolah ini mempunyai bilangan pelajar yang ramai dan antara sekolah yang menjadi pilihan ramai pelajar-pelajar Cina.

3.3.6 Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada pelajar-pelajar Cina Junior 3 yang sedang belajar di Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua pada tahun 2017. Terdapat tiga buah kelas bagi pelajar Junior, iaitu Junior 3 Kindness (J3K), Junior 3 Love (J3L) dan Junior 3 Loyalty (J3Y). Pengkaji telah memilih kelas J3Y kerana melihat kepada rekod pencapaian Peperiksaan Akhir Tahun Semester Pertama, didapati rekod pencapaian bagi kelas lain tidak mempunyai perbezaan yang ketara malahan pencapaian mereka semua dalam tingkatan lebih kurang sama setiap kelas.

Pencapaian pelajar diukur dengan gred lemah, sederhana, baik dan sangat baik. Ukuran gred lemah ialah 0 hingga 10 markah, sederhana ialah 11 hingga 20, baik pula ialah 21 hingga 30 manakala sangat baik 31 hingga 40.

3.3.7 Proses Analisis Data

Pengkaji akan menganalisis sebanyak 30 skrip jawapan. Proses menganalisis karangan-karangan pelajar dilakukan berdasarkan penganalisan yang diperkenalkan oleh Corder (1974).

Corder (1974) telah menjelaskan lima peringkat analisis kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar. Lima peringkat penting dalam melakukan analisis kesilapan

bahasa ialah pengenalan, takfsiran, pembinaan semula ayat, peringkat penggolongan dan peringkat penjelasan.

Pengkaji menggunakan kesemua peringkat ini dalam proses menganalisis data. Peringkat pertama iaitu peringkat pengenalan, pengkaji mengenal pasti kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar dalam tiga puluh skrip jawapan karangan yang telah dipilih. Kesilapan aspek morfologi dan sintaksis memerlukan pemerhatian berbanding dengan kesilapan ejaan dan tanda baca. Walau bagaimanapun, kesilapan ejaan dan tanda baca juga jeals kelihatan yang memerlukan perhatian.

Seterusnya, peringkat kedua dalam proses menganalisis data ialah peringkat tafsiran. Pengkaji akan mentafsir kesilapan-kesilapan yang telah dikenal pasti pada peringkat pertama. Pada peringkat ini, pengkaji akan membuat tafsiran berkaitan 3 jenis kesilapan berdasarkan objektif kajian iaitu kesilapan mekanikal, morfologi dan sintaksis.

Peringkat ketiga ialah peringkat pembinaan semula jenis-jenis kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar. Pada peringkat ini, kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar akan diperbetulkan berdasarkan sistem tatabahasa bahasa Melayu yang standard. Pengkaji juga akan menjelaskan berkaitan kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar.

Corder (1974) menyatakan bahawa peringkat keempat proses menganalisis data ialah peringkat penggolongan jenis-jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar. Oleh itu, pada peringkat ini pengkaji akan mengkategorikan kesilapan yang dikenal pasti pada peringkat pertama berdasarkan tiga jenis kesilapan utama, iaitu kesilapan mekanikal, morfologi dan sintaksis.

Peringkat kelima iaitu peringkat penjelasan. Pengkaji akan menjelaskan faktor-faktor yang dapat dikaitkan dengan kesilapan bahasa yang dilakukan oleh para pelajar. Peringkat penjelasan ini akan dihuraikan berdasarkan soal selidik yang diberikan oleh

pengkaji kepada para pelajar. Hal ini dapat merungkaikan tahap penguasaan bahasa Melayu dengan lebih jelas.

Seterusnya pengkaji mengaitkan teori Corder (1973) dengan teori monitor yang terdiri daripada lima prinsip dalam tahap penguasaan bahasa pelajar seperti yang dijelaskan dalam muka surat 47 hingga 48. Kelima prinsip diaplikasikan oleh pengkaji untuk membuktikan pemerolehan dan penguasaan bahasa yang dipeolehi pelajar.

3.4 Kesimpulan

Bahagian ini menerangkan tentang teori yang dijadikan panduan oleh pengkaji dalam membuat kajian aliran aliran analisis kesilapan. Pengkaji berpegang kepada aliran analisis kesilapan yang diperkenalkan oleh Corder (1973) dan Teori Monitor oleh Krashen (1981). Pengkaji juga telah menghuraikan secara terperinci dan jelas tentang analisis kesilapan dan pemerolehan bahasa pelajar yang mempelajari bahasa kedua.

Selain itu, bab ini juga mengandungi penjelasan tentang metodologi kajian. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan juga kuantitatif dalam kajian tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar Cina melalui pendekatan analisis kesilapan. Kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan juga digunakan pengkaji bagi mendapatkan data dan maklumat yang tepat dan jelas bagi melengkapkan kajian. Selain itu, pengkaji juga menggunakan prosedur kajian dan prosedur analisis data. Kajian rintis dan kajian sebenar juga turut diperjelaskan oleh pengkaji dalam bab ini bagi mendapatkan maklumat dan menjelaskan tahap penguasaan menerusi analisis kesilapan dalam karangan pelajar-pelajar Cina.

BAB 4 : TAHAP PENGUASAAN BAHASA MELAYU

4.0 Pendahuluan

Bab ini akan menerangkan tentang proses dapatan kajian yang diperolehi daripada 30 skrip jawapan karangan pelajar-pelajar Cina bagi mengenal pasti jenis-jenis kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina. Berdasarkan penelitian terhadap 30 skrip, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina dalam Skrip Jawapan Ujian Semester Kedua Bahasa Melayu (Penulisan). Jenis kesilapan yang utama dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina ialah kesilapan mekanikal, kesilapan morfologi dan kesilapan sintaksis (Lampiran 3).

Kesilapan mekanikal terdiri daripada tiga jenis iaitu kesilapan ejaan, kesilapan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam ayat dan kesilapan tanda baca. Kesilapan morfologi pula terbahagi kepada enam jenis kesilapan antaranya ialah kesilapan kata sendi nama, kesilapan kata hubung, kesilapan penjodoh bilangan, kesilapan kata ganti nama, kesilapan imbuhan dan kesilapan pemilihan perkataan. Seterusnya ialah kesilapan sintaksis yang dilihat pada kesilapan struktur ayat yang paling banyak dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Tiga jenis kesilapan akan dihuraikan dalam bahagian selanjutnya iaitu kesilapan mekanikal, kesilapan morfologi dan kesilapan sintaksis.

4.1 Kesilapan Mekanikal

Kesilapan mekanikal yang terdapat dalam kajian ini ialah kesilapan ejaan (Lihat jadual muka surat 66 hingga 67), kesilapan tanda baca (Lihat muka surat 70- 71) dan kesilapan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam ayat (Lihat muka surat 69). Kesilapan mekanikal ini dianggap kesilapan yang kecil yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina ketika menulis karangan dan tidak menjejaskan binaan ayat. Namun, kesilapan ini boleh

mencatatkan penulisan karangan pelajar dan dan menjejaskan tahap penguasaan pelajar Cina dalam penulisan sangat lemah dan tidak diambil berat oleh pelajar mahupun tiada penekanan daripada guru. Berikut diuraikan setiap aspek kesilapan mekanikal.

Jadual 4.1 : Jenis, Jumlah dan Peratus Kesilapan Aspek Mekanikal

Bil	Jenis Kesilapan	Jumlah	Peratus (%)
1.	Kesilapan ejaan	31	79
2.	Kesilapan Penggunaan Huruf Besar dan Huruf Kecil dalam Ayat	5	13
3.	Kesilapan Tanda Baca	3	8
	Jumlah Keseluruhan	39	100

Jadual 4.1 menunjukkan jenis, jumlah dan peratus kesilapan ejaan, kesilapan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam ayat dan kesilapan tanda baca. Berdasarkan jadual 4.1, pengkaji mendapati kesilapan ejaan lebih banyak dilakukan oleh para pelajar, iaitu sebanyak 31 (79%) kesilapan. Kesilapan kedua tinggi ialah kesilapan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam ayat, iaitu 5 (13%) kesilapan. Kesilapan tanda baca yang paling sedikit dalam aspek mekanikal iaitu sebanyak 3 (8%) kesilapan. Keseluruhan kesilapan mekanikal yang didapati adalah sebanyak 39 kesilapan.

4.1.1 Kesilapan Ejaan

Aspek ejaan merupakan perkara yang paling penting dalam penulisan terutamanya dalam penulisan karangan. Kesilapan yang kerap dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina ialah kesilapan ejaan. Hal ini akan menjejaskan makna perkataan dan menjadikan ayat

sukar difahami. Kesilapan ejaan ini berlaku kerana pelajar belum menguasai sistem ejaan Bahasa Melayu. Sistem ejaan Bahasa Melayu merupakan aspek yang sukar untuk dikuasai oleh pelajar yang mempelajari bahasa melayu sama ada bahasa pertama atau bahasa kedua. Sistem ejaan bahasa Melayu berpandukan buku Pedoman Umum Ejaan bahasa Melayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Sistem ejaan ini dipersetujui bersama tiga negara iaitu Brunei, Indonesia dan Malaysia.

Pengkaji menganalisis 30 skrip jawapan Ujian Semester Kedua Bahasa Melayu (Penulisan) (Lihat lampiran 3). Terdapat 31 (79%) kesilapan ejaan yang dilakukan oleh para pelajar. Berikut merupakan jadual 4.2 contoh-contoh kesilapan ejaan yang dilakukan oleh pelajar Cina yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di SMPKH.

Jadual 4.2 : Kesilapan Ejaan

Bil.	Kesilapan		Pembetulan
1.	toufu	sepatutnya	Taufu
2.	ruih-rendah	sepatutnya	riuh-rendah
3.	kankung	sepatutnya	kangkung
4.	mengangkai	sepatutnya	mengangkat
5.	peratur	sepatutnya	beratur
6.	pajang	sepatutnya	panjang
7.	Jummat	sepatutnya	Jumaat
8.	January	sepatutnya	Januari
9.	February	sepatutnya	Februari
10.	Mic	sepatutnya	mikrofon
11.	karana	sepatutnya	kerana
12.	mingguh	sepatutnya	minggu

13.	cha kuih tiau	sepatutnya	char kuetiau
14.	bertawar-nawan	sepatutnya	tawar-menawar
15.	menangkat	sepatutnya	mengangkat
16.	diskaunt	sepatutnya	diskaun
17.	6.00 p.m	sepatutnya	6.00 petang
18.	touch	sepatutnya	sentuh
19.	follow	sepatutnya	Ikut
20.	near	sepatutnya	berdekatan
21.	other	sepatutnya	lain-lain
22.	First	sepatutnya	Pertama
23.	indoor	sepatutnya	di dalam
24.	outdoor	sepatutnya	kawasan luar
25.	Suddenly	sepatutnya	Tiba-tiba
26.	choose	sepatutnya	memilih
27.	pensil	sepatutnya	pensel
28.	eraser	sepatutnya	pemadam
29.	hungry	sepatutnya	lapar
30.	menujuk	sepatutnya	menunjukkan
31.	memetahui	sepatutnya	mengetahui

Jadual 4.2 merupakan senarai kesilapan ejaan yang terdapat dalam skrip jawapan ujian pelajar (Lampiran 3). Kesilapan ejaan yang dilakukan oleh para pelajar termasuklah penggunaan perkataan bahasa Inggeris dalam ejaan bahasa Melayu. Pengaruh bahasa Inggeris boleh dikatakan agak kerap dilakukan oleh pelajar kerana bahasa Inggeris menjadi bahasa kedua mereka sebelum mereka belajar bahasa Melayu. Contohnya “6.00 p.m” yang dieja pelajar merujuk kepada “6.00 petang” dan contoh lain

ialah “mikrofon” dieja “mic”. Contoh lain seperti ejaan “Januari” dalam bahasa Melayu dieja “January”. Contoh yang sama juga berlaku iaitu “Februari” dieja “February”. Selain pengaruh bahasa Inggeris, pelajar juga melakukan kesilapan yang menunjukkan pengaruh bahasa ibunda mereka iaitu “mengangkat” dieja “menangkat” , “tawar-menawar” dieja “bertawar-nawan”, “taufu” dieja “toufu” dan “kangkung” dieja “kankung”.

Hasil daripada analisis kesilapan ejaan, pengkaji mendapati aspek ejaan belum dapat dikuasai dengan baik oleh para pelajar. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pelajar dalam melakukan kesilapan ejaan antaranya ialah pelajar terpengaruh dengan penggunaan bahasa ibunda ataupun penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa harian di rumah.

4.1.2 Kesilapan Penggunaan Huruf Besar dan Huruf Kecil dalam Ayat

Kesilapan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam ayat turut dilakukan oleh para pelaja. Huruf besar sepatutnya dignakan pada permulaan ayat. Selain itu, huruf besar digunakan pada permulaan setiap kata nama khas termasuk nama orang, tempat, nama institusi dan sebagainya; pada permulaan kata di pangkal ayat; pada permulaan kata cakap ajuk ; dan pada permulaan baris-baris puisi (Gaya Dewan, 1995 : 80).

Berdasarkan 30 skrip jawapan Ujian Semester Kedua Bahasa Melayu (Penulisan) (Lihat lampiran 3) yang dianalisis, sebanyak 5 (13%) kesilapan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam ayat yang dilakukan oleh para pelajar Cina. Jadual 4.3 di bawah menunjukkan kesilapan penggunaan huruf besar dan huruf kecil. Berdasarkan jadual di bawah, tidak banyak kesilapan penggunaan huruf besar dan huruf kecil yang dilakukan oleh pelajar Cina yang menulis karangan.

Jadual 4.3 Kesilapan Penggunaan Huruf Besar dan Huruf Kecil

Bil.	Kesilapan		Pembetulan
1.	selain itu,	sepatutnya	Selain itu,
2.	saudara telah meminta...	sepatutnya	Saudara telah meminta...
3.	Kami bekerjasama mengemas. <i>aku</i> dan abangku mengemas...	sepatutnya	Kami bekerjasama mengemas. <i>Aku</i> dan abangku mengemas...
4.	Gadis itu sangat takut. <i>aku</i> melihat beberapa polis...	sepatutnya	Gadis itu sangat takut. <i>Aku</i> melihat beberapa polis...
5.	Pertama, Ibu saya..	sepatutnya	Pertama, ibu saya..

Ayat 1 hingga 5 merupakan contoh ayat yang menyalahi peraturan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam ayat. Contoh pertama, kedua, ketiga dan keempat seperti dalam jadual di atas, perkataan “selain”, “saudara”, dan “aku” dieja dengan menggunakan huruf kecil pada pangkal ayat. Hal ini menjadi kesalahan dan bertentangan dengan kandungan buku Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu (1992) iaitu huruf besar digunakan bagi huruf pertama kata pada awal ayat. Menurut Gaya Dewan (1995 : 82), huruf pertama pada permulaan semua jenis ayat yang lengkap hendaklah menggunakan huruf besar. Contoh kelima pula iaitu perkataan “Ibu” dieja dengan huruf besar. Kesilapan penggunaan huruf besar pada perkataan yang tidak sepatutnya digunakan huruf besar. Perkataan “Ibu” sepatutnya dieja dengan huruf kecil iaitu “ibu” kerana kedudukan perkataan itu bukan pada permulaan ayat. Kelemahan pelajar Cina dalam membezakan penggunaan huruf besar dan huruf kecil masih lemah.

4.1.3 Kesilapan Tanda Baca

Tanda baca merupakan lambang-lambang tertentu yang digunakan semasa menulis untuk memberikan penjelasan tambahan tentang makna yang ingin disampaikan. Aspek tanda baca juga perlu diberi perhatian dalam penulisan sesebuah karangan. Terdapat beberapa jenis tanda baca antaranya ialah noktah (.), koma (,), tanda pengikat kata (“...”), tanda seru (!), tanda tanya (?) dan lain-lain. Setiap tanda baca mempunyai fungsinya yang tersendiri dan digunakan mengikut kesesuaian masing-masing. Tanda baca mempunyai kepentingan yang sama dengan ejaan kerana kedua-duanya dapat menentukan keberkesanan penyampaian mesej penulis kepada pembaca. Penggunaan tanda baca yang tidak tepat akan mengelirukan pembaca.

Berdasarkan analisis skrip jawapan ujian pelajar (Lihat Lampiran 3), terdapat 3 (8%) sahaja kesilapan tanda baca yang dilakukan pelajar Cina. Hal ini menunjukkan terdapat segelintir pelajar yang masih belum mahir dalam penguasaan penggunaan tanda baca. Hal ini yang mendorong pelajar menggunakan tanda baca yang kurang tepat dalam ayat dan menyalahi hukum tatabahasa bahasa Melayu. Contoh kesilapan penggunaan tanda baca boleh dilihat dalam jadual 4.4 di bawah.

Jadual 4.4 Kesilapan Tanda Baca

Bil.	Kesilapan		Pembetulan
1.	Jangan risau akan aku dan keluargaku, kami sihat-sihat sahaja di sini.	sepatutnya	Jangan risau akan aku dan keluargaku. Kami sihat-sihat sahaja di sini.
2.	Kami bekerjasama mengemas, aku dan abangku mengemas.	sepatutnya	Kami bekerjasama mengemas. Aku dan abangku mengemas.
3.	Sayur-sayuran sangat segar, ibu membeli	sepatutnya	Sayur-sayuran sangat segar. Ibu membeli sayur kangkung.

	sayur kangkung.		
--	-----------------	--	--

Berdasarkan jadual 4.4, kesilapan tanda baca yang dilakukan ialah kesilapan tanda baca koma. Merujuk kepada ayat pertama iaitu “Jangan risau akan aku dan keluargaku, kami sihat-sihat sahaja di sini.” menunjukkan kesilapan penggunaan tanda baca koma. Tanda baca koma tidak sepatutnya berada selepas perkataan “keluargaku” . Tanda baca yang sepatutnya yang digunakan ialah tanda baca noktah.

Seterusnya ialah contoh yang kedua iaitu “Kami bekerjasama mengemas, aku dan abangku mengemas.” Contoh yang kedua ini juga sepatutnya menggunakan tanda baca noktah. Hal ini kerana tiada kesinambungan antara ayat pertama iaitu “Kami bekerjasama mengemas” dengan ayat kedua iaitu “Aku dan abangku mengemas”.

Kesilapan tanda baca yang ketiga juga merupakan kesilapan yang sama seperti contoh pertama dan kedua. Penggunaan tanda baca noktah pada ayat “Sayur-sayuran sangat segar, ibu membeli sayur kangkung.” tidak sesuai kerana tiada kesinambungan antara ayat pertama iaitu “Sayur-sayuran sangat segar.” dengan ayat kedua iaitu “ Ibu membeli sayur kangkung.”. Oleh itu, ketiga-tiga ayat tersebut perlu diletakkan tanda baca noktah untuk memenuhi hukum tatabahasa dan kegramatisan ayat bahasa Melayu.

4.1.4 Rumusan Kesilapan Mekanikal

Secara keseluruhannya, terdapat tiga aspek yang dilihat oleh pengkaji dalam kajian. Antara aspek kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina yang menulis karangan ialah aspek kesilapan mekanikal yang mengandungi kesilapan ejaan iaitu sebanyak 31 (79%) kesilapan. Seterusnya, kesilapan penggunaan huruf besar dan huruf kecil iaitu sebanyak 5 (13%) kesilapan. Kemudian diikuti dengan kesilapan tanda baca iaitu sebanyak 3 kesilapan sahaja (8%).

Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina dalam kesilapan ejaan, penggunaan huruf kecil dan besar dan tanda baca tidak boleh dipandang remeh dan perlu diberi penekanan oleh guru-guru terutama dalam teknik pengajaran guru-guru serta pelajar itu sendiri perlu fokus. Berdasarkan analisis, pengkaji mendapati pelajar-pelajar ini paling kerap melakukan kesilapan ejaan. Pelajar tidak dapat menguasai sistem ejaan bahasa Melayu dengan baik. Kesilapan ejaan juga disebabkan faktor pengaruh bahasa ibunda dan pengaruh bahasa Inggeris. Kesilapan penggunaan huruf besar dan kecil juga masih lemah oleh pelajar Cina begitu juga dengan kesilapan tanda baca yang perlu diberi penekanan. Oleh itu, kesilapan mekanikal juga merupakan aspek yang penting dalam sistem tatabahasa Melayu dan mempengaruhi tahap penguasaan pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Melayu.

4.2 Kesilapan Morfologi

Morfologi merupakan bidang yang menjelaskan tentang pembentukan kata dan juga bidang ilmu bahasa yang mengkaji perkataan dari segi struktur, bentuk dan penggolongan kata. Berdasarkan aspek kesilapan morfologi, pengkaji telah mengenal pasti enam kesilapan morfologi yang terdapat dalam kajian yang terdiri daripada kesilapan imbuhan, kesilapan kata ganti nama diri, kesilapan kata hubung, kesilapan kata sendi nama, kesilapan pemilihan perkataan dan kesilapan penjodoh bilangan. Berikut merupakan jadual setiap aspek kesilapan tersebut.

Jadual 4.5 : Jenis, Jumlah dan Peratus Kesilapan Aspek Morfologi

Bil	Jenis Kesilapan	Jumlah	Peratus (%)
1.	Kesilapan Imbuhan	20	36
2.	Kesilapan Kata Ganti Nama Diri	4	7
3.	Kesilapan Kata Hubung	1	2
4.	Kesilapan Kata Sendi Nama	10	18
5.	Kesilapan Pemilihan Perkataan	16	28
6.	Kesilapan Penjodoh Bilangan	5	9
	Jumlah Keseluruhan	56	100

Jadual 4.5 menunjukkan jenis, jumlah dan peratus kesilapan aspek morfologi. Kesilapan aspek morfologi terdiri daripada kesilapan imbuhan (Lihat jadual muka surat 74 hingga 76), kesilapan kata ganti nama diri (Lihat jadual muka surat 79 hingga 80), kesilapan kata hubung (Lihat jadual muka surat 81), kesilapan kata sendi nama (Lihat jadual muka surat 82 hingga 83), kesilapan pemilihan perkataan (Lihat jadual muka surat 86 hingga 87) dan kesilapan penjodoh bilangan (Lihat jadual muka surat 92).

Berdasarkan jadual 4.5, pengkaji mendapati kesilapan imbuhan paling banyak yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina iaitu sebanyak 20 (36%) kesilapan. Kesilapan kedua yang dilakukan oleh pelajar ialah kesilapan pemilihan perkataan, iaitu sebanyak 16 (28%) kesilapan. Selanjutnya kesilapan kata sendi nama, iaitu sebanyak 10 (18%) kesilapan. Kesilapan seterusnya ialah kesilapan penjodoh bilangan iaitu sebanyak 5 (9%) kesilapan dan diikuti dengan kesilapan kata ganti nama diri iaitu sebanyak 4 (7%) kesilapan. Kesilapan yang paling sedikit ialah kesilapan kata hubung iaitu 1 (2%)

kesilapan sahaja. Hal ini kerana pelajar kurang mahir dalam menggunakan kata hubung dalam penulisan karangan.

4.2.1 Kesilapan Imbuan

Pengimbuhan merupakan proses struktur suatu dasar yang diperluaskan dengan menambah satu atau dua lebih imbuan. Imbuan bahasa Melayu terdiri daripada beberapa bentuk iaitu, imbuan awalan, imbuan akhiran dan imbuan apitan (Arbak Othman, 1989 : 28). Imbuan awalan merupakan imbuan yang ditambahkan pada bahagian hadapan kata dasar. Imbuan awalan terdiri daripada meN-, beR-, teR- dan lain-lain. Imbuan akhiran terletak pada bahagian belakang kata dasar dan terdiri daripada –kan dan –i. Imbuan apitan pula ialah imbuan yang ditambahkan serentak pada hadapan dan belakang kata dasar. Imbuan apitan terdiri daripada ke..-an, pe...-an dan lain-lain (Nik Safiah Karim et.al 2015 : 45).

Berdasarkan analisis pengkaji terhadap 30 skrip ujian pelajar (Lihat lampiran 3), pengkaji mendapati terdapat 20 (36%) kesilapan imbuan dalam penulisan karangan pelajar-pelajar Cina. Kesilapan imbuan merupakan kesilapan yang paling tinggi yang dilakukan oleh pelajar-pelajar. Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ialah tidak menggunakan imbuan dengan betul dan tepat. Contoh kesilapan imbuan yang dilakukan oleh pelajar boleh dilihat seperti dalam jadual 4.6 di bawah.

Jadual 4.6 Kesilapan Imbuan

Bil.	Kesilapan		Pembetulan
1.	Kami pergi <i>beli</i> nasi goreng	sepatutnya	Kami pergi <i>membeli</i> nasi goreng.
2.	...kami pun <i>angkat</i> barang pulang...	sepatutnya	Kami pun <i>mengangkat</i> barang pulang..
3.	..sudah <i>tahu</i> pasar malam	sepatutnya	..sudah <i>mengetahui</i> pasar

	sangat bising..		malam sangat bising..
4.	Tauke itu <i>berkenal</i> diri kepada kami.	sepatutnya	Tauke itu <i>memperkenalkan</i> diri kepada kami.
5.	Sayur-sayuran yang dijual olehnya <i>membuat</i> kami rambang mata.	sepatutnya	Sayur-sayuran yang dijual olehnya <i>membuatkan</i> kami rambang mata.
6.	Jangan <i>berisau</i> akan saya..	sepatutnya	Jangan <i>risau</i> akan saya..
7.	..keluargaku telah <i>memulai</i> mengemas ..	sepatutnya	..keluargaku telah <i>mula</i> mengemas ..
8.	Ibu saya pula <i>tanggungjawab</i> mengemop lantai.	sepatutnya	Ibu saya pula <i>bertanggungjawab</i> mengemop lantai.
9.	..kami mula <i>menghiasi</i> kawasan rumah..	sepatutnya	..kami mula <i>menghias</i> kawasan rumah..
10.	..saya mendapat <i>tolong</i> dari..	sepatutnya	..saya mendapat <i>pertolongan</i> dari..
11.	..kasut juga <i>dijualkan</i> di pasar malam..	sepatutnya	..kasut juga <i>dijual</i> di pasar malam..
12.	..yang sedang bercakap dan <i>bertawar-nawan</i> ..	sepatutnya	..yang sedang bercakap dan <i>tawar-menawar</i> ..
13.	Saya harap saya <i>terdapat</i> pergi ke pasar malam..	sepatutnya	Saya harap saya <i>dapat</i> pergi ke pasar malam..
14.	..pasar malam <i>dekat</i> rumah saya akan dibuka.	sepatutnya	..pasar malam <i>berdekatan</i> rumah saya akan dibuka.

15.	..kami sudah <i>bertiba</i> di pasar malam..	sepatutnya	..kami sudah <i>tiba</i> di pasar malam..
16.	Pasar malam itu <i>mengadakan</i> pada setiap hari Sabtu.	sepatutnya	Pasar malam itu <i>diadakan</i> pada setiap hari Sabtu.
17.	Ramai orang <i>jalan kaki</i> .	sepatutnya	Ramai orang <i>berjalan kaki</i> .
18.	Pakaian yang <i>menjual</i> di sini terlalu banyak.	sepatutnya	Pakaian yang <i>dijual</i> di sini terlalu banyak.
19.	Ibu <i>berhentikan</i> keretanya di tepi jalan..	sepatutnya	Ibu <i>memberhentikan</i> keretanya di tepi jalan..
20.	Penjual itu <i>mengucap</i> terima kasih kepada saya.	sepatutnya	Penjual itu <i>mengucapkan</i> terima kasih kepada saya.

Pengkaji menemui 20 kesilapan imbuhan yang dilakukan dalam penulisan karangan pelajar-pelajar dalam kajian. Kesilapan pada ayat 1 ialah pada perkataan “beli” sepatutnya diberikan imbuhan awalan “mem-” menjadi “membeli”. Kesilapan penggunaan imbuhan awalan juga berlaku pada ayat 2, 8 dan 17. Contohnya pada perkataan “angkat” dalam ayat 2 tidak tepat perlu diberikan imbuhan awalan “meng-” menjadi “mengangkat”. Seterusnya perkataan “tanggungjawab” pada ayat 8 perlu diberi imbuhan awalan “ber-” menjadi “bertanggungjawab”. Ayat 17 turut mengalami kesilapan kerana tiada penggunaan imbuhan “ber-” pada awal perkataan “jalan kaki” sepatutnya menjadi “berjalan kaki”.

Selain daripada kesilapan penggunaan imbuhan awalan, terdapat juga kesilapan imbuhan apitan. Hal ini dapat dilihat pada ayat 3, 4, 10, 14, 16 dan 19. Kesilapan penggunaan perkataan “tahu” dalam ayat 3 disebabkan tiada penggunaan imbuhan yang tepat untuk menjelaskan maksud ayat tersebut. Perkataan “tahu” perlu menerima

imbuhan apitan “menge...i”. Kesilapan selanjutnya ialah pada ayat 4 iaitu pada perkataan “berkenal” yang sepatutnya menerima imbuhan “memperkenalkan” iaitu imbuhan apitan “memper...kan”. Kesilapan dalam penggunaan imbuhan apitan sama ada faktor kekeliruan pelajar dalam mengenalpasti imbuhan yang sesuai untuk digunakan pada perkataan dasar “kenal”. Kesilapan juga berlaku pada ayat 10 dan 14 pada perkataan “tolong” dan “dekat”. Hal ini kerana pelajar tidak dapat menggunakan imbuhan yang tepat pada perkataan tersebut. Perkataan “tolong” perlu menerima imbuhan apitan “per...an” menjadi “pertolongan” manakala perkataan “dekat” perlu menerima imbuhan apitan “ber...an” menjadi “berdekatan”. Ayat 16 dan 19 juga mengalami kesilapan penggunaan imbuhan apitan yang tidak tepat. Dalam ayat 16, penggunaan imbuhan apitan “meng...kan” pada perkataan dasar “ada” tidak tepat sepatutnya menerima imbuhan “di...kan” menjadi “diadakan”. Kesilapan yang sama turut berlaku dalam ayat 19 iaitu penggunaan imbuhan apitan “ber...kan” tidak tepat sepatutnya perkataan “henti” menerima imbuhan apitan “member...kan” menjadi “memberhentikan”.

Kesilapan juga dilihat pada penggunaan imbuhan akhiran dalam ayat pelajar. Contohnya pada ayat 5. Kesilapan pelajar yang tidak menggunakan imbuhan akhiran “-kan” pada perkataan “membuat” yang telah menerima imbuhan awalan “mem-”. Perkataan “membuat” pada ayat 20 sepatutnya menjadi “membuatkan”. Seterusnya penggunaan imbuhan akhiran “-kan” perlu diletakkan pada kata “mengucap” yang telah sedia ada menerima imbuhan awalan “meng-”. Perkataan dasar “ucap” perlu diberi imbuhan apitan “meng...kan: menjadi “mengucapkan”.

Selain daripada kesilapan pelajar tidak menggunakan imbuhan awalan, apitan dan akhiran dengan tepat, kesilapan pelajar juga ialah pelajar menggunakan imbuhan pada perkataan dasar yang tidak perlu menerima mana-mana imbuhan. Hal ini dapat dilihat pada ayat 6 yang menggunakan imbuhan awalan “ber” sepatutnya perkataan itu

tidak perlu menerima imbuhan dah kekalkan kata dasar “risau”. Perkataan “memulai” dalam ayat 7 juga mengalami kesilapan penggunaan imbuhan apitan. Perkataan itu tidak perlu menerima imbuhan “me...i” sepatutnya menjadi “mula” iaitu mengekalkan kata dasar. Perkara yang sama juga berlaku pada ayat 12, perkataan “tawar-menawar” merupakan kata ganda dan dalam ayat 12, kata tersebut tidak sesuai diberi imbuhan “ber-“. Ayat 13 juga didapati mengalami kesilapan penggunaan imbuhan awalan “ter-” yang diberikan pada perkataan dasar “dapat”. Kemudian, penggunaan imbuhan awalan “ber-” dalam ayat 15 tidak tepat diberikan pada perkataan “tiba”. Kesilapan penggunaan imbuhan juga ditemui pada ayat 9, 11 dan 18. Contohnya ialah perkataan “menghiasi” dalam ayat 9 tidak perlu menerima imbuhan akhiran “-i”. Perkataan seterusnya ialah “dijualkan” dalam ayat 11 sepatutnya menerima imbuhan awalan sahaja iaitu “di-” tidak perlu diberi imbuhan akhiran “-kan”. Ayat 18 juga mengalami kesilapan penggunaan yang sama iaitu perkataan imbuhan “menjual” sepatutnya menjadi “dijual”.

Kesilapan dalam menentukan imbuhan yang tepat dalam ayat sangat ketara dalam penulisan pelajar. Pelajar-pelajar didapati masih belum menguasai dalam penggunaan imbuhan yang tepat sama ada imbuhan awalan, apitan dan akhiran. Malah, perkataan yang tidak sepatutnya menerima imbuhan juga diberi imbuhan yang tidak sepatutnya. Pengaruh bahasa ibunda dan penguasaan yang masih lemah dalam aspek ini menyebabkan pelajar melakukan kesilapan dalam memilih dan meletakkan imbuhan pada perkataan dasar yang sesuai dan tepat.

4.2.2 Kesilapan Kata Ganti Nama Diri

Pengkaji juga mendapati terdapat kesilapan kata ganti nama diri yang dilakukan oleh pelajar-pelajar dalam menulis karangan ujian. Kesilapan yang dilakukan tidaklah ketara berbanding dengan kesilapan lain dalam aspek morfologi. Berdasarkan analisis hanya 4 (7%) kesilapan sahaja yang dilakukan oleh pelajar-pelajar. Walaupun hanya 4 kesilapan,

jumlah tersebut belum menggambarkan tahap penguasaan pelajar dalam penggunaan kata ganti nama diri agak baik.

Kata ganti nama diri merupakan kata yang berasal daripada kata ganti nama. Kata ganti nama ialah kata yang menjadi pengganti kepada kata nama khas dan kata nama am. Kata ganti nama diri terbahagi kepada dua iaitu kata ganti nama diri tanya dan kata ganti nama diri orang (Nik Safiah Karim et. al, 2015 : 103). Kata ganti nama diri juga membawa makna tunggal dan jamak.

Berdasarkan kajian, kata ganti nama diri yang dirujuk ialah kata ganti nama diri orang yang merujuk kepada manusia. Kata ganti nama diri orang terbahagi kepada tiga jenis iaitu kata ganti nama diri orang pertama, kata ganti nama diri orang kedua dan kata ganti nama diri orang ketiga. Kata ganti nama diri orang pertama ialah saya, aku, beta, patik dan hamba. Contoh kata ganti nama diri orang kedua ialah anda, awak, kamu, engkau, dan kalian. Kata ganti nama diri orang ketiga ialah beliau, dia, ia, baginda dan mereka (Arbak Othman, 1989 : 143-144).

Penggunaan kata ganti nama diri pada penulisan karangan dapat menunjukkan pemahaman dan penguasaan pelajar dalam menentukan kata ganti nama diri yang sesuai dalam penggunaan ayat. Kesilapan kata ganti nama diri boleh dilihat pada jadual 4.7.

Jadual 4.7 Kesilapan Kata Ganti Nama Diri

Bil.	Kesilapan		Pembetulan
1.	Saya mengangkat tembikai itu dengan ceria walaupun <i>dia</i> sangat berat.	sepatutnya	Saya mengangkat tembikai itu dengan ceria walaupun <i>ia</i> sangat berat.
2.	Setelah itu, rumah <i>kita</i> menjadi bersih..	sepatutnya	Setelah itu, rumah <i>kami</i> menjadi bersih..
3.	Kamu boleh menggunakan telefon bimbit untuk berbual-	sepatutnya	Kamu boleh menggunakan telefon bimbit untuk berbual-bual dengannya.

	bual dengan <i>dia</i> .		
4.	<i>Kami</i> haruslah membuang sampah ke dalam tong sampah.	sepatutnya	<i>Kita</i> haruslah membuang sampah ke dalam tong sampah.

Kesilapan kata ganti nama diri yang dilakukan oleh pelajar pada ayat pertama iaitu penggunaan kata ganti nama diri ketiga “*dia*” tidak tepat dalam ayat untuk menggantikan perkataan tembikai yang merujuk kepada bukan manusia. Kata ganti nama diri ketiga “*dia*” hanya digunakan untuk menggantikan orang. Kata ganti nama diri yang sesuai bagi tembikai bukan manusia ialah “*ia*”. Kesilapan yang sama pada ayat 3 iaitu penggunaan kata ganti nama diri “*dia*” tidak perlu diulang dan digantikan dengan kata ganti “*-nya*”.

Kesilapan seterusnya ialah kesilapan penggunaan kata ganti nama diri kedua iaitu “*kita*” dalam ayat kedua. Kata ganti nama diri yang sesuai bagi menggantikan “*kita*” ialah “*kami*”. Menurut Kamus Dewan (2007), kata ganti nama diri “*kita*” ialah kata ganti bagi diri orang yang bercakap serta sekalian yang hadir (mendengarnya) manakala kata ganti nama diri “*kami*” ialah saya sekalian (saya dan rakan-rakan). Berdasarkan ayat 1, penggunaan kata ganti nama diri “*kita*” tidak sesuai digunakan berbanding kata ganti nama “*kami*” yang lebih sesuai kerana merujuk kepada “saya dan rakan-rakan”. Kesilapan yang sama juga berlaku pada ayat 4, penggunaan kata ganti nama diri “*kami*” tidak sesuai digunakan sepatutnya “*kita*” kerana merujuk kepada orang bercakap serta sekalian yang hadir (mendengarnya).

4.2.3 Kesilapan Kata Hubung

Kata hubung merupakan kata penyambung ayat iaitu bertugas menghubungkan dua binaan ayat atau lebih sehingga menjadi satu bentuk ayat yang berlapis yang dikenali sebagai ayat majmuk. Terdapat dua jenis kata hubung iaitu kata hubung gabungan dan kata hubung pancangan (Nik Safiah karim et.al, 2015 : 251). Kata hubung gabungan ialah jenis kata yang menghubungkan dua klausa atau lebih yang sama sifatnya manakala kata hubung pancangan merupakan jenis kata hubung yang menyambung klausa tak setara atau klausa pancangan pada klausa utama atau induk. Kata hubung pancangan pula terbahagi kepada tiga jenis iaitu kata hubung pancangan relatif, kata hubung pancangan komplemen dan kata hubung pancangan keterangan.

Berdasarkan analisis, pengkaji mendapati hanya terdapat 1 (2%) kesilapan kata hubung yang dilakukan pelajar. Pengkaji juga mendapati tidak banyak penggunaan kata hubung yang digunakan oleh pelajar dalam penulisan karangan. Contoh kesilapan yang dilakukan pelajar boleh dilihat dalam jadual 4.8.

Jadual 4.8 Kesilapan Kata Hubung

Kesilapan		Pembetulan
Makanan ini busuk, <i>tapi</i> awak sudah..	sepatutnya	Makanan ini busuk <i>tetapi</i> awak sudah..

Kesilapan penggunaan kata hubung gabungan iaitu “tapi” sepatutnya “tetapi”. Penggunaan kata “tapi” itu merupakan pengaruh bahasa perbualan bukan merujuk kepada penulisan. Kesilapan yang dilakukan pelajar ini disebabkan pengaruh percakapan di rumah sama ada dengan ibu bapa atau rakan-rakan. Pelajar tidak boleh membezakan perkataan “tapi” dengan “tetapi”.

4.2.4 Kesilapan Kata Sendi Nama

Pengkaji juga mendapat terdapat kesilapan kata sendi nama dalam penulisan karangan pelajar-pelajar. Kata sendi nama merupakan perkataan yang terletak di hadapan frasa nama (Nik Safiah Karim et.al, 2015 : 265). Sendi nama digunakan mengikut fungsi dan kesesuaian yang ditentukan oleh hukum tatabahasa (Gaya Dewan, 1995 : 55). Kata sendi berperanan dalam merangkaikan frasa nama dengan kata atau frasa yang lain. Terdapat beberapa jenis kata sendi nama yang digunakan dalam bahasa Melayu antaranya ialah di, ke, dari, daripada, kepada, pada, bagi, demi, tentang, seperti dan lain-lain.

Analisis menunjukkan terdapat 10 (18%) kesilapan kata sendi nama yang dilakukan oleh pelajar dalam penulisan karangan. Berdasarkan data analisis, kebanyakan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ialah kesilapan penggunaan kata sendi nama “di”, diikuti dengan ketiadaan kata sendi nama pada ayat yang sesuai juga pemilihan kata sendi nama yang tidak tepat dalam ayat. Kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dapat dilihat dalam jadual 4.9.

Jadual 4.9 Kesilapan Kata Sendi Nama

Bil.	Kesilapan		Pembetulan
1.	..barang yang dijual di dalam pasar malam..	sepatutnya	..barang yang dijual di pasar malam..
2.	..kuih-muih untuk sarapan kami hari esok.	sepatutnya	..kuih-muih untuk sarapan kami pada hari esok.
3.	..mengemas dengan menggunakan seminggu.	sepatutnya	..mengemas pada setiap minggu.
4.	..yang dipenuhi oleh duit.	sepatutnya	..yang dipenuhi dengan duit.

5.	..suasana sana sangat riuh- rendah.	sepatutnya	..suasana di sana sangat riuh- rendah.
6.	..kami sudah tiba <i>ke</i> pasar malam..	sepatutnya	..kami sudah tiba <i>di</i> pasar malam..
7.	Penjual situ menolong pelanggan menimbang sayur-sayuran.	sepatutnya	Penjual di situ menolong pelanggan menimbang sayur- sayuran.
8.	Kami telah sampai pasar malam yang menarik ini.	sepatutnya	Kami telah sampai di pasar malam yang menarik ini.
9.	..beberapa gerai menjual makanan dan minuman <i>dalam</i> pasar malam ini.	sepatutnya	..beberapa gerai menjual makanan dan minuman <i>di</i> pasar malam ini.
10.	<i>Di</i> hari itu, saya boleh keluar untuk membeli barangan atau makanan yang saya suka.	sepatutnya	<i>Pada</i> hari itu, saya boleh keluar untuk membeli barangan atau makanan yang saya suka.

Kesilapan kata sendi nama “di dalam” dapat dilihat pada ayat 1 yang menunjukkan ketidaktepatan kata sendi nama “di dalam” untuk merujuk kepada tempat bukan ruang atau bentuk. Kata sendi nama yang sesuai ialah “di pasar malam” dengan menggugurkan perkataan dalam. Kesilapan yang sama turut berlaku pada ayat 9 iaitu penggunaan kata sendi nama “dalam” digunakan untuk tempat adalah tidak tepat. Kata sendi nama “dalam” merujuk kepada lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak seperti perkara, peristiwa, hal dan sebagainya (Koleksi Pedoman Bahasa, 2007: 17).

Kesilapan yang seterusnya ayat 8 iaitu penggunaan tanpa kata sendi nama “di”. Kata sendi nama “di” menunjukkan tempat namun pelajar melakukan kesilapan dengan menulis “pasar malam sahaja”. Oleh itu, kata sendi nama “di” perlu diberikan pada kata “pasar malam” menjadi “di pasar malam”. Selanjutnya, kesilapan dapat dilihat pada ayat 5 iaitu pelajar tidak menggunakan kata sendi nama “di” dalam ayat 5. Frasa “suasana sana” perlu diberi kata sendi nama “di” menjadi “suasana di sana” supaya menunjukkan “di sana” itu mewakili tempat iaitu “pasar malam”. Kesilapan yang sama juga turut berlaku pada ayat 7 iaitu tiada kata sendi nama “di”. Kata “situ” perlu diberi kata sendi nama “di” menjadi “di situ” untuk menunjukkan tempat yang ingin dimaksudkan.

Berdasarkan analisis, pengkaji mendapati ayat 6 mengandungi kesilapan kata sendi nama yang tidak sesuai dengan frasa di hadapannya iaitu “kami sudah tiba ke pasar malam”. Penggunaan kata sendi nama “ke” merujuk kepada tempat atau arah yang dituju dan menunjukkan waktu atau masa (Nik Safiah Karim et.al, 2015 : 266) . Penggunaan kata sendi nama “ke” pada ayat 6 tidak sesuai dan perlu ditukar kepada kata sendi nama “di” menjadi “kami sudah tiba di pasar malam”.

Pengkaji juga menemui kesilapan penggunaan kata sendi nama “di” pada ayat 10 iaitu “Di hari itu..”. penggunaan kata sendi nama pada hadapan ayat adalah tidak betul dan menyalahi hukum tatabahasa Melayu. Malahan, kata sendi nama perlu hadir di hadapan frasa nama dan menunjukkan tempat. Oleh itu, kata sendi nama “di” pada ayat 10 sepatutnya diletakkan kata sendi nama “ pada”. Kata sendi nama “pada” digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama untuk yang merujuk kepada keterangan waktu dan tempat (Nik Safiah Karim, 2015 : 274). Kata sendi nama pada ayat 10 perlu ditukar menjadi “Pada hari itu...”.

Selain itu, kesilapan kata sendi nama juga didapati pada ayat 4 iaitu “..yang dipenuhi oleh duit”. Penggunaan kata sendi nama “oleh” adalah tidak tepat kerana kata

sendi nama “oleh” digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menunjukkan hubungan pembuat dalam ayat pasif dan membawa maksud sebab (Nik Safiah Karim et.al, 2015 : 283). Oleh itu, kata sendi nama ‘oleh’ sepatutnya menggunakan kata sendi nama “dengan” menjadi “..yang dipenuhi dengan duit”. Kata sendi nama “dengan” berada di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa maksud memakai atau menggunakan iaitu sebagai alat (Nik Safiah Karim et. al, 2015 : 280). Maksud ini sangat sesuai untuk kata sendi nama yang dirujuk dalam ayat 4. Kesilapan yang sama dapat dilihat pada ayat 3 iaitu kesilapan penggunaan kata sendi nama “dengan” dalam ayat. Kata sendi nama yang sepatutnya digunakan ialah kata sendi nama “pada” kerana kata sendi nama ini menunjukkan keterangan waktu dan tempat.

Pengkaji juga mendapati kesilapan pelajar ketika menulis karangan tanpa menggunakan kata sendi nama “pada” dalam ayat dan menjejaskan maksud dan struktur ayat. Contohnya dapat dilihat pada ayat 2 iaitu “..kuih-muih untuk sarapan kami hari esok.” Ayat tersebut perlu diberikan kata sendi nama “pada” menjadi “..kuih-muih untuk sarapan kami pada hari esok.”

4.2.5 Kesilapan Pemilihan Perkataan

Kesilapan pemilihan perkataan dan istilah dilihat sebagai kesilapan yang utama kerana kekerapan kesilapan ini adalah yang paling kedua tinggi dalam aspek morfologi selepas kesilapan imbuhan. Ong Ching Chua (2009) menyatakan bahawa pemilihan perkataan merupakan perkataan yang sesuai dengan konteks ayat yang dipilih dan digunakan.

Pemilihan perkataan sangat penting kerana menentukan konteks ayat serta makna yang ingin disampaikan.

Berdasarkan analisis skrip jawapan ujian pelajar, terdapat sebanyak 16 (28%) kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam penulisan karangan. Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar disenaraikan dalam jadual 4.10.

Jadual 4.10 Kesilapan Pemilihan Perkataan

Bil.	Kesilapan		Pembetulan
1.	Kami di satu tempat..	sepatutnya	Kami berada di satu tempat .
2.	...tidak ada seluar jeans..	sepatutnya	...tidak mempunyai seluar jeans...
3.	..saya berasa sangat susah kerana ada orang sentuh saya..	sepatutnya	..saya berasa sangat takut kerana ada orang sentuh saya..
4.	..akan mari sini hari lain.	sepatutnya	..akan datang lagi ke sini.
5.	..suami rumah gemar membeli barang..	sepatutnya	..suri rumah gemar membeli barang..
6.	..memegang tangannya kerana takut akan terhilang dengan ibu.	sepatutnya	..memegang tangannya kerana takut akan terpisah dengan ibu.
7.	..dengan <i>menunggang</i> basikal..	sepatutnya	..dengan <i>mengayuh</i> basikal..
8.	Kami mengemas setiap tingkap..	sepatutnya	Kami mencuci setiap tingkap..
9.	..menggunakan air paip dan <i>barang</i> kebersihan.	sepatutnya	..menggunakan air paip dan <i>peralatan</i> kebersihan.
10.	.. <i>menghias</i> kawasan rumah dengan berwarna merah.	sepatutnya	.. <i>mengecat</i> kawasan rumah dengan berwarna merah.
11.	..dua orang <i>pencuri</i> sedang <i>mencuri</i> seorang gadis.	sepatutnya	..dua orang <i>penculik</i> sedang <i>menculik</i> seorang gadis.
12.	Gerai ini <i>berada</i> banyak makanan laut..	sepatutnya	Gerai ini <i>mempunyai</i> banyak makanan laut..
	Penjual di situ menolong	sepatutnya	Penjual di situ menolong

13.	<i>penunggang</i> menimbang sayur-sayuran.		<i>pelanggan</i> menimbang sayur-sayuran.
14.	Kami telah <i>menggunakan</i> lima minit ke sana.	sepatutnya	Kami telah <i>mengambil masa</i> lima minit ke sana.
15.	Ibu <i>mengangkat</i> tangan saya..	sepatutnya	Ibu <i>memimpin</i> tangan saya..
16.	Pencuri itu juga <i>mengulangkan</i> baju kepada penjual itu.	sepatutnya	Pencuri itu juga <i>memulangkan</i> baju kepada penjual itu.

Berdasarkan ayat 1, terdapat kesilapan dalam pemilihan perkataan yang tidak sesuai dengan konteks ayat. Ayat 1 menggunakan kata sendi nama “di” untuk menerangkan keberadaan di suatu tempat. Ayat asal “Kami di satu tempat” menunjukkan kesilapan pelajar dalam menggunakan perkataan yang jelas terhadap konteks yang ingin disampaikan. Ayat tersebut sepatutnya “Kami berada di satu tempat” lebih tepat dan jelas makna dan konteks ayatnya.

Ayat 2 pula menunjukkan kesilapan dalam pemilihan perkataan “ada”. Penggunaan perkataan “ada” adalah tidak sesuai dalam ayat 2 kerana perkataan “ada” hanya digunakan dalam percakapan atau perbualan biasa. Malah perkataan ada juga digunakan sebagai kata nama di hadapan ayat untuk menunjukkan penegasan sesuatu ayat. Oleh itu perkataan yang sesuai digantikan dalam ayat 2 ialah kata “mempunyai”. Hal ini kerana perkataan “mempunyai” merujuk kepada penggunaan dalam bahasa penulisan dan menunjukkan kepunyaan.

Kesilapan seterusnya ialah pada ayat 3 iaitu pemilihan perkataan “susah” pada ayat 3 tidak sesuai dan tidak menggambarkan konteks dan makna yang jelas kepada pembaca. Perkataan “susah” menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) membawa maksud rasa tidak puas hati kerana mengalami kesulitan dan lain-lain ; rasa tidak senang. Oleh itu, pemilihan perkataan “susah” tidak sesuai pada ayat 3 sebaliknya

perkataan yang sesuai digunakan ialah perkataan takut yang menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua membawa maksud tidak berani menghadapi sesuatu yang pada perasaannya akan membahayakan diri dan lain-lain.

Selain itu, kesilapan pada ayat 4 menunjukkan kesilapan pemilihan perkataan “mari” dalam ayat. Perkataan “mari” tidak menjelaskan konteks dan maksud yang ingin disampaikan dengan jelas. Perkataan “mari” mengikut Kamus Pelajar Edisi Keempat (2007) membawa maksud mengajak orang berbuat sesuatu. Penggunaan perkataan yang tepat dengan konteks ayat ialah perkataan “datang”. Perkataan “datang” menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua membawa maksud sampai (tiba) di sesuatu tempat.

Seterusnya kesilapan pada ayat 5 yang menggunakan perkataan yang tidak sesuai dengan konteks ayat iaitu “suami rumah”. Istilah yang hendak disampaikan oleh penulis ialah perkataan “suri rumah”. Perkataan “suami rumah” tidak pernah wujud dalam istilah bahasa Melayu. Perkataan “suami” dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) merujuk kepada orang lelaki yang dikahwini seseorang perempuan, laki, lawan isteri dan lain-lain. Perkataan “suri rumah” lebih tepat dalam konteks ayat tersebut kerana dalam istilah bahasa Melayu dan orang Melayu juga menggambarkan isteri sebagai “suri rumah” dalam rumahtangga.

Kesilapan pemilihan perkataan pada ayat 6 ialah perkataan “terhilang”. Perkataan ini tidak merujuk kepada konteks yang tepat dan makna yang betul untuk menjelaskan situasi yang berlaku dalam ayat. Perkataan dasar “hilang” dalam Kamus Pelajar Edisi Kedua membawa maksud tidak diketahui tempat adanya sesuatu tidak kelihatan lagi; ghaib; lenyap. Oleh itu, tidak sesuai perkataan “hilang” dalam ayat 6 namun perkataan yang sesuai untuk menggantikan perkataan “hilang” ialah perkataan “terpisah”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), perkataan “terpisah” membawa maksud tidak bersatu (berdekatan, bersama dan lain-lain), terasing, bercerai, terpencil, tersendiri.

Penggunaan perkataan dalam ayat 7 juga mengalami kesilapan iaitu pemilihan perkataan “menunggang” untuk digandingkan dengan basikal. Perkataan ini tidak sesuai dengan konteks ayat dan basikal tetapi mestilah digantikan dengan perkataan “mengayuh”. Perkataan “menunggang” berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) bermaksud menaiki dan duduk mengangkang di atas sesuatu. Perkataan “mengayuh” pula membawa maksud menjalankan basikal atau beca (dengan memijak dan memusingkan kayuhnya). Maka, pemilihan perkataan “mengayuh” lebih sesuai untuk menjelaskan perbuatan menggunakan basikal.

Seterusnya, kesilapan pemilihan perkataan dalam ayat 8 iaitu pada perkataan “mengemas”. Perkataan itu tidak sesuai digunakan untuk perbuatan “mengemas tingkap”. Perkataan “mengemas” menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) membawa maksud mengatur (menyusun dan lain-lain) rapi-rapi (tidak berselerak dan sebagainya), mengelokkan atau merapikan. Perkataan “mencuci” membawa maksud menghilangkan kotoran dengan air dan lain-lain. Oleh itu, perkataan yang sesuai dengan konteks ayat dan makna ialah perkataan “mencuci”.

Pengkaji juga mendapati kesilapan pemilihan perkataan pada ayat 9 iaitu pada perkataan “barang” yang kurang sesuai dan terlalu umum. Perkataan yang lebih tepat menggantikan “barang” ialah “peralatan”. “Barang” menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua membawa maksud segala macam perkakas rumah dan perhiasan atau benda secara umum atau sesuatu yang wujud. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), perkataan “peralatan” membawa makna bermacam-macam alat.

Kesilapan turut berlaku pada ayat 10 iaitu pemilihan perkataan “menghias” tidak sesuai digunakan dalam konteks. Malahan, makna yang ingin disampaikan tidak jelas. Perkataan “menghias” mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) merujuk kepada menjadikan sesuatu lebih cantik atau elok (dengan barang yang indah-indah), gambar, solekan dan lain-lain. Perkataan yang sesuai dalam ayat ialah “mengecat” iaitu

“..mengecat kawasan rumah dengan berwarna merah.”. Perkataan “mengecat” pula membawa maksud memberi bercat, mewarnai (permukaan seperti dinding dan lain-lain) dengan cat.

Ayat 11 pula mengandungi kesilapan dalam penggunaan perkataan “pencuri”. Perkataan ini tidak sesuai untuk menunjukkan makna dan konteks ayat . Perkataan yang sesuai dalam ayat tersebut ialah “penculik”. Perkataan “pencuri” menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) membawa maksud orang yang mencuri manakala perkataan “penculik” membawa makna orang yang mencuri (melarikan kanak-kanak).

Kesilapan pemilihan perkataan juga dapat dilihat pada ayat 12 iaitu penggunaan perkataan “berada”. Penggunaan perkataan “berada” tidak sesuai kerana tidak memberikan maksud yang jelas dengan konteks ayat. Perkataan “berada” menunjukkan tempat dan tidak sesuai dalam ayat tersebut. Perkataan yang sesuai ialah “mempunyai” yang merujuk kepada kepunyaan terhadap sesuatu.

Berdasarkan analisis data juga, pengkaji mendapati terdapat kesilapan pada ayat 13. Kesilapan pemilihan perkataan “penunggang” yang tidak sesuai dengan ayat dan konteks. Perkataan tersebut tidak membawa maksud yang ingin disampaikan penulis. Perkataan “penunggang” menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) bermaksud orang yang menunggang atau menunggangi. Perkataan yang sesuai dalam ayat itu ialah “pelanggan”. Perkataan “pelanggan” memberi makna pembeli (surat khabar, majalah, dan lain-lain) yang tetap. Perkataan inilah yang lebih sesuai dengan konteks ayat dan menjelaskan maksud dengan tepat.

Kesilapan pada ayat 14 ialah pemilihan perkataan “menggunakan”. Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, perkataan “menggunakan” berasal daripada perkataan dasar “guna” yang membawa maksud melakukan sesuatu dengan; mengambil sesuatu untuk tujuan sesuatu. Perkataan “menggunakan” tidak sesuai untuk masa sepatutnya “mengambil masa”. Hal ini kerana perkataan “mengambil” berasal daripada kata dasar

“ambil” yang membawa makna perbuatan yang memerlukan ; memakan seperti dalam ayat 14 merujuk kepada masa.

Ayat 15 mengandungi kesilapan pemilihan perkataan “mengangkat” yang tidak sesuai dan tidak tepat untuk menggambarkan maksud yang ingin disampaikan. Oleh itu, perkataan tu patut ditukar kepada perkataan “memimpin”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), perkataan “mengangkat” berasal daripada kata dasar “angkat” yang bermaksud meninggikan, menaikkan ke atas. Perkataan yang paling tepat ialah perkataan “memimpin” yang berasal daripada kata dasar “pimpim” yang membawa maksud dibimbing, dipandu, dituntun atau memegang tangan dan membawa berjalan menuju ke sesuatu tempat.

Pengkaji juga mendapati terdapat kesilapan pemilihan perkataan pada ayat 16 iaitu perkataan “mengulangkan”. Perkataan ini tidak tepat dan tidak membawa makna yang ingin disampaikan. Perkataan “mengulangkan” juga tidak tepat dari segi imbuhan akhiran “-kan”. Perkataan yang sepatutnya ialah “memulangkan”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), perkataan “mengulangkan” berasal daripada kata dasar “ulang” yang membawa maksud balik pula, kembali dari permulaan, kembali semula. Perkataan “memulangkan” pula berasal daripada kata dasar “pulang” yang bermaksud pergi ke tempat asal, pergi ke rumah, balik, kembali. Perkataan “memulangkan” dalam ayat ini merujuk kepada perbuatan yang menyerahkan kembali sesuatu kepada pemilik asalnya.

4.2.6 Kesilapan Penjodoh Bilangan

Gevaratnam A/L Nadesan (1991) menyatakan bahawa penjodoh bilangan merupakan perkataan khas yang digunakan sebelum perkataan nama yang khusus menunjukkan jumlah atau bilangan kata nama. Penjodoh bilangan biasanya berpasangan dengan kata

bilangan untuk menjadi sejenis penrang kata nama yang mengikutinya (Nik Safiah Karim et.al, 2015 : 288).

Berdasarkan analisis terhadap skrip ujian pelajar, pengkaji menemui kesilapan penjodoh bilangan dalam kajian. Terdapat 5 (9%) kesilapan penjodoh bilangan yang dilakukan pelajar-pelajar Cina dalam penulisan karangan. Kesilapan-kesilapan telah disenaraikan di dalam jadual 4.11.

Jadual 4.11 Kesilapan Penjodoh Bilangan

Bil.	Kesilapan		Pembetulan
1.	Satu makanan..	sepatutnya	Sejenis makanan..
2.	Ibu membeli <i>sebuah</i> tembikai yang besar..	sepatutnya	Ibu membeli <i>sebij</i> i tembikai yang besar..
3.	..pada <i>se</i> minggu.	sepatutnya	..pada <i>setiap</i> minggu.
4.	satu kilo	sepatutnya	Sekilo
5.	Sekuntum sayur salad...	sepatutnya	Seikat sayur salad..

Ayat 1 menunjukkan kesilapan kata bilangan “satu makanan” adalah tidak tepat kerana penjodoh bilangan yang tepat ialah “sejenis makanan”. Hal ini kerana “sejenis” lebih sesuai untuk menunjukkan satu jenis makanan yang terpilih daripada pelbagai jenis makanan yang lain.

Ayat 2 pula menunjukkan kesilapan penjodoh bilangan “sebuah tembikai”. Penjodoh bilangan “sebuah” merujuk kepada benda-benda besar dan padu yang tidak mempunyai bentuk yang tertentu. Penjodoh bilangan yang sesuai bagi buah tembikai ialah “sebij” yang merujuk kepada jenis buah, sayur-sayuran, dan benda-benda yang kecil.

Seterusnya kesilapan pada ayat 3 iaitu “pada seminggu” sepatutnya “pada setiap minggu”. Kesilapan penggunaan kata bilangan “seminggu” adalah tidak sesuai dengan kata sendi nama “pada”. Kata bilangan yang sesuai dan tepat ialah “setiap”. Kata bilangan “setiap” menunjukkan maksud pisahan. (Nik Safiah Karim et.al, 2015 : 288).

Kesilapan seterusnya ialah pada ayat 4 iaitu “satu kilo” sepatutnya dengan lebih tepat “sekilo” untuk menunjukkan bilangan tentu. “Satu kilo” bukan kata bilangan berpasangan dengan penjodoh bilangan, maka tidak tepat penggunaan “satu” untuk “kilo”. Kata bilangan yang sesuai ialah kata bilangan tentu “sekilo”. Kata bilangan tentu ialah kata yang menyatakan bilangan yang tentu seperti satu,seratus,seribu, dan dua juta.

Kesilapan yang terakhir yang didapati oleh pengkaji dalam kajian ialah kesilapan “sekuntum sayur”. Penjodoh bilangan “kuntum” merujuk kepada bunga. Penjodoh bilangan yang sesuai untuk sayur ialah “seikat” yang menunjukkan satu. Penjodoh bilangan “ikat” merujuk kepada benda-benda yang diikat seperti kayu, buah-buahan, sayur-sayuran, dan sebagainya.

4.2.7 Rumusan Kesilapan Morfologi

Secara keseluruhannya, kesilapan aspek morfologi dalam kajian ini melibatkan kesilapan penjodoh bilangan, kesilapan imbuhan, kesilapan kata hubung, kesilapan kata sendi nama, kesilapan pemilihan perkataan dan kesilapan kata ganti nama diri. Kesilapan imbuhan yang paling banyak dilakukan oleh pelajar-pelajar dalam penulisan karangan. Hal ini disebabkan faktor penguasaan pelajar yang lemah dalam aspek imbuhan iaitu dari segi imbuhan awalan, imbuhan apitan dan imbuhan akhiran. Pelajar-pelajar ini perlu diberi penekanan yang serius agar dapat menguasai imbuhan dengan baik.

Selain itu, kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ialah kesilapan pemilihan perkataan. Pemilihan perkataan yang tepat perlu diambil serius dan perhatian yang lebih

agar perkataan yang dipilih itu membawa maksud yang jelas dan bersesuaian dengan konteks yang ingin disampaikan dalam ayat. Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap kajian, pengkaji mendapati para pelajar masih lemah dalam pemilihan perkataan yang tepat dalam ayat. Pelajar-pelajar perlu menguasai kosa kata dan makna kata agar menghasilkan penulisan karangan yang baik.

Penguasaan pelajar dalam aspek kata sendi nama juga masih lemah dan perlu diperbaiki. Teknik pengajaran dan pembelajaran yang betul dan berkesan perlu diterapkan kepada pelajar supaya pelajar lebih mahir dalam penguasaan bahasa Melayu secara holistik. Pelajar juga perlu mempelajari dan menyedari kesilapan yang dilakukan kerana kata sendi nama merupakan asas penting dalam penulisan bahasa Melayu.

Seterusnya ialah kesilapan penjodoh bilangan. Pengkaji mendapati kesilapan penjodoh bilangan yang dilakukan oleh pelajar juga perlu diambil perhatian kerana pelajar-pelajar masih tidak membezakan kata bilangan dengan penjodoh bilangan serta tidak dapat menggunakan penjodoh bilangan dengan objek yang tepat.

Kesilapan ganti nama diri juga dilakukan oleh pelajar dalam penulisan karangan. Kesilapan dalam menentukan kata ganti nama diri pertama, kata ganti diri kedua dan kata ganti nama diri ketiga tidak patut berlaku kerana sistem tatabahasa ini sangat penting dalam subjek bahasa Melayu seperti dengan kata sendi nama. Pelajar perlu banyak mengulang kaji dan menumpukan perhatian serta membuat latihan dalam mengukuhkan penguasaan dalam aspek ini.

Pengkaji juga menemui kesilapan kata hubung dalam analisis karangan pelajar. Namun, hanya satu kesilapan yang ditemui. Walaupun hanya satu kesilapan yang dilakukan oleh pelajar, itu tidak bermakna pelajar menguasai kata hubung dengan baik. Kebarangkalian untuk mereka menggunakan kata hubung adalah sedikit kerana mereka tidak dapat menggunakan kata hubung dalam ayat dengan baik. Kesimpulannya,

pelajar-pelajar perlulah mempelajari dan mengalami proses pembelajaran setiap masa supaya tahap penguasaan pelajar dalam bahasa Melayu lebih baik.

4.3 Kesilapan Sintaksis

Sintaksis merupakan bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat (Nik Safiah Karim et. al, 2015 : 339). Bidang sintaksis menekankan aspek binaan ayat dan kajian memahami hukum dan rumus tatabahasa serta kaedah-kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan untuk membentuk ayat dalam sesuatu bahasa. Ayat ialah unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap, yang pengucapannya dimulai dan diakhiri dengan kesenyapan, serta mengandungi intonasi yang sempurna (Nik Safiah Karim et.al, 2015 : 432).

Pengkaji mendapati terdapat kesilapan sintaksis yang dilakukan pelajar-pelajar dalam penulisan karangan (Lihat Lampiran 3) . Analisis kesilapan sintaksis yang dilakukan oleh pelajar adalah sebanyak 7 kesilapan. Jadual 4.12 menunjukkan senarai kesilapan sintaksis dalam penulisan karangan dan pembedulan yang telah dianalisis oleh pengkaji.

Jadual 4.12 Kesilapan Sintaksis

Bil.	Kesilapan		Pembetulan
1.	Di pasar malam, semua orang tidak ada membuang sampah-sarap.	sepatutnya	Semua orang tidak membuang sampah-sarap di pasar malam.
2.	Di situ terdapat banyak makanan, minuman, permainan, baju, kasut dan barangan kosmetik.	sepatutnya	Terdapat banyak makanan, minuman, permainan, baju, kasut dan barangan kosmetik di situ.
3.	Gerei makanan dibuka yang di sini telah menjual banyak	sepatutnya	Gerei makanan yang dibuka di sini telah menjual banyak


	makanan.		makanan.
4.	Hari Jumaat mempunyai satu hari yang saya paling suka.	sepatutnya	Hari Jumaat merupakan hari yang paling saya suka.
5.	Pasar malam ini terdapat banyak gerai contohnya gerai buah-buahan, gerai sayur-sayuran, gerai aiskrim, gerai minuman dan sebagainya.	sepatutnya	Terdapat banyak gerai di pasar malam ini contohnya gerai buah-buahan, gerai sayur-sayuran, gerai aiskrim, gerai minuman dan sebagainya.
6.	Sayur-sayuran yang disukai oleh saya..	sepatutnya	Sayur-sayuran yang saya sukai.
7.	Untuk esok punya makanan petang.	sepatutnya	Makanan untuk makan petang esok.

Berdasarkan analisis kesilapan sintaksis, pengkaji mendapati terdapat kesilapan struktur ayat pada ayat 1 iaitu frasa sendi nama “Di pasar malam..” berada di hadapan ayat. Frasa tersebut mengalami pendepanan frasa sendi nama dalam ayat. Proses pendepanan frasa sendi nama merupakan proses mengalihkan unsur frasa sendi nama ke bahagian hadapan iaitu mnedahului subjek (Nik Safiah Karim et.al, 2015 : 482). Namun, dalam penulisan bahasa Melayu ayat songsang tidak digalakkan kerana menjejaskan kegramatisan ayat. Ayat yang sepatutnya lebih tepat digunakan oleh pelajar ialah “Semua orang tidak membuang sampah-sarap di pasar malam”. Ayat tersebut lebih tepat kerana mengikut pola ayat dasar yang terdiri daripada subjek dan predikat yang mengandungi frasa nama dan frasa kerja.

Kesilapan yang sama berlaku pada ayat 2 iaitu pendepanan frasa sendi nama “Di situ terdapat banyak makanan..”. Ayat yang sepatutnya “Terdapat banyak makanan, minuman, permainan, baju, kasut dan barangan kosmetik di situ..”. Struktur ayat tersebut lebih tepat kerana subjek terdiri daripada frasa nama. Kesilapan ini juga dilihat dalam ayat 5.

Ayat 3 pula mengalami kesilapan sintaksis dari segi binaan ayat majmuk pancangan relatif. Ayat majmuk pancangan mengandungi ayat utama atau ayat induk dan satu atau beberapa ayat kecil lain yang dipancangkan di dalam ayat induk dan menjadi sebahagian daripada ayat induk manakala ayat relatif ialah ayat yang ditandai dengan penggunaan perkataan “yang” (Nik Safiah Karim et.al, 2015 : 504).

Berdasarkan ayat 3, penggunaan kata relatif “yang” adalah tidak tepat dalam ayat. Kata relatif “yang” sepatutnya berada di hadapan frasa nama menjadi “Gerai makanan yang dibuka di sini telah menjual banyak jenis makanan.”. Contoh lebih tepat boleh dilihat dalam rajah pohon 1 di bawah mengikut teori transformasi generatif yang dibawa oleh Chomsky (1957).




Rajah 4.3.1 : Rajah Pohon 1

Berdasarkan rajah pohon di atas menunjukkan dua ayat tunggal yang dipecahkan daripada ayat pancangan majmuk yang menggunakan kata relatif “yang”. Ayat majmuk pancangan relatif yang telah diperbetulkan boleh dilihat dalam rajah pohon 2.

Ayat 1 : Gerai makanan dibuka disini.

Ayat 2 : Gerai makanan telah menjual banyak makanan.

Ayat majmuk : Gerai makanan yang dibuka di sini telah menjual banyak makanan.




Rajah 4.3.2 : Rajah Pohon 2

Analisis seterusnya ialah kesilapan sintaksis pada ayat 4 iaitu kesilapan dalam struktur ayat. Sebagai contoh ayat 4 “Hari Jumaat mempunyai satu hari yang saya paling suka.” Ayat tersebut mengalami kesalahan dalam struktur ayat “..mempunyai hari yang saya paling suka”. Ayat tersebut menunjukkan ketidaktepatan dalam penggunaan kata “mempunyai” dan” kedudukan kata penguat “paling” dalam ayat. Ayat tersebut sepatutnya “Hari Jumaat merupakan hari yang paling saya suka.”.

Selain itu, kesilapan sintaksis yang terdapat dalam kajian pengkaji ialah kesilapan penggunaan kata ganti nama diri orang dalam ayat pasif. Kata ganti nama diri orang merujuk kepada diri orang tertentu, iaitu diri orang pertama, diri orang kedua dan diri orang ketiga (Nik Safiah Karim et.al, 2015:103). Ayat 6 menunjukkan ayat pasif tersebut mengalami kesalahan dalam penggunaan kata ganti nama diri orang pertama iaitu “saya”. Ayat 6 merupakan ayat pasif dengan kata ganti nama diri orang pertama iaitu kata ganti nama diri pertama diletakkan di hadapan kata kerja dasar dan tidak boleh menerima kata kerja imbuhan pasif *di-* (Nik Safiah Karim et.al, 2015 : 491-492). Oleh itu, kata ganti nama diri “saya” dalam ayat 6 perlu diletakkan di hadapan kata kerja dan

tidak boleh menggunakan kata “oleh” kerana “oleh” hanya digunakan untuk kata ganti nama diri orang ketiga dan ayat pasif dengan kata kerja pasif ter-.

Kesilapan yang terakhir yang didapati dalam kajian ialah ayat 7 iaitu kesilapan struktur binaan subjek dan predikat dalam ayat. Kesilapan dapat dilihat dari segi penggunaan kata hubung “untuk” yang berada di hadapan ayat. Ayat “Untuk esok punya makanan” adalah tidak tepat kerana melanggar peraturan hukum subjek dan predikat. Malah penggunaan kata “punya” dipengaruhi oleh unsur bahasa ibunda Cina. ayat tersebut mengalami kesilapan yang jelas dan sepatutnya menjadi “Makanan untuk makan petang esok.”. Rajah pohon 3 di bawah akan menunjukkan struktur ayat yang lebih jelas.



Rajah 4.3.3 : Rajah Pohon 3

Berdasarkan rajah pohon 3 di atas, menunjukkan pembahagian subjek dan predikat dengan lebih jelas. Subjek terdiri daripada frasa nama manakala predikat terdiri daripada frasa sendi nama. Teori Chomsky ini sangat berkesan kepada pengkaji bahasa dalam melakukan kajian-kajian bahasa dengan lebih meluas.

4.3.1 Rumusan Kesilapan Sintaksis

Terdapat 7 kesilapan sintaksis berdasarkan penulisan karangan dalam ujian yang dilakukan oleh pelajar 3JY. Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ialah kesilapan penggunaan subjek dan predikat dalam ayat, susunan songsang dalam ayat, penggunaan kata ganti nama diri pertama dalam ayat pasif dan ayat majmuk pancangan relatif.

Walaupun jumlah kesilapan yang dilakukan pelajar hanyalah 7 sahaja namun itu tidak bermakna pelajar-pelajar ini sudah mahir dalam aspek sintaksis. Pengkaji mendapati pelajar masih kurang mahir untuk menggunakan ayat majmuk yang menggunakan kata hubung. Ayat-ayat yang dibina oleh mereka juga merupakan ayat yang mudah dan tidak gramatis.

4.4 Kesimpulan

Kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar dalam penulisan merupakan perkara yang normal dan salah satu proses pembelajaran. Pelajar-pelajar bahasa kedua yang mempelajari bahasa Melayu akan sering melakukan kesilapan dalam penulisan khususnya. Kajian ini menfokuskan kepada tiga aspek kesilapan iaitu kesilapan mekanikal, kesilapan morfologi dan kesilapan sintaksis.

Berdasarkan ketiga-tiga aspek tersebut, kesilapan yang paling banyak ialah kesilapan morfologi iaitu sebanyak 55 peratus merangkumi kesilapan imbuhan, kesilapan pemilihan perkataan, kesilapan kata sendi nama, kesilapan kata hubung, kesilapan kata ganti nama diri dan kesilapan penjodoh bilangan. Kesilapan kedua ialah kesilapan mekanikal iaitu sebanyak 38 peratus melibatkan kesilapan ejaan, kesilapan tanda baca dan kesilapan penggunaan huruf besar dan kecil. Kesilapan sintaksis yang paling sedikit iaitu sebanyak 7 peratus. Jumlah keseluruhan yang dilakukan oleh pelajar berdasarkan analisis 30 skrip jawapan ujian bahasa Melayu adalah sebanyak 102 kesilapan.

BAB 5 : HUBUNGAN TEKNIK PENGAJARAN DENGAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU PELAJAR

5.0 Pendahuluan

Guru merupakan satu profesion yang sangat mencabar dan memerlukan semangat yang tinggi. Guru memainkan peranan yang penting dalam memupuk semangat inovasi dan berperanan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar serta membimbing kerjaya seseorang individu. Menurut Richard dan Lockhart (1994) menyatakan bahawa pengajaran adalah suatu proses yang kompleks. Bagi memahami bagaimana seseorang guru mengendalikan pengajarannya dengan baik, maka kita perlulah meneliti kepercayaan dan proses pemikiran guru tersebut untuk menentukan tindakannya dalam bilik darjah (Wong Seet Leng, 2005). Pada masa yang sama guru perlu menyediakan perancangan yang kemas, tersusun dan rapi. Selain daripada itu, penggunaan bahan pengajaran juga adalah penting. Menurut Wan Nordin (2006) memperakui bahawa antara faktor yang menghalang keberkesanan proses P&P bahasa ialah melibatkan teknik P&P yang kurang berkesan kerana kurang melibatkan penggunaan alat bantu P&P yang pelbagai.

Menerusi bab ini pengkaji akan menghuraikan hubungan antara teknik pengajaran dengan interaksi guru, penglibatan pelajar, kepuasan bekerja dan prestasi guru. Menurut Curtner-Smith et al. (2001), penggunaan teknik pengajaran dianggarkan oleh data yang dilaporkan sendiri oleh guru mengikut teknik pengajaran yang diamalkan mereka. *Mosston's Spectrum of teaching styles* (Mosston dan Ashworth, 2002) mempunyai rangka kerja atau *framework* pilihan yang menerangkan hubungan antara guru dengan pelajar serta berpusatkan kepentingan membuat keputusan. Menurutnya lagi, set-set ini diambil daripada keputusan yang berkaitan dengan prestasi guru dan pelaksanaan serta jawatan yang ditetapkan termasuk penilaian prestasi dan maklum

balas daripada pelajar kepada guru. Teknik pengajaran berpusatkan pelajar juga boleh dianggap sebagai tingkah laku autonomi yang menyokong dan teknik pengajaran yang berpusatkan guru sebagai mengawal tingkah laku (Hein et al., 2012). Teknik pengajaran ini dilihat untuk menjelaskan tahap penguasaan pelajar.


Berdasarkan teori humanisme oleh Abraham Maslow yang menekankan tentang sesuatu implikasi adalah berpusatkan kepada guru. Contohnya hipotesis kajian pengkaji menunjukkan terdapat hubungan antara guru dan pelajar yang saling memerlukan antara satu sama lain. Malah teknik pengajaran guru yang baik mendatangkan implikasi yang positif terhadap penglibatan pelajar, kepuasan bekerja dan prestasi guru. Berdasarkan kajian didapati terdapat sepuluh hipotesis dan semua hipotesis diterima.

H1 iaitu terdapat hubungan antara teknik pengajaran dengan interaksi guru. Hipotesis ini disokong oleh Tisome Nugent, (2008) yang menyatakan interaksi guru mempunyai signifikan dengan pengajaran guru serta interaksi pelajar. H2 iaitu terdapat hubungan antara interaksi guru dengan penglibatan pelajar (Tisome Nugent, 2008). H3 iaitu terdapat hubungan antara interaksi guru dengan kepuasan bekerja. H4 iaitu terdapat hubungan antara interaksi guru dengan prestasi guru. H5 ialah terdapat hubungan antara teknik pengajaran dengan penglibatan pelajar. Hipotesis ini disokong oleh (e.g Saracho, 1990 ; Saracho & Spodek, 1994 ; Taylor, 1994; Wentura, 1985) yang menyatakan teknik pengajaran dan strategi pembelajaran guru saling berhubungan dengan teknik pembelajaran pelajar. H6 ialah terdapat hubungan antara teknik pengajaran dengan kepuasan bekerja. H7 ialah terdapat hubungan antara teknik pengajaran dengan prestasi guru. Analisis mediasi juga dilakukan terhadap H8 iaitu hubungan antara teknik pengajaran dengan penglibatan pelajar, H9 hubungan antara teknik pengajaran dengan kepuasan bekerja serta H10 hubungan antara teknik pengajaran dengan prestasi guru.

Peranan teori pemerolehan bahasa oleh Corder dan Teori Monitor oleh Krashen sangat berkait rapat dengan hubungan teknik pengajaran guru. Proses pembelajaran dan pemerolehan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dapat dirungkaikan melalui pengaplikasian kedua-dua teori ini dalam teknik pengajaran yang merangkumi sepuluh hipotesis yang dikaji oleh pengkaji dalam menjelaskan tahap penguasaan pelajar yang mempelajari bahasa kedua iaitu bahasa Melayu.

Pengkaji menggunakan Teori Krashen dan Teori Pemerolehan Bahasa Corder bagi menunjukkan tahap penguasaan bahasa yang dipelajari oleh pelajar bahasa kedua. Hipotesis Input diaplikasikan dalam menjelaskan pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan guru dengan pelajar. Pelajar yang mempelajari bahasa kedua dianggap mengalami perkembangan daripada tahap i (keupayaan sekarang) menuju ke tahap $i + 1$. Mereka perlu mengetahui dan memahami unsur yang dimasukkan dalam kemahiran yang sedia ada untuk menjadikan $i + 1$. Unsur yang dimasukkan mestilah bersesuaian dengan tahap keupayaan mereka dalam penguasaan bahasa kedua. Berdasarkan kajian ini, pelajar Cina yang hanya mengetahui imbuhan $meN-$ secara umum berada pada tahap i . Setelah guru mengajarkan rumus dan cara penulisan imbuhan $meN-$ dengan betul maka baharulah pelajar dapat memahami dan mencapai tahap $i + 1$.

Teknik pengajaran guru dalam menjelaskan rumus-rumus dan cara penulisan ini memerlukan penglibatan pelajar yang positif. Mok Soon Sang (2006) keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah banyak bergantung kepada corak interaksi guru dengan murid, murid dengan murid, dan murid dengan bahan pembelajaran. Sehubungan itu, kedua-dua teori berperanan dalam menjelaskan hubungan teknik pengajaran dengan penguasaan bahasa Melayu khususnya pelajar Cina yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.



Rajah 5.0 Framework : Hubungan antara teknik pengajaran dengan interaksi guru, penglibatan pelajar, kepuasan bekerja dan prestasi guru. H = Hipotesis

5.1 Frekuensi Demografi Responden Dan Soalan Kaji Selidik

Jadual 1: Jantina responden

Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	25	25
Perempuan	75	74
JUMLAH	100	100

Jadual 2: Taburan umur responden

Umur	Bilangan	Peratus (%)
21 – 30 tahun	35	35
31-40 tahun	45	45
41-50 tahun	11	11
51-60 tahun	8	8
61 tahun dan ke atas	1	1
JUMLAH	100	100

Jadual 3: Taburan status responden

Status	Bilangan	Peratus (%)
Bujang	39	39
Berkahwin	60	60
Cerai/Duda/Janda/Balu	1	1
JUMLAH	100	100

Jadual 4: Taburan pendidikan responden

Pendidikan	Bilangan	Peratus (%)
Sijil/Diploma	10	10
Sarjana Muda	72	72
Sarjana	18	18
JUMLAH	100	100

Jadual 5: Taburan bangsa responden

Bangsa	Bilangan	Peratus (%)
Melayu	41	41
Cina	22	22
India	36	36
Lain – lain	1	1
JUMLAH	100	100

BAHAGIAN A: TEKNIK PENGAJARAN

Jadual 6 : Saya tenangkan mereka jika mereka bermasalah.

Teknik Pengajaran	Bilangan	Peratus (%)
Setuju	64	64
Sangat setuju	35	35
<i>Missing Value</i>	1	1
JUMLAH	100	100

Jadual 7: Saya memberi galakan jika markah mereka teruk.

Teknik Pengajaran	Bilangan	Peratus (%)
Tidak pasti	3	3
Setuju	54	54
Sangat setuju	42	42
<i>Missing Value</i>	1	1
JUMLAH	100	100

Jadual 8: Saya memiliki hubungan yang baik dengan mereka.

Teknik Pengajaran	Bilangan	Peratus (%)
Tidak pasti	3	3
Setuju	54	54
Sangat setuju	42	42
<i>Missing Value</i>	1	1
JUMLAH	100	100

Jadual 9: Saya mengucapkan tahniah jika mereka melakukan sesuatu dengan cemerlang.

Teknik Pengajaran	Bilangan	Peratus (%)
Setuju	48	48
Sangat setuju	51	51
<i>Missing Value</i>	1	1
JUMLAH	100	100

Jadual 10: Saya hargai pandangan mereka walaupun ia berbeza.

Teknik Pengajaran	Bilangan	Peratus (%)
Tidak pasti	2	2
Setuju	53	53
Sangat setuju	44	44
<i>Missing Value</i>	1	1
JUMLAH	100	100

Jadual 11: Saya terangkan mengapa saya minta mereka melakukan sesuatu.

Teknik Pengajaran	Bilangan	Peratus (%)
Tidak Setuju	1	1
Tidak pasti	1	1
Setuju	52	52
Sangat setuju	45	45
<i>Missing Value</i>	1	1
JUMLAH	100	100

Jadual 12: Saya sentiasa periksa kerja sekolah mereka

Teknik Pengajaran	Bilangan	Peratus (%)
Tidak Setuju	1	1
Tidak pasti	5	5
Setuju	51	51
Sangat setuju	42	42
<i>Missing Value</i>	1	1
JUMLAH	100	100

Jadual 13: Kelas harus di bawah kawalan.

Teknik Pengajaran	Bilangan	Peratus (%)
Tidak pasti	4	4
Setuju	45	45
Sangat setuju	50	50
<i>Missing Value</i>	1	1
JUMLAH	100	100

Jadual 14: Kelas harus dipatuhi.

Teknik Pengajaran	Bilangan	Peratus (%)
Tidak setuju	1	1
Tidak pasti	2	2
Setuju	54	54
Sangat setuju	42	42
<i>Missing Value</i>	1	1
JUMLAH	100	100

BAHAGIAN B: INTERAKSI GURU

Jadual 15 : Saya menerangkan perkara dengan jelas.

Interaksi Guru	Bilangan	Peratus (%)
Tidak pasti	6	6
Setuju	52	52
Sangat Setuju	41	41
<i>Missing Value</i>	1	1
JUMLAH	100	100

Jadual 16 : Saya seorang pemimpin yang baik.

Interaksi Guru	Bilangan	Peratus (%)
Tidak Setuju	2	2
Tidak Pasti	9	9
Setuju	59	59
Sangat Setuju	29	29
<i>Missing Value</i>	1	1
JUMLAH	100	100

Jadual 17 : Saya seorang yang peramah.

Interaksi Guru	Bilangan	Peratus (%)
Tidak Setuju	1	1
Tidak Pasti	4	4
Setuju	56	56
Sangat Setuju	38	38
<i>Missing Value</i>	1	1
JUMLAH	100	100

Jadual 18 : Saya seorang yang tegas.

Interaksi Guru	Bilangan	Peratus (%)
Tidak Setuju	1	1
Tidak Pasti	1	1
Setuju	54	54
Sangat Setuju	33	33
<i>Missing Value</i>	1	1
JUMLAH	100	100

Jadual 19 : Pelajar takut akan saya.

Interaksi Guru	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	15	15
Tidak Setuju	10	10
Tidak Pasti	28	28
Setuju	37	37
Sangat Setuju	9	9
<i>Missing Value</i>	1	1
JUMLAH	100	100

BAHAGIAN C: PENGLIBATAN PELAJAR

Jadual 20 : Pendidikan akan mencipta pelbagai peluang untuk pelajar.

Penglibatan Pelajar	Bilangan	Peratus (%)
Tidak pasti	2	2
Setuju	42	42
Sangat Setuju	56	56
JUMLAH	100	100

Jadual 21: Apabila kerja sekolah dilakukan, pelajar dapat memeriksa jika mereka faham dengan apa yang mereka lakukan.

Penglibatan Pelajar	Bilangan	Peratus (%)
Tidak Setuju	1	1
Tidak Pasti	9	9
Setuju	55	55
Sangat Setuju	35	35
JUMLAH	100	100

Jadual 22 : Pelajar cemerlang di sekolah kerana mereka berusaha dengan gigih.

Penglibatan Pelajar	Bilangan	Peratus (%)
Tidak pasti	7	7
Setuju	47	47
Sangat Setuju	46	46
JUMLAH	100	100

Jadual 23 : Ujian dalam kelas saya mampu mengukur kebolehan pelajar.

Penglibatan Pelajar	Bilangan	Peratus (%)
Tidak pasti	15	15
Setuju	48	48
Sangat Setuju	37	37
JUMLAH	100	100

Jadual 24 : Pembelajaran menyeronokkan kerana pelajar dapat belajar tentang sesuatu perkara.

Penglibatan Pelajar	Bilangan	Peratus (%)
Tidak pasti	11	11
Setuju	51	51
Sangat Setuju	38	38
JUMLAH	100	100

BAHAGIAN D: KEPUASAN BEKERJA

Jadual 25: Tugas saya melibatkan banyak kerja berulang.

Kepuasan Bekerja	Bilangan	Peratus (%)
Tidak setuju	1	1
Tidak pasti	9	9
Setuju	50	50
Sangat setuju	40	40
JUMLAH	100	100

Jadual 26: Tugas saya memerlukan kerja keras.

Kepuasan Bekerja	Bilangan	Peratus (%)
Tidak setuju	1	1
Tidak pasti	6	6
Setuju	61	61
Sangat setuju	32	32
JUMLAH	100	100

Jadual 27: Penyelia saya memberi perhatian pada apa yang saya bicarakan.

Kepuasan Bekerja	Bilangan	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	1	1
Tidak pasti	12	12
Setuju	59	59
Sangat setuju	28	28
JUMLAH	100	100

Jadual 28: Penyelia saya berjaya menyatukan individu untuk bekerjasama.

Kepuasan Bekerja	Bilangan	Peratus (%)
Tidak pasti	12	12
Setuju	62	62
Sangat setuju	26	26
JUMLAH	100	100

Jadual 29: Rakan setugas saya menjalankan tugas dengan baik.

Kepuasan Bekerja	Bilangan	Peratus (%)
Tidak pasti	14	14
Setuju	62	62
Sangat setuju	24	24
JUMLAH	100	100

Jadual 30: Rakan setugas mengambil berat tentang saya.

Kepuasan Bekerja	Bilangan	Peratus (%)
Tidak setuju	1	1
Tidak pasti	14	14
Setuju	58	58
Sangat setuju	27	27
JUMLAH	100	100

BAHAGIAN E: PRESTASI GURU

Jadual 31 : Ketika bertugas, saya amat bertenaga.

Prestasi Guru	Bilangan	Peratus (%)
Tidak pasti	9	9
Setuju	60	60
Sangat Setuju	31	31
JUMLAH	100	100

Jadual 32 : Ketika bertugas, saya cergas dan bersemangat

Prestasi Guru	Bilangan	Peratus (%)
Tidak pasti	11	11
Setuju	60	60
Sangat Setuju	29	29
JUMLAH	100	100

Jadual 33 : Saya amat menggemari tugas saya.

Prestasi Guru	Bilangan	Peratus (%)
Tidak pasti	8	8
Setuju	57	57
Sangat Setuju	35	35
JUMLAH	100	100

Jadual 34 : Tugas ini memberi inspirasi pada saya.

Prestasi Guru	Bilangan	Peratus (%)
Tidak pasti	8	8
Setuju	53	53
Sangat Setuju	39	39
JUMLAH	100	100

Jadual 35 : Saya ingin ke tempat kerja, selepas setiap kali bangun pada waktu pagi.

Prestasi Guru	Bilangan	Peratus (%)
Tidak pasti	17	17
Setuju	54	54
Sangat Setuju	29	29
JUMLAH	100	100

Jadual 36 : Saya gembira apabila saya gigih bekerja.

Prestasi Guru	Bilangan	Peratus (%)
Tidak Setuju	1	1
Tidak Pasti	9	9
Setuju	57	57
Sangat Setuju	33	33
JUMLAH	100	100

Jadual 37 : Saya berbangga dengan tugas saya.

Prestasi Guru	Bilangan	Peratus (%)
Tidak Setuju	1	1
Tidak Pasti	12	12
Setuju	58	58
Sangat Setuju	29	29
JUMLAH	100	100

Jadual 38 : Saya asyik dengan tugas saya.

Prestasi Guru	Bilangan	Peratus (%)
Tidak Setuju	4	4
Tidak Pasti	26	26
Setuju	45	45
Sangat Setuju	25	25
JUMLAH	100	100

Jadual 39 : Saya terbawa-bawa dengan kerja saya.

Prestasi Guru	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	1	1
Tidak Setuju	7	7
Tidak Pasti	27	27
Setuju	53	53
Sangat Setuju	12	12
JUMLAH	100	100

5.2 Analisis Data

Pengkaji menganalisis ke atas semua pembolehubah untuk menguji sepuluh hipotesis berdasarkan framework yang dibuat (lihat Rajah 5.0). Pengkaji menggunakan SPSS 20 dengan menguji nilai kolerasi dan regresi. Kolerasi digunakan untuk mengkaji hubungan antara linear dan variable sebagai contohnya berdasarkan hipotesis yang dibina untuk mengkaji hubungan antara teknik pengajaran dengan penglibatan pelajar. Teknik pengajaran yang baik akan meningkatkan penglibatan pelajar di dalam kelas (e.g Saracho, 1990 ; Saracho & Spodek, 1994 ; Taylor, 1994; Wentura, 1985). Hal ini membuktikan hubungan kolerasi yang positif terhadap dua pembolehubah antara teknik pengajaran dengan penglibatan pelajar. Berdasarkan tujuh hipotesis, kesemua pembolehubah (H1 – H7) mempunyai signifikan dengan pembolehubah yang diuji. Dapatan pengkaji membuktikan kesemua pembolehubah mempunyai nilai positif dengan pembolehubah yang diuji (lihat Jadual).

Pengkaji menggunakan ujian regresi untuk menguji hipotesis yang dibina. Regresi merupakan lanjutan daripada ujian kolerasi untuk meramalkan nilai sesuatu variable berdasarkan variable yang lain dan untuk melihat sebab dan akibat. Ujian regresi dilakukan terhadap kesemua tujuh hipotesis berdasarkan alat pengukuran yang diperolehi iaitu teknik pengajaran, interaksi guru, penglibatan pelajar, kepuasan bekerja dan prestasi guru.

Berdasarkan pembolehubah yang dikaji oleh pengkaji, terbukti bahawa tahap penguasaan pelajar terutama dalam menulis karangan bergantung kepada teknik pengajaran guru yang berkesan. Interaksi guru sangat penting dalam menarik minat pelajar yang mempelajari bahasa kedua iaitu bahasa Melayu. Hal ini kerana mata pelajaran ini bukanlah mata pelajaran yang mudah yang disangkakan oleh mereka sebelum ini. Kajian terhadap analisis kesilapan menunjukkan Teori Monitor dan Teori Pemerolehan Bahasa dapat diaplikasikan dengan melihat kepada hubungan teknik pengajaran dengan penguasaan bahasa pelajar Cina. Pengkaji melihat kepada analisis kesilapan yang menunjukkan tahap penguasaan pelajar masih lemah dan faktor guru dan pelajar sendiri dalam memperbaiki pencapaian supaya menjadi lebih baik sangat penting.

Selain itu, Teori Krashen yang melibatkan lima prinsip dapat menjelaskan hubungan teknik pengajaran dengan pembolehubah yang dikaji oleh pengkaji. Pada bab 3, pengkaji telah menjelaskan kerangka teori monitor dan mengaplikasikannya dalam analisis kesilapan dengan tahap penguasaan pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Pemerolehan dan penguasaan bahasa Melayu yang dipelajari pelajar Cina dapat menunjukkan hubungan teknik pengajaran dengan pembolehubah signifikan antara satu sama lain. Kaedah dan teknik yang digunakan oleh guru dalam

menyampaikan sesuatu wadah ilmu berperanan menarik minat pelajar terutama dalam subjek bahasa Melayu.

University of Malaya

Jadual 40. Min, Sisihan Piawai, dan Kolerasi antara Pembolehubah

Variables	M	SP	1	2	3	4	5
1. Teknik Pengajaran	4.39	0.37					
2. Interaksi Guru	4.04	0.49	.43***				
3. Penglibatan pelajar	4.33	0.46	.45***	.43***			
4. Kepuasan Bekerja	4.17	0.45	.39***	.40***	.49***		
5. Prestasi Guru	4.12	0.44	.54***	.56***	.39***	.45***	

Note : $N = 100$. *** $p < .001$

Pengkaji menggunakan Sobel Test (Barron & Kenny, 1986). Analisis pertama dilakukan terhadap pembolehubah tidak bersandar (IV) untuk mengukur signifikansi terhadap penengah (M). Seterusnya ujian dilakukan terhadap penengah (M) dengan hubungan pemboleh ubah bersandar (DV). Berdasarkan analisis yang dibuat, dapatan mendapati hubungan antara kesemua pembolehubah adalah signifikan antara satu sama lain. Proses mediasi dilakukan terhadap IV (teknik pengajaran) → DV (penglibatan pelajar), IV (teknik pengajaran) → DV (kepuasan bekerja) dan IV (teknik pengajaran) → DV (prestasi guru). Hasil analisis membuktikan setiap pembolehubah mempunyai hubungan mediasi antara satu sama lain (Preacher & Hayes, 2014). Oleh itu, ianya ditakrifkan sebagai *partial mediation*.

5.3 Hasil Kajian

Jadual 40 menunjukkan keputusan min, sisihan piawai, dan kolerasi antara pembolehubah.

Pengkaji menggunakan SPSS 20 untuk menguji tujuh hipotesis awal yang dibina pengkaji. Berdasarkan analisis terhadap reabiliti, nilai *cronbach alpha* terhadap teknik pengajaran ialah $\alpha = .80$. Manakala nilai *cronbach alpha* terhadap interaksi guru ialah $\alpha = .63$. Nilai *cronbach alpha* terhadap penglibatan pelajar ialah $\alpha = .80$. Kemudian nilai *cronbach alpha* terhadap kepuasan bekerja ialah $\alpha = .80$ dan yang terakhir nilai *cronbach alpha* terhadap prestasi guru ialah $\alpha = .83$.

Seterusnya, pengkaji menggunakan ujian kolerasi untuk mengkaji jika terdapat hubungan antara kesemua pembolehubah. Sebagai indeks, nilai pekali kolerasi Pearson mempunyai nilai seperti dalam Jadual 41 seterusnya :

Jadual 41: Tafsiran Nilai Pekali r mengikut Guilford (1989)

Nilai pekali r	Tafsiran
di bawah .20	Kecil; hampir-hampir tiada hubungan
di bawah .20 - .40	Kolerasi rendah; hubungan yang pasti tetapi kecil
di bawah .41 - .70	Kolerasi sederhana; hubungan yang teguh
di antara .71 - .90	Kolerasi tinggi; hubungan yang ketara
di antara .91 - 1.00	Kolerasi yang sangat tinggi; hubungan yang boleh dipercayai

Hasil mendapati kesemua pembolehubah berkolerasi antara satu sama lain. H1 awal yang dibina ialah terdapat hubungan antara teknik pengajaran dan interaksi guru. Selepas analisis yang dilakukan terhadap H1, jelas membuktikan bahawa hubungan

antara teknik pengajaran dan interaksi guru adalah signifikan, $r = .43^{***}$, $p < .001$. Seterusnya H2 awal iaitu terdapat hubungan antara interaksi guru dengan penglibatan pelajar. Analisis menunjukkan bahawa interaksi guru dan penglibatan pelajar mempunyai hubungan yang signifikan antara satu sama lain dengan nilai $r = .43^{***}$, $p < .001$.

H3 awal yang dibina terdapat hubungan antara interaksi guru dengan kepuasan bekerja. Analisis menunjukkan bahawa interaksi guru dengan kepuasan bekerja mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai $r = .40^{***}$, $p < .001$. Manakala H4 awal iaitu terdapat hubungan antara interaksi guru dengan prestasi guru. Analisis menunjukkan bahawa interaksi guru dan kepuasan bekerja mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai $r = .56^{***}$, $p < .001$. Seterusnya H5 ialah terdapat hubungan antara teknik pengajaran dengan penglibatan pelajar. Analisis menunjukkan kedua pembolehubah ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai $r = .45^{***}$, $p < .001$.


H6 awal yang dibina ialah terdapat hubungan antara teknik pengajaran dengan kepuasan bekerja. Selepas analisis yang dilakukan, terdapat hubungan yang signifikan antara teknik pengajaran dan kepuasan bekerja dengan nilai $r = .39^{***}$, $p < .001$. Seterusnya, hipotesis yang terakhir yang dicadangkan ialah terdapat hubungan antara teknik pengajaran dengan prestasi guru. Selepas analisis yang dilakukan, terdapat hubungan yang signifikan antara kedua pembolehubah ini dengan nilai $r = .54^{***}$, $p < .001$. Justeru, kesemua pembolehubah yang diuji membuktikan bahawa bersignifikan antara satu sama lain.

Analisis regresi dilakukan bagi menentukan sebab dan akibat antara pembolehubah. H1 menunjukkan nilai ($\beta = .60$, $SE = 0.12$, $p < .001$). Bagi H2 pula, menunjukkan nilai ($\beta = .40$, $SE = 0.08$, $p < .001$). Seterusnya H3, menunjukkan nilai ($\beta =$

.40, $SE = 0.10$, $p < .001$). H4 menunjukkan nilai ($\beta = .50$, $SE = 0.07$, $p < .001$). Analisis regresi secara langsung dilakukan terhadap H5, H6, dan H7 iaitu H5 menunjukkan nilai ($\beta = .56$, $SE = 0.11$, $p < .001$). H6 menunjukkan nilai ($\beta = .50$, $SE = 0.11$, $p < .001$). Hipotesis terakhir iaitu H7 menunjukkan nilai ($\beta = .65$, $SE = 0.10$, $p < .001$).

Seterusnya adalah analisis mediasi terhadap H8, H9 dan H10 yang menggunakan Sobel Test oleh Barron & Kenny. Analisis menunjukkan H8 menghasilkan nilai Sobel = 3.53, $SE = 0.07$, $p < .001$). Seterusnya analisis diantara H9 menunjukkan nilai Sobel = 3.53, $SE = 0.08$, $p < .001$). Analisis seterusnya diantara H10 menunjukkan nilai Sobel = 3.12, $SE = 0.08$, $p < .001$.

Analisis ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan teknik pengajaran dengan penguasaan bahasa dalam kajian pengkaji. Semua pembolehubah telah diuji dan terbukti kesemua pembolehubah bersignifikan dengan teknik pengajaran yang digunakan oleh guru dalam menunjukkan pencapaian pelajar dalam bahasa Melayu. Faktor yang dikaji ingin membuktikan bahawa kepentingan peranan guru dan pelajar sangat penting dalam mengukuhkan penguasaan bahasa Melayu pelajar Cina. Kesilapan yang dilakukan pelajar bergantung kepada kemahiran yang ada pada guru dalam membentuk pelajar yang mahir dalam penulisan. Hal ini disebabkan kesilapan sebagai '*significant*' iaitu sesuatu yang mempunyai makna tertentu bukan sahaja untuk pelajar tetapi juga untuk pengkaji dan pengajar (Corder, 1974).



Rajah 5.3 : Hubungan antara teknik pengajaran dengan interaksi guru, penglibatan pelajar, kepuasan bekerja dan prestasi guru. $N = 100$. * $p < .001$.**

5.4 Perbincangan

Dapatan pengkaji membuktikan terdapat hubungan yang signifikan antara teknik pengajaran dan interaksi guru terhadap penglibatan pelajar, kepuasan bekerja dan prestasi guru. Berdasarkan model teknik pengajaran yang dibina, kesemua hipotesis adalah diterima. Teknik pengajaran juga bergantung kepada interaksi guru iaitu guru memerlukan persediaan mental dan fizikal untuk menghasilkan teknik pengajaran yang efektif. Selain itu, interaksi antara guru dan pelajar adalah amat penting untuk mendapatkan kerjasama yang baik dari pelajar ketika berada di dalam kelas.

Analisis mendapati hubungan positif diantara interaksi guru dengan penglibatan pelajar disokong oleh Tisome T. Nugent. (2008). Interaksi guru yang baik akan menghasilkan penglibatan pelajar secara keseluruhan. Selain itu, interaksi guru yang baik akan melahirkan pelajar yang cemerlang. Mok Soon Sang (2006) menyatakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam bilik darjah banyak bergantung kepada corak interaksi guru dengan murid, murid dengan murid, dan murid dengan bahan pembelajaran. Oleh itu, interaksi guru memainkan peranan penting dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa.

Analisis seterusnya mendapati hubungan positif diantara interaksi guru dengan kepuasan bekerja. Hal ini dapat dilihat dengan melahirkan guru yang produktif dan inovatif terhadap kepentingan interaksi guru. Guru yang mampu berinteraksi dengan baik sekaligus memberi impak yang positif terhadap kerjaya sebagai guru. Ini dapat dilihat daripada analisis yang dilakukan antara kedua pembolehubah ini yang signifikan. Dapatan kajian ini juga menunjukkan interaksi guru dengan prestasi guru juga mempunyai hubungan antara satu sama lain. Prestasi kerja seorang guru itu bergantung kepada interaksi guru ianya akan memberi inspirasi kepada guru untuk bekerja dengan lebih bersemangat. Interaksi guru yang stabil dilihat dari segi aspek emosi, intelek,

rohani dan jasmani akan meningkatkan pencapaian terhadap kredibiliti seorang guru yang disokong oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Selain itu, prestasi pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu dapat dibuktikan melalui pencapaian pelajar dalam ujian karangan yang dilakukan oleh pengkaji di lokasi kajian. Berdasarkan analisis kesilapan yang dilakukan terhadap skrip jawapan subjek kajian, terdapat kesilapan mekanikal, kesilapan , kesilapan morfologi dan kesilapan sintaksis. Prestasi pelajar juga sangat berkait rapat dengan sikap pelajar terhadap mata pelajaran yang diajar. Fitt (1957) yang membuat kajian di Auckland, New Zealand juga mendapati hubungan antara sikap pelajar terhadap mata pelajaran mempunyai kaitan yang positif dengan pencapaian setelah beliau menggunakan soal selidik dalam kalangan 1244 orang pelajar di bandar itu.

Penglibatan pelajar sangat memberi kesan kepada setiap teknik pengajaran oleh guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Kajian menunjukkan bahawa guru mempunyai peranan langsung dalam tahap penglibatan pelajar melalui persekitaran bilik darjah (Dotterer & Lowe, 2011). Kerjasama yang baik daripada pelajar akan meningkatkan teknik pengajaran yang berkesan dan disokong oleh hipotesis yang dibina pada awal kajian. Guru juga perlu memastikan teknik pengajaran yang dilakukan di dalam kelas dapat memberi kesan yang positif terhadap pelajar. Sebagai contoh, teknik pengajaran menggunakan Alat Bantu Mengajar (ABM) di dalam kelas dapat menarik minat pelajar untuk belajar.

Hubungan antara teknik pengajaran dan kepuasan bekerja adalah signifikan. Cara pengajaran seseorang guru itu sama ada positif atau negatif akan memberi impak terhadap kepuasan bekerja guru tersebut. Sebagai contoh, guru yang menggunakan teknik pengajaran yang baik akan merasa lebih puas kerana menyampaikan maklumat dengan jelas kepada pelajar.

Hipotesis 7 disokong oleh Curtner-Smith et al. (2001). Apabila seorang guru memberikan teknik pengajaran yang efektif kepada pelajarnya ia secara tidak langsung menunjukkan bahawa prestasi kerja guru tersebut telah meningkat ke satu tahap yang lebih baik. Secara keseluruhan, kajian mendapati ketujuh-tujuh pembolehubah adalah berkaitan antara satu sama lain. Hasil kajian mendapati teknik pengajaran memberikan implikasi terhadap interaksi guru.

Secara keseluruhannya, faktor teknik pengajaran berhubung kait dengan tahap penguasaan pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Keputusan analisis kesilapan dan analisis pembolehubah yang dilakukan oleh pelajar membuktikan kedua-dua aspek ini saling mempengaruhi tahap penguasaan. Oleh itu, penulisan karangan pelajar perlulah mendapat sokongan guru dan pelajar hendaklah saling membantu dalam meningkatkan pencapaian yang lebih cemerlang.

Berdasarkan tahap penguasaan melalui kajian terhadap analisis kesilapan menunjukkan tahap pelajar masih berada dalam keadaan sederhana. Tahap kesederhanaan mereka dibuktikan apabila kesilapan sintaksis yang dilakukan pelajar iaitu sebanyak 7 peratus sahaja. Kesilapan mekanikal pula sebanyak 38 peratus manakala kesilapan morfologi sebanyak 55 peratus. Pengkaji melihat tahap penguasaan pelajar Cina dipengaruhi oleh teknik pengajaran yang melibatkan interaksi guru, penglibatan pelajar, prestasi guru dan kepuasan bekerja guru. Kaedah dan teknik pengajaran yang lebih berkesan boleh digunakan oleh guru untuk menarik minat pelajar untuk belajar bahasa Melayu khususnya pelajar bahasa kedua.

5.5 Rumusan

Bab ini menerangkan tentang teknik pengajaran dengan penguasaan bahasa Melayu. Pengkaji menguji pembolehubah untuk membuktikan teknik pengajaran mempengaruhi tahap penguasaan pelajar yang mempelajari bahasa kedua melalui analisis kesilapan. Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh membuktikan teknik pengajaran berkait rapat dengan tahap penguasaan bahasa pelajar Cina yang mempelajari bahasa kedua iaitu bahasa Melayu.

Guru bahasa disarankan supaya tidak membataskan pengajaran setakat aspek sebutan, leksikal, tatabahasa dan struktur ayat sesuatu bahasa di dalam kelas B2. Kaedah-kaedah pengajaran dan penilaian yang lebih bermanfaat adalah perlu untuk menggalakkan interaksi antara pelajar-pelajar pelbagai kaum yang mengikuti kursus bahasa.

Guru-guru yang mengajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua perlulah mengambil perhatian serius supaya pelajar Cina dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik. Malah, guru-guru yang menggunakan pelbagai strategi pengajaran dapat membantu pelajar-pelajarnya menguasai pelbagai ilmu bahasa dengan cepat dan berkesan (Oxford & Crookall, 1989). Peranan guru menggunakan teknik pengajaran yang berkesan dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa khususnya bahasa Melayu.

BAB 6 : RUMUSAN DAN CADANGAN

6.0 Pendahuluan

Penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar Cina agak lemah dan perlu dipertingkatkan supaya mereka dapat menguasai Bahasa Melayu terutama dalam penulisan Bahasa Melayu. Pengajaran dan pembelajaran yang diterapkan kepada pelajar juga perlulah berkesan dan menarik. Yahya Othman (2005) menyatakan pembelajaran bahasa perlu berlangsung dalam suasana terancang dengan pelajar berusaha menguasai kandungan pelajaran gurunya. Malah, untuk mendapatkan hasil pembelajaran yang baik dan berkesan, guru perlulah memahami konsep pembelajaran serta aplikasinya di dalam bilik darjah.

Krashen (1981) mengatakan pembentukan bahasa kedua mempunyai kaitan dengan penguasaan pelajar dalam bahasa kedua dan pembelajaran bahasa kedua wujud dalam konteks menguasai tatabahasa secara formal. Pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua akan mengalami proses pembelajaran dan akan melakukan kesilapan. Kesilapan ini yang dikatakan sebagai proses dalam pembelajaran bahasa kedua. Tahap penguasaan pelajar bahasa kedua dapat dikenalpasti melalui kesilapan yang dilakukan pelajar. Proses inilah disebut sebagai analisis kesilapan.

Langkah-langkah yang sewajarnya perlu diambil untuk mengatasi masalah kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina di SMPKH. Langkah dan cadangan perlu dilakukan oleh pihak kementerian, pihak sekolah, guru-guru dan pelajar supaya tahap penguasaan pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa kedua dapat dipertingkatkan dengan lebih baik.

6.1 Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar-Pelajar Cina

Tahap penguasaan pelajar-pelajar Cina yang mempelajari bahasa kedua iaitu bahasa Melayu ditentukan melalui kajian analisis kesilapan dengan mengaplikasikan teori yang dibawa oleh Corder (1973) dan Krashen (1981). Berdasarkan analisis kesilapan yang dilakukan terhadap skrip jawapan karangan pelajar, pengkaji mendapati tahap penguasaan pelajar masih lemah khususnya dalam aspek morfologi sebanyak 55 peratus. Kesilapan morfologi merangkumi kesilapan imbuhan, kesilapan pemilihan perkataan, kesilapan kata sendi nama, kesilapan kata ganti nama diri, kesilapan penjodoh bilangan dan kesilapan kata hubung. Kesilapan aspek mekanikal yang terdiri daripada kesilapan ejaan, kesilapan tanda baca dan kesilapan huruf besar dan huruf kecil sebanyak 38 peratus. Tahap penguasaan pelajar juga masih lemah melalui kesilapan sintaksis sebanyak 7 peratus.

6.2 Hubungan Teknik Pengajaran Dengan Tahap Penguasaan Pelajar

Teknik pengajaran guru dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan kepada pelajar adalah sangat penting. Berdasarkan soal selidik, pengkaji mengenal pasti hubungan teknik pengajaran dengan beberapa pemboleh ubah dan mempengaruhi tahap penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Pengkaji menfokuskan kepada teknik pengajaran guru kerana jika seseorang guru dapat memberikan impak positif kepada pelajar maka pelajar akan dapat menguasai sesuatu perkara yang dipelajarinya dengan baik.

Teknik pengajaran guru yang baik mendatangkan implikasi yang positif terhadap penglibatan pelajar, kepuasan bekerja guru dan prestasi guru. Hal ini disokong oleh Curtner-Smith et.al (2001) yang menyatakan penggunaan teknik pengajaran dianggarkan oleh data yang dilaporkan sendiri oleh guru mengikut teknik pengajaran

yang diamalkan oleh mereka. Ahmad Khair Mohd. Nor (2005) menyatakan penguasaan kemahiran menulis bukan hanya bergantung kepada bakat semata-mata malah dipengaruhi juga oleh pengajaran menulis yang bersistem dan berkesan. Hal ini jelas menunjukkan tahap penguasaan pelajar dalam penulisan juga bergantung kepada teknik dan kaedah pengajaran guru. Berdasarkan kajian, pengkaji mendapati tahap penguasaan murid dalam menulis karangan masih lemah kerana banyak kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar mengikut analisis yang dilakukan dan guru memainkan peranan penting dalam menarik minat pelajar dalam subjek yang diajar.

6.3 Cadangan Mengatasi Kelemahan Penguasaan Pelajar

Kelemahan pelajar dalam penguasaan bahasa Melayu dapat dikenal pasti melalui analisis kesilapan dan keputusan analisis hubungan teknik pengajaran dengan pembolehubah. Tahap penguasaan pelajar dalam bahasa Melayu masih lemah dan boleh diperbaiki dari semasa ke semasa. Pengkaji melihat kelemahan pelajar ini boleh diatasi melalui peranan guru khususnya yang banyak melibatkan diri dengan proses pembelajaran pelajar di sekolah. Malah, peranan pelajar, sekolah, kementerian dan persekitaran juga dapat memberi impak yang besar dalam penguasaan pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

6.3.1 Peranan dan Sikap Pelajar

Sikap dan persepsi pelajar memainkan peranan penting dalam menguasai mata pelajaran yang dipelajari. Sikap pelajar yang positif akan melahirkan suasana belajar yang baik dan memudahkan proses pembelajaran berlaku dengan lebih berkesan. Sikap ini lahir daripada pengalaman dan persepsi seseorang terhadap sesuatu perkara atau fenomena (Robbins, 1986). Persepsi pelajar-pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran akan membentuk sikap mereka terhadap mata pelajaran tersebut.

Tengku Nor Faizul Tengku Embong (2006 ; 114) berpandangan bahawa pelajar seharusnya mengubah tanggapan mereka terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu yang dikatakan subjek yang mudah. Hal ini menyebabkan mereka tidak menumpukan sepenuh perhatian di dalam kelas dan tidak memandang serius akan subjek ini. Sikap ini perlu diubah dan pelajar perlu menanamkan sikap minat belajar dalam diri tidak kiralah dalam subjek bahasa Melayu atau subjek lain. Peranan pelajar terutama dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua adalah dengan berusaha menyemaikan sikap positif dan minat yang mendalam dapat membantu menguasai bahasa dengan baik.

Tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Cina boleh ditingkatkan sekiranya pelajar-pelajar menganggap subjek bahasa Melayu sebagai subjek yang penting. Malah, pelajar juga perlu rajin berkomunikasi dalam bahasa Melayu sama ada di sekolah atau di rumah. Pelajar perlu membiasakan diri dengan berbual dalam bahasa Melayu berbanding bahasa ibunda mereka. Penguasaan bahasa Melayu akan menjadi lebih mudah dengan mempraktikkan kemahiran bertutur. Menurut Yahya Othman (2005 : 39), sesetengah pelajar menganggap kemahiran bertutur perlu dikuasai setelah menguasai kemahiran asas tatabahasa dan perbendaharaan kata. Anggapan pelajar ini perlu diubah kerana kemahiran bertutur perlu dimulakan dari awal untuk memudahkan pelajar mempelajari sesuatu bahasa.

Selain itu, pelajar juga perlu meningkatkan pembacaan bahan-bahan berkaitan dengan bahasa Melayu. Aspek pembacaan dan pemahaman sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa terutama bagi pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Yazid Othman (1985) menjelaskan akhbar dan majalah berperanan penting sebagai sumber pendidikan dan amat luas sekali pengaruhnya dan lebih menyeluruh tanpa mengira peringkat usia dan kedudukan sosial masyarakat.

Pelajar perlu memanfaatkan akbar dan majalah yang boleh memberikan sumber maklumat terutama bidang ilmu.

6.3.2 Peranan Guru-Guru

Peranan guru sangat besar dalam melahirkan pelajar yang berjaya. Berdasarkan kajian pengkaji, peranan guru penting dalam memastikan pelajar supaya dapat menguasai bahasa Melayu yang dipelajarinya dengan baik. Hal ini mendorong guru untuk mencari kaedah dan strategi dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya pelajar lebih berminat untuk belajar. Penggunaan strategi pengajaran yang berkesan oleh guru akan menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang baik dan akhirnya membawa kepada kecemerlangan pelajar.

Pengajaran merupakan suatu proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas yang bertujuan menyebarkan ilmu pengetahuan dan kemahiran tertentu. Richard dan Lockhart (1994) menjelaskan pengajaran adalah suatu proses yang kompleks. Proses pengajaran guru tersebut boleh dilihat melalui penelitian terhadap kepercayaan dan proses pemikirannya ketika mengajar di dalam kelas. Oleh itu, guru-guru perlu mempunyai kemahiran daya fikir yang kreatif dan jelas dalam mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan berkesan. Setiap guru perlu membuat perancangan sebelum memulakan pengajaran di dalam kelas supaya proses pengajaran berjalan lancar.

Wan Nordin (2006) pula menjelaskan bahawa antara faktor yang menghalang keberkesanan proses P&P bahasa ialah teknik P&P yang kurang berkesan kerana kurang melibatkan penggunaan alat bantu P&P yang pelbagai. Oleh itu, guru bahasa Melayu haruslah kreatif dalam menggunakan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran di dalam bilik darjah. Kaedah pengajaran menggunakan ABM (Alat Bantu Mengajar) dapat

membantu pelajar dalam memahami bahasa yang dipelajarinya dengan lebih mudah. Hal ini juga mendorong pelajar untuk lebih beminat mempelajari bahasa Melayu.

Abu Hassan (2006) menjelaskan bahawa dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang, guru perlu melibatkan pelajar secara aktif untuk menggalakkan pembentukan pemikiran kritis, analitis dan inovatif. Proses pembelajaran juga perlu berpusatkan kepada pelajar dengan bimbingan guru sebaiknya. Guru-guru perlu mengasah pelajar untuk berkomunikasi dalam kelas dan mewujudkan perbincangan dua hala yang boleh menjana idea pelajar dalam penguasaan bahasa Melayu. Orlich, Harder, Callahan, Trevisan & Brown (2007) berpendapat bahawa perbincangan merupakan teknik yang boleh meningkatkan kemahiran pemikiran dan pertuturan pelajar serta dapat merangsang pemikiran analitik. Perbincangan digunakan oleh guru untuk mencapai tiga objektif pengajaran, iaitu meningkatkan pemikiran dan membantu pelajar membina kefahaman kandungan, merangsang penglibatan, serta membantu pelajar menguasai kemahiran komunikasi dan proses pemikiran (Arends, 2001).

Kebanyakan guru pada hari ini hanya tertumpu kepada buku teks sahaja dan mengajar berpusatkan guru. Alasan yang diberikan adalah untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan kekurangan masa. Guru perlu mewujudkan suasana kelas yang kondusif dan menarik supaya proses pengajaran dan pembelajaran menjadi tidak membosankan. Menurut Ee Ah Meng (2003), aspek peperiksaan yang ditekankan dalam sistem pendidikan menyebabkan guru-guru cuba menghabiskan sukatan pelajaran walaupun masih ada pelajar yang lemah. Oleh itu, guru-guru perlu lebih peka dan mengubah kaedah pengajaran yang lebih efisien bukan sahaja ingin menghabiskan sukatan mata pelajaran semata-mata.

Selain itu, guru-guru perlu menggunakan kemudahan internet dalam menarik minat pelajar menguasai bahasa khususnya bahasa Melayu. Kajian oleh Ab. Halim (2006), mendapati kekerapan penggunaan web, perisian komputer, aplikasi komputer (*power point*) dan video kepada para pelajar pada tahap yang sederhana. Guru-guru perlu memanfaatkan penggunaan web dan kemudahan yang disediakan oleh kementerian pendidikan di semua sekolah dengan sebaik mungkin supaya pengajaran menjadi lebih menarik dan pelajar akan lebih berminat dalam mata pelajaran yang diajar. Zhao, Hueyshan dan Mishra (2000) juga menyatakan bahawa guru menggunakan komputer untuk menghasilkan penyampaian yang lebih menarik serta berkesan, menguruskan pelajar mereka dengan cekap, dan memudahkan komunikasi dengan ibu bapa serta pelajar.

6.3.3 Peranan Pihak Sekolah

Sekolah memainkan peranan penting dalam memastikan tahap pencapaian para pelajar dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Pihak pengurusan sekolah haruslah memastikan guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu mempunyai kelayakan. Hal ini bertujuan memastikan pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Melayu mendapat saluran yang betul dan sekaligus menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Peranan bahasa Melayu menjadi bahasa penghantar utama bagi semua sistem pendidikan formal peringkat sekolah rendah kebangsaan, menengah, dan pengajian tinggi. Pengiktirafan ini telah diwartakan dalam Akta Pendidikan 1961. Selain itu, peranan dan status bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar pendidikan terutamanya di institusi-institusi pendidikan tinggi swasta mengalami perubahan atau penambahbaikan apabila pihak Parlimen Malaysia meluluskan Akta Pendidikan 1996. Bahasa kebangsaan dapat dijadikan bahasa penghantar di semua institusi pendidikan

dalam sistem pendidikan kebangsaan. Oleh itu, semua sekolah perlulah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah.

Pihak sekolah juga perlu memantau perkembangan guru-guru dan pelajar-pelajar bagi memastikan tahap pencapaian penguasaan bahasa Melayu cemerlang. Masalah kekurangan guru bahasa Melayu perlu diselesaikan dengan mengambil guru-guru yang memenuhi kriteria dan layak mengajar subjek bahasa Melayu. Guru-guru juga perlu diberi latihan intensif dan berterusan sepanjang perkhidmatan supaya dapat menimba ilmu dan pengetahuan seiring dengan perkembangan dunia.

Selain itu, pihak pengurusan sekolah haruslah mewajibkan guru menggunakan bahasa Melayu yang betul semasa mengajar di dalam kelas. Hal ini kerana tidak semua guru yang mengajar subjek bahasa Melayu terdiri daripada guru berbangsa Melayu. Terdapat juga guru berbangsa Cina dan India yang mengajar bahasa Melayu. Guru-guru ini perlulah menggunakan bahasa Melayu dalam pengajaran di dalam kelas dan tidak menggunakan bahasa ibunda mereka. Penggunaan dialek juga perlu dielakkan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku. Hal ini terbukti dalam kajian Farid dan Ajid (1993) mendapati bahawa dialek tempatan menimbulkan pengaruh negatif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu (BM) ke atas pelajar.

6.3.4 Peranan Pihak Kementerian

Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan pihak yang menentukan dasar pelajaran di negara ini. Pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan Melayu hendaklah diberi perhatian oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Hal ini selaras dengan tuntutan Fasal 152 dalam perlembagaan Malaysia iaitu bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia haruslah memandang serius terhadap masalah kekurangan guru bahasa Melayu yang terlatih. Pihak kementerian hendaklah

memperbanyak bilangan guru bahasa Melayu yang terlatih. Masalah guru bahasa Melayu yang terpaksa mengajar banyak kelas dan guru subjek lain yang terpaksa mengajar subjek bahasa Melayu tidak akan berlaku. Malah, pihak Kementerian Pendidikan juga perlulah menyediakan latihan dan kursus yang menepati keperluan semasa kepada bakal-bakal guru. Guru-guru bahasa Melayu haruslah diberi kursus pementapan aspek tatabahasa.

6.4 Cadangan Kajian Selanjutnya

Penyelidikan tentang tahap penguasaan bahasa Melayu boleh dilakukan sebagai lanjutan daripada kajian ini. Kajian ini menfokuskan kepada tahap penguasaan pelajar yang mempelajari bahasa kedua melalui pendekatan analisis kesilapan yang merangkumi tiga aspek iaitu kesilapan mekanikal, kesilapan morfologi dan kesilapan sintaksis. Kajian yang lebih mendalam boleh dilakukan untuk mengenal pasti masalah dan punca kelemahan pelajar dalam menguasai bidang tatabahasa bahasa Melayu serta langkah untuk mengatasinya.

Kajian tahap penguasaan bahasa melalui pendekatan analisis bahasa boleh diperluaskan. Kajian ini perlu dilanjutkan dengan melakukan kajian-kajian pada peringkat yang lebih tinggi iaitu peringkat universiti. Kajian lanjutan boleh dilakukan dengan lebih meluas dan melihat tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar-pelajar Cina dengan lebih mendalam.

Selain itu, kajian ini boleh dilakukan terhadap pelajar-pelajar Melayu dan pelajar asing bukan sahaja terhadap kepada pelajar Cina ataupun India. Kajian penguasaan bahasa sangat luas dilakukan oleh pengkaji serata dunia. Oleh itu, pengkaji seterusnya boleh meluaskan kajian untuk mengkaji tahap penguasaan bahasa Melayu serata dunia tidak tertumpu kepada pelajar-pelajar di Malaysia sahaja.

Kajian juga tidak terbatas kepada aspek mekanikal, morfologi atau sintaksis sahaja. Pengkaji seterusnya boleh menfokuskan kepada satu aspek sahaja yang hendak dikaji. Banyak aspek bahasa Melayu yang masih belum diterokai oleh pengkaji. Bahasa Melayu merupakan bidang bahasa yang sangat luas yang boleh dikaji khususnya untuk membuktikan penguasaan bahasa Melayu. Malah kajian yang menggunakan pendekatan analisis kesilapan dalam kajian tahap penguasaan bahasa Melayu masih banyak yang perlu diperbaiki.

Di samping itu, kajian juga boleh dilakukan terhadap guru-guru pelatih maktab perguruan dan guru-guru yang sudah tetap. Kajian ini penting untuk melibat penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan guru-guru yang mengajar. Paksi yang paling penting adalah berpusat kepada guru. Sekiranya guru menguasai bahasa Melayu dengan baik maka pengajaran akan menjadi lebih mudah dan pelajar akan menguasai bahasa Melayu.

Kajian juga boleh dilakukan di sekolah kerajaan dan persendirian. Hal ini kerana tidak banyak kajian yang dilakukan di sekolah persendirian. Pengkaji seterusnya boleh melakukan analisis perbandingan antara sekolah kerajaan dengan sekolah persendirian untuk mengenal pasti pencapaian bahasa Melayu antara kedua-dua buah sekolah.

6.5 Kesimpulan

Kajian tentang tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar Cina di Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua di Klang telah menunjukkan tahap penguasaan pelajar bukan Melayu. Pelajar-pelajar Cina yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua berhadapan dengan kesulitan dalam memahami dan menguasai bahasa Melayu.

Punca-punca yang menyebabkan tahap penguasaan pelajar Cina masih belum dapat diatasi dengan sepenuhnya. Faktor-faktor yang berlaku merupakan faktor yang berulang dan sering menjadi masalah kepada pelajar. Cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji terdahulu belum dapat memberi kesan dalam meningkatkan tahap penguasaan pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Pengkaji berharap agar semua pihak termasuklah pihak pelajar, guru, sekolah dan kementerian mengambil perhatian dalam menangani masalah bagi meningkatkan pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar bukan Melayu.

Kajian penguasaan bahasa Melayu yang dilakukan oleh pengkaji menggunakan pendekatan analisis kesilapan dalam mengenal pasti tahap pencapaian pelajar-pelajar Cina banyak memberi manfaat kepada guru-guru khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Guru-guru dapat mengenal pasti kesilapan yang kerap dilakukan oleh pelajar. Malah, guru-guru juga dapat mengetahui faktor yang menyebabkan kesilapan bahasa itu.

Guru-guru juga membuat perancangan dengan lebih baik dan berkesan sebelum memulakan pengajaran di dalam kelas. Guru-guru akan lebih bersedia dan pelajar-pelajar akan mendapat pengajaran yang berkesan daripada guru yang mengajar. Kajian penguasaan bahasa ini sangat penting supaya guru memperbetulkan kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina terutamanya yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz Sutan. *Kesalahan-kesalahan Bahasa Pelajar Sekolah Menengah Cina Persendirian di Selangor*. Master tesis. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Chaer. 1998. *Tata Bahasa Praktis Bahasa Indonesia*. Jakarta : Rineka Cipta.
- Abraham H. Maslow. (1984). *“Motivasi dan Keperibadian”* Jakarta : Pustaka Binonim Pressido.
- Ahmad Zulfadhli Nokman, Azman Che Mat, Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar, Nor Shaifura Musilehat dan Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub. 2017. *Kesilapan Sebutan Bahasa Arab dalam Kalangan Bukan Penutur Jati*. Jurnal e-Akademik. Vol. 6. Halaman 100-108. Terengganu: Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA.
- Ahmad Khair Mohd Noor. (2005). Menulis membina ketrampilan berfikir. *Pelita Bahasa*, Julai 18 (7): 12-14.
- Arends, R.I. (2001). *Learning to teach*. (5th ed.) New York: McGraw-Hill Co.
- Arulnathan a/l Visurasam . (2013). *Analisis kesilapan dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua oleh pelajar India : strategi pembelajaran dan pemindahan bahasa*. Thesis (Ph.D.) . Akademi Pengajian Melayu : Universiti Malaya.
- Appleton, J.J, & Christenson, S.L, Kim. D., & Reschly. A. L,. (2006). Measuring Cognitive and Psychological engagement : Validation of the Student Engagement Instrument (SEI). *Journal of School Psychology* 44 (2006, 447 – 445.
- Awang Sariyan dan Mohd. Sahari Nordin. 1990. *Kajian tentang Penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar Ilmu di Kalangan Guru Pelatih Sebuah Universiti di Malaysia*. *Jurnal Dewan Bahasa*. Vol. 34. Bil. 11. Halaman 828-838.
- Baron, R. M., & Kenny, D. A. (1986). The moderator-mediator variable distinction in social psychological research: Conceptual, strategic, and statistical considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*, 51, 1173–1182.

- Brown, H. D. (2000). *Principles of language learning and teaching*. New York: Longman.
- Cheng, Y., Luh, W., & Guo, Y., (2003). Reliability and Validity of the Chinese Version of the Job Content Questionnaire in Taiwanese Workers. *International Journal Of Behavioral Medicine*, 10(1), 15–30.
- Chew Fong Peng. 2016. *Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Vol.6 Bil. 2. Halaman 10-22.
- Constantine Chatoupis. (2009). Contributions Of The Spectrum Of Teaching Styles To Research On Teaching. *Studies In Physical Culture And Tourism Vol. 16, No. 2*, 2009.
- Corder, S.P (1967). *The Significance of Learners's Error*. IRAL, 5 (4), 161-170).
- Corder, S. P. (1974). The significance of learners' errors. Dlm. J. C Richards (pnyt.), *Error analysis: Perspectives on second language acquisition*. London: Longman.
- Curtner-Smith, M.D., Todorovich, J.R., Mc Caughtry N. A. & Lacon, S.A. (2001) Urban teachers' use of productive and reproductive teaching styles within the confines of the National Curriculum for Physical Education. *European Physical Education Review* 7, 177-190.
- Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Ketiga). 2012. Kementerian Pendidikan Malaysia. Shah Alam: Giga Wise Network Sdn. Bhd.
- Dotterer, A. M., & Lowe, K. (2011). Classroom Context, School Engagement, and Academic Achievement in Early Adolescence. *Journal of Youth Adolescence* , 40, 1649-1660.
- Ee Ah Meng (2003). *Pedagogi II*. Shah Alam : Fajar Bakti.
- Ellis, R. (1997). *SLA research and language teaching*. Oxford : Oxford University Press.

- E. Kuntsche, G. Gmel, & J. Rehm, (2006). The Swiss Teaching Style Questionnaire (STSQ) and Adolescent Problem Behaviors. *Swiss Journal of Psychology* 65 (3), 2006, 147–155.
- Farid M. Onn, Ajid Che Kob. (1993). Simposium Dialek. Penyelidikan dan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fathiyah Chapakia Bt. Omar Chapakia. (2008). Amalan Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Agama Rakyat Selatan Thailand: Kajian Kes di Sekolah Muslim Phatanasad. Tesis Master. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Fitt, A. B. (1990). An Experimental Study of Children's Attitude to School in Auckland, New Zealand *British Journal of Psychology* 57, 25-30.
- Hein V., Kivimets M., (2012). The effects of two styles of teaching and teachers qualification on motor skill performance of the cartwheel, *Acta Kinesiologiae Universitatis Tartuensis*, 2000, 5: 67-78.
- Idris, M. A., Dollard, M. F., & Winefield, A. H. (2011). Integrating psychosocial safety climate in the JD-R model: A study amongst Malaysian workers. *SA Journal of Industrial Psychology*, 37, 1–11. doi :10.4102/sajip.v37i2.851.
- Idris, M. A., & Dollard, M. F., (2011) . Psychosocial Safety Climate, Work Conditions, and Emotions in the Workplace: A Malaysian Population-Based Work Stress Study. *International Journal of Stress Management* 2011, Vol. 18, No. 4, 324–347.
- Jack C. Richards & Charles Lockhart. (1994). Reflective Teaching in Second Language Classrooms : *Cambridge language education Language Education Series*.
- Kamus Dewan*. 2007. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karasek, R., Brisson, C., Kawakami, N., Houtman, I., Bongers, P., & Amick, B. (1998). The Job Content Questionnaire (JCQ) : An instrument for internationally comparative assessments of psychosocial job characteristics. *Journal of Occupational Health Psychology*, 3, 322–355.
- Khazriyati Salehuddin, Tan Kim Hua, & Marlyna Maros. (2006). *Definiteness and indefiniteness: A contrastive analysis of the use of determiners between the Malay language and English*. GEMA OnlineTM Journal of Language Studies, 6(1), 21-30.

- Krashen, S.D. (1982). *Principles and Practice in Second Language Acquisition*. Oxford : Pergamon.
- Lado, R. (1957) . *Linguistics Across Cultures : Applied Linguistic for Language Teachers*. Ann Arbor : Chicago of Michigan Press.
- Leng, Wong Seet (2005) *Mencatat jurnal sebagai pendekatan untu mempertingkatkan pengajaran reflektif dan perkembangan profesional guru*. In : *Pedagogi merentas kurikulum* : PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Lufti Abas . (1975) . *Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Medan Sandra Kasih. (2003). Analisis kontrastif dan keanekabahasaan. *Jurnal Bahasa*, 47(10), 36-40.
- Muhammed Salehuoin Aman. 1993. *Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama*. Tesis Sarjana Sains. Serdang: Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia.
- Mok Soon Sang. 2005. *Ilmu Pendidikan untuk KPLI (Sekolah Rendah): Kompenan 1 & 2. Psikologi Pendidikan dan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Mosston, M. and Ashworth, S. (2002) *Teaching Physical Education*. 5th edition. *Benjamin Cummins, San Francisco*.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2003). *Teori Tatabahasa : Implikasinya Terhadap Pengajaran Tatabahasa*. Tanjong Malim : Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Safiah Karim. 2002. *Bahasa Melayu STPM*. Shah ALam: Fajar Bakti. Halaman 160.
- Nik Safiah Karim, Farid Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood, 2015. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norehan Muhamad. (2009). Analisis Kesilapan: Satu kajian terhadap karangan murid-murid Orang Asli. *Jurnal Penyelidikan DEDIKASI*, 1(Dis), 119-136.

- Normaizam Hamid. 2002. *Analisis Kesilapan Sintaksis dalam Karangan di Kalangan Pelajar Prauniversiti: Satu Kajian Kes*. Masters thesis. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Orlich, D.C, Harder,R.J., Callahan, R.C. ,Trevisan, M.S. & Brown, A.H. (2007). *Teaching Strategies: A Guide To Effective Instruction*. Boston : Houghton Mifflin Co.
- Oxford, R. 1989. The Role of Styles and Strategies in Second Language Learning. ERIC. No. ED317087.
- Pay See Tiang. (2008). *Politik Pendidikan Sekolah Menengah Persendirian Cina (Smpc),1962-2002: Satu Kajian Tentang Perkembangan Smpc Di Ipoh, Perak. :* Universiti Sains Malaysia.
- Puteri Roslina Abdul Wahid (2004). *Bahasa Antara*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Preacher, K. J., & Hayes, A. F. (2004). SPSS and SAS procedures for estimating indirect effects in simple mediation models. *Behavior Research Methods, Instruments, & Computers*, 36, 717–731.
- Richards, J. C., Platt, J. T., Weber, H. & Candlin C. N. 1992. *Longman Dictionary of Applied Linguistics*. Essex: Longman.
- Richards, J. C. (pnyt.) (1974). *Error analysis: Perspectives on second language acquisition*. London: Longman.
- Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron. 2016. *Kesilapan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu*. *Jurnal Melayu*. Vol. 2. Bil. 2. Halaman 196-209.
- Saracho, O. N. (1990). The match and mismatch of teachers and students's cognitive styles. *Early Child Development and Care*, 54 , 99 – 1-9.
- Saracho, O.N., & Spodek, B. (1994). Matching preschool children's and teachers's cognitive styles. *Perceptual and Motor Skilss*, 78, 683 – 689.
- Selinker, L (1972). *Interlanguage*. *International Review of Applied Linguistics*. 10(3), 209-230.

- Selinker, L. & Gass, S. M. (Penyunting). (1983). *Language Transfer in Language Learning*. Massachusetts : Newbury Home Publishers.
- Selinker, L. (1974). *Language Transfer*. Dalam Richards, J.C. (penyunting), *Error Analysis : Perspective on Second Language Acquisition* (pp.33-53). London : Longman.
- Schaufeli, W., & Bakker, A. B. (2003). Utrecht Work Engagement Scale (UWES): Preliminary Manual [Version 1, November 2003]. *Journal of Occupational Health Psychology*, 48, 3-58.
- Sharifah Maimunah Syed Zain. (2004). *Hala tuju pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris*. *Diges Pendidik*, Jilid 4, Bil.1/2004 1-12.
- Supian Mohammad Noor. 1994. *Analisis Kesilapan Penggunaan Frasa Kerja Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat KBSM: Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana Sains. Serdang: Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia.
- Tisome T. Nugent. (2008). *Questionnaire on Teacher Interaction Teacher Self Questionnaire : The Impact Of Teacher-Student Interaction On Student Motivation And Achievement*. A dissertation for the degree of Doctor of Education *Department of Educational Research, Technology and Leadership in the College of Education at the University of Central Florida Orlando, Florida*.
- Ward, C., Bochner, S., & Furnham, A. (2001). *The psychology of culture shock*. (2nd ed). Hove, UK: Routledge.
- Wentura, D.F. (1985). The effects of matching teaching and learning styles on student performance in university classes. *Dissertation Abstracts International*, 46 (3A) : 605.
- Yahya Othman, (2005). *Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : PTS Professional.
- Yazid Othman . (1985). *Peranan Akhbar di Malaysia sebagai Sumber Pendidikan* . Serdang : Universiti Putra Malaysia.

Zhao, Y., Hueyshan, T.S. dan Mishra, P. (2000). "Teaching and Learning: Whose Computer Is It?" di dalam Bruce, B.C. (ed.). "Literacy in the Information Age: Inquiries into Meaning Making with New Technologies." Delaware: International Reading Association.

Zulkifley Hamid. 2006. *Penyediaan Bahan Pengajaran Bahasa Melayu yang Bermutu: Penerapan Teori Linguistik*. Jurnal Melayu, 94-106.

University of Malaya